


# Kandungan

PERUTUSAN
4 Iftitah Kalam YB Menteri
6 Prakata Ketua Setiausaha Negara
7 Prawacana Ketua Pengarah JAWHAR

MAKLUMAT KORPORAT
10 Latar Belakang Penubuhan
11 Visi, Misi, Objektif, Dasar Kualiti
12 Fungsi, Kod Etika
13 Piagam Pelanggan
14 Motto, Slogan
15 Carta Organisasi
16 Profil Pengurusan Tertingggi
20 Warga JAWHAR

LAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA
24 Bahagian Wakaf
32 Bahagian Zakat
36 Bahagian Mal
40 Bahagian Haji
43 Pejabat Penasihat Undang-Undang
43 Bahagian Penyelidikan & Penyelarasan
44 Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
47 Bahagian Teknologi Maklumat
54 Yayasan Waqaf Malaysia
56 Lembaga Zakat Antarabangsa
58 Majlis-majlis Utama JAWHAR 2008
77 Penerbitan
79 Pembangunan Modal Insan
82 Memorandum Persefahaman
83 Anugerah dan Pencapaian JAWHAR
85 Khidmat Nasihat
87 Kumpulan Meningkat Mutu Kerja KMK

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN
91 Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan 2008
92 Laporan Pengurusan Kewangan

LAPORAN KEBAJIKAN, SOSIAL DAN SUKAN
100 Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR (KKSJ) 2008
114 PUSPANITA
130 Kelab Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAM) JAWHAR 2008

INFORMASI
134 JAWHAR di Persada Media
143 Tetamu JAWHAR
144 Program Latihan Praktikal Mahasiswa

LAMAN ZAMAN
146 Lensa 2008
151 Tekad 2009



# Perutusan

# Iftitah Kalam
# Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



"Ke arah merealisasikan impian menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh, Kerajaan berpegang kepada prinsip bahawa pembangunan fizikal dan ekonomi tidak harus menjadi matlamat tunggal dalam cita-cita masyarakat berbudaya tinggi".



Segala puji bagi Allah S.W.T tuhan sekelian alam, dan selawat serta salam ke atas penghulu umat, Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan sahabat-sahabatnya yang telah dijanjikan kesejahteraan ke atas mereka.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada JAWHAR kerana telah menerbitkan Laporan Tahunan 2008 ini yang antara lainnya memuatkan pencapaian, kejayaan-kejayaan serta program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008.

Pendekatan pembangunan ummah melalui pembangunan ilmu pengetahuan serta pembangunan fizikal merupakan ciri-ciri pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh JAWHAR. Perkara ini selaras dengan Pendekatan Islam Hadhari yang telah menetapkan unsur spiritual perlu diterapkan dalam setiap aspek keperluan duniawi. Sebagai contoh, dalam peruntukan pembangunan tanah wakaf di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, Kerajaan telah mengkhususkan sejumlah RM1.5 juta untuk program Pemantapan Baitulmal Kebangsaan sebagai pemangkin pembangunan ilmu dalam bidang-bidang berkaitan di samping peruntukan pembangunan yang lain.

Ke arah merealisasikan impian menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh, Kerajaan berpegang kepada prinsip bahawa pembangunan fizikal dan ekonomi tidak harus menjadi matlamat tunggal dalam cita-cita masyarakat berbudaya tinggi. Justeru, usaha penerapan ilmu yang menjadi suluh kepada tindak laku individu perlu berlangsung secara berterusan dalam membentuk satu generasi Islam yang seimbang antara tuntutan dunia dan akhirat. Seiring dengan aspirasi Islam Hadhari, usaha JAWHAR dalam konteks pembangunan secara berimbang perlu diberi sokongan dan dipergiatkan.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

**"Dan carilah apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi, dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan ". (Surah al-Qasas : Ayat 77)**

Saya percaya dan yakin, setiap program yang telah dirangka dan dirancangkan oleh JAWHAR dalam mengukuhkan institusi dan pentadbiran institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang lebih tersusun, sistematik dan berkesan adalah semata-mata untuk melihat kejayaan menjadi hak umat Islam di Malaysia dan seterusnya menjadi contoh kepada semua penduduk yang bukan beragama Islam. Insya Allah, kita mampu membina generasi Islam yang bukan sahaja kukuh dan mantap dengan iman tetapi juga mampu membina tamadun kehidupan di dunia - di muka bumi Allah ini.

Sesuai dengan keperluan kita mempunyai asas ketelusan dan integriti pengurusan yang cemerlang, kesediaan JAWHAR menerbitkan buku Laporan ini memberikan mesej yang sangat baik dan positif. Kita mengharapkan, dengan dokumen yang demikian terperinci dan telus, kebolehpercayaan masyarakat terhadap pengurusan Islam akan dapat diperteguh.

Akhir kalam, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha JAWHAR menerbitkan Laporan Tahunan 2008 ini. Saya percaya usaha ini akan mencapai objektifnya serta menjadi permulaan yang baik untuk JAWHAR menyusun langkah penuh kejayaan pada tahun 2009 demi agama, bangsa dan negara yang tercinta. Insya Allah.

Sekian, wassalam.

**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI**
**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**

# Prakata Ketua Setiausaha Negara



Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya jua Laporan Tahunan JAWHAR 2008 telah berjaya diterbitkan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) atas azam, komitmen dan usaha untuk melaksanakan segala program dan aktiviti seperti yang telah dirancang di dalam Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011). Saya berharap agar segala pencapaian ini memberi impak besar kepada kesejahteraan dan peningkatan sosio-ekonomi ummah. Ini merupakan misi utama yang disandang oleh JAWHAR semenjak penubuhannya.

Langkah JAWHAR memasukkan laporan Audit Dalaman untuk Laporan Pengurusan Kewangan JAWHAR dalam Laporan Tahunan ini menggambarkan ketelusan dan ketulusan JAWHAR dalam menguruskan peruntukan yang diterimanya, sama ada Belanja Mengurus atau Pembangunan. Sikap begini adalah dihargai, dan sewajarnya menjadi contoh kepada semua agensi Kerajaan, lebih-lebih lagi bagi agensi yang menguruskan hal ehwal Islam.



Bagaimanapun, kita jangan terlalu mudah berpuas hati dengan segala pencapaian, sebaliknya perlulah sentiasa bermuhasabah diri dan berusaha dengan lebih gigih untuk sentiasa menambahbaik dan meningkatkan perkhidmatan supaya lebih responsif dan berkesan.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan perlulah tepat, berkualiti serta strategik, dengan mengambil kira keperluan pelanggan dan stakeholders yang sentiasa berubah. Namun apa yang lebih penting ialah dalam apa jua tindakan, ianya hendaklah dilaksakan dengan penuh integriti dan beramanah, selaras dengan nilai-nilai Islam yang murni yang didukungi.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan perlulah tepat, berkualiti serta strategik, dengan mengambil kira keperluan pelanggan dan stakeholders yang sentiasa berubah. Namun apa yang lebih penting ialah dalam apa jua tindakan, ianya hendaklah dilaksakan dengan penuh integriti dan beramanah, selaras dengan nilai-nilai Islam yang murni yang didukungi.

Semoga segala usaha mendapat keredhaan Allah S.W.T jua serta menguatkan iltizam dan semangat kita untuk terus memberikan komitmen padu bagi merealisasikan status Perkhidmatan Awam Kelas Pertama.



**TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN**
**Ketua Setiausaha Negara**

# Prawacana Ketua Pengarah JAWHAR



Jutaan kesyukuran kepada Allah S.W.T. di atas keupayaan dan kekuatan yang dianugerahkan kepada kita seluruh warga JAWHAR kerana dapat meneruskan khidmat bakti kepada agama, bangsa dan negara yang tercinta ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. serta keluarga dan sahabatnya yang mulia.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana JAWHAR telah diberkati dengan berjaya merentasi tahun 2008 secara baik dan sempurna. Pada tahun ini, banyak kejayaan yang telah ditempa oleh JAWHAR selain pelbagai usaha yang telah dilaksanakan yang menampakkan kesungguhan kita dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Suka saya mengimbasi kembali antara kejayaan-kejayaan JAWHAR yang membuktikan komitmen kita untuk menggapai cita-cita menjadi sebuah organisasi terbaik dan berkelas dunia. JAWHAR telah berjaya dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2000 pada bulan Julai 2008 apabila pihak SIRIM QAS menjalankan audit pematuhan pada 24 Jun 2008 dan telah mengiktiraf Sistem Kualiti JAWHAR dengan memberikan pensijilan tersebut tanpa syarat. Dalam usaha memastikan persekitaran kerja sentiasa kemas, teratur dan unggul, JAWHAR juga telah berjaya dianugerahkan Pensijilan Persekitaran Berkualiti (5'S) setelah pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menjalankan audit pada 25 Jun 2008.

JAWHAR juga telah berjaya menganjurkan beberapa program di peringkat antarabangsa, antaranya ialah Seminar Wakaf Antarabangsa pada 10 hingga 12 Ogos 2008 dan International Zakat Executive Development Programme (IZEDP) yang diadakan pada 15 hingga 26 Disember 2008. Selain itu, JAWHAR juga telah berjaya menandatangani memorandum persefahaman bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 20 Oktober 2008 dalam usaha mengukuhkan institusi-institusi pentadbiran harta wakaf, zakat, mal dan haji. Dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian dan menyokong Kerajaan elektronik, JAWHAR juga berjaya membangun dan melancarkan perkhidmatan-perkhidmatan on-line iaitu e-Bayanat dan e-Wakaf pada 20 Oktober 2008.

Cita-cita untuk menjadi organisasi yang unggul terbukti setelah dinobatkan sebagai Johan Pejabat Terbaik (kategori B) 2008 untuk kali kedua berturut-turut serta dianugerahkan Naib Johan Keceriaan Pejabat (kategori B) 2008 sempena sambutan Hari Kualiti Jabatan Perdana Menteri yang diadakan pada 11 Disember 2008 yang lalu.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa, semua kejayaan dan keterbilangan yang dicapai oleh JAWHAR ini pada hakikatnya merupakan kejayaan dan kecemerlangan setiap seorang daripada seluruh warga JAWHAR. Kejayaan-kejayaan ini adalah natijah daripada komitmen dan kecemerlangan semua warga kerja dalam melaksanakan tugas dan kewajipan masing-masing. Sama ada sesuatu program itu bersifat dalaman Jabatan mahupun antara Jabatan, bertaraf nasional mahupun antarabangsa, kejayaannya tetap bergantung kepada komitmen yang diberikan oleh semua peringkat. Pemandu, Pembantu Pejabat, Pengawal Keselamatan, Pegawai Khidmat Pelanggan, Pembantu Tadbir, Pembantu Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Tadbir, Akauntan, Penolong Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Ketua Pengarah hatta kepada kakitangan Pejabat YB Timbalan Menteri serta Pejabat YB Menteri sekalipun, kita telah sama-sama menyumbang dengan penuh ketekunan bagi memastikan semua agenda JAWHAR ini berjaya dicapai. "Kerja kita perlulah sama, bersatu kita perlulah padu!" Inilah kata-kata keramat yang mengikat komitmen dan ketulusan hati seluruh warga JAWHAR.

Kejayaan-kejayaan tersebut jelas membuktikan bahawa sebuah Jabatan kecil yang baru ditubuhkan tidak sesekali membejati JAWHAR ke arah sebuah organisasi yang lemah

**"Semua kejayaan dan keterbilangan yang dicapai oleh JAWHAR ini pada hakikatnya merupakan kejayaan dan kecemerlangan setiap seorang daripada seluruh warga JAWHAR".**



dan lesu sebaliknya JAWHAR sentiasa bersedia dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan agar setanding dengan agensi-agensi lain yang telah lama wujud. Lebih-lebih lagi matlamat utama JAWHAR ditubuhkan adalah untuk memperkasa dan memapankan umat Islam di negara ini dalam bidang pengurusan aset (wakaf, zakat, mal dan haji) demi kesejahteraan umat. Aspek ini sentiasa dipandang serius kerana penubuhan JAWHAR adalah salah satu agenda utama pemimpin tertinggi negara yang telah melihat bahawa satu ruang dan peluang terbaik untuk umat Islam melestarikan taraf ekonomi secara produktif melalui pembangunan bersepadu dalam bidang-bidang wakaf, zakat, mal dan haji yang sememangnya amat berpotensi tinggi.

Justeru, JAWHAR tidak akan sekali-kali memandang ke belakang kerana umat Islam amat memerlukan satu wadah lonjakan yang boleh memacu kemajuan mereka menerusi kekuatan ekonomi. JAWHAR akan terus melaksanakan program yang lebih jitu selaras dengan Pelan Strategik JAWHAR (2007–2011) dalam memantapkan tadbir urus terbaik bagi institusi wakaf, zakat, mal dan haji. JAWHAR akan menumpukan seluruh tenaga, usaha dan fikiran untuk merealisasikan hasrat tersebut dan melaksanakan peranannya secara efektif, responsif dan berintegriti. Dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak samada sektor awam, organisasi korporat, media massa dan didukungi oleh warga kerja yang berdedikasi, JAWHAR akan terus melakar kegemilangan selaras dengan slogan dan motto Jabatan iaitu "Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad" dan "Betulkan Yang Lazim, Lazimkan Yang Betul". Insya Allah.

Panji tahun 2009 mula berkibaran. Genderang jihad untuk menerus serta meningkatkan lagi kegemilangan yang telah dicapai oleh JAWHAR selama ini telah pun bergema. Niat telah teguh dipasakkan, langkah juga telah diatur, justeru, ayuhlah bersama-sama kita memencaki silat keramat ini. Perjuangan kita perlu diteruskan. Segala kekuatan dan kebijaksanaan yang ada akan kita kerah dan garapkan seoptimumnya, dengan hati yang hanya berserah kepada Allah Yang Maha Berkuasa. Tekad menggapai keterbilangan tetap teguh menjadi visi yang sentiasa membara dalam diri kita.

Sungguhpun begitu, semua ini akan kecundang sekiranya kita alpa dan diuliti oleh kejayaan tanpa melakukan muhasabah diri. Umpamanya, jika warga JAWHAR gagal membudayakan semangat ukhuwah yang kental dan rasa kekeluargaan yang tulus. Kita perlu saling menyokong, menyatu dan mengembang. Oleh kerana kemaksuman bukan milik kita, sikap saling menegur dan meraikan teguran secara positif perlu dibudayai. Teguran pula perlu yang membina dan dilakukan dengan penuh keikhlasan dan berhemah. Jika tidak, musibah perpecahan pasti menjerut dan melemahkan kita, seterusnya akan membawa kepada kehinaan, sebagaimana firman Allah:

"Dan taatlah kepada Allah dan RasulNya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu menjadi lemah dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar."
(Al-Anfal 8:46)

Semoga kita semua akan tergolong dalam kalangan orang-orang yang diberkati oleh Allah S.W.T. dan RahmatNya sentiasa.

Sekian, wassalam.

**Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh**
**Ketua Pengarah**
**Jabatan Wakaf, Zakat & Haji**



# Maklumat Korporat

# Maklumat Korporat

## Latar Belakang Penubuhan



**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)** telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 06 Safar 1425H oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi, Perdana Menteri semasa mengumumkan kabinet Kerajaan Malaysia.

Iltizam YAB Perdana Menteri seterusnya dizahirkan lagi dalam ucapan beliau semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9.

"Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardhu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan".

Pelancaran rasmi JAWHAR disempurnakan pada 08 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H oleh YB Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Islam. Dalam ucapan perasmiannya, YB Menteri menegaskan hasrat Kerajaan seperti berikut:

"Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang".

JAWHAR yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kini beroperasi di Aras 7, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

# Visi

Menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

# Misi

JAWHAR sentiasa berusaha untuk:

- Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia;
- Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji; dan
- Memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.



# Objektif

Memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah.

# Dasar Kualiti

Setiap warga JAWHAR beriltizam untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti tinggi, profesional, responsif dan berintegriti yang berteraskan syariat Islam serta memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan.

# Fungsi

1. Merancang, membangun dan menyelaras pembangunan fizikal, perundangan dan institusi wakaf, zakat dan mal agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah;

2. Memberi khidmat nasihat dan maklum balas kepada YB Menteri selaras dengan Peruntukan Akta Tabung Haji (A 535) mengenai isu-isu yang berkaitan perundangan, pelaburan dan pengurusan haji;

3. Menjalankan kajian, penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu-isu dan program-program pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan

4. Memberi khidmat sokongan dalam pengurusan pentadbiran, sumber manusia dan kewangan serta peningkatan kecekapan sistem maklumat (ICT) bagi Jabatan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Tabung Haji (LTH).



# Kod Etika

Falsafah Pengurusan JAWHAR berteraskan kepada Prinsip HIJRAH iaitu:

**H** Hemah dan Beradab
**I** Integriti dan Telus
**J** Jati Diri Kental, Komited dan Profesional
**R** Responsif dan Menepati Masa
**A** Akrab dan Kerja Berpasukan
**H** Hikmah dan Berpengetahuan

# Piagam Pelanggan

JAWHAR beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah melalui pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan:

1. Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% program tahunan Jabatan mengenai institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan menjalin perkongsian pintar dengan MAIN, entiti zakat negeri, pusat-pusat kecemerlangan tempatan serta antarabangsa dan Lembaga Tabung Haji;

2. Menghasilkan 3 penerbitan setiap tahun berkaitan pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan institusi wakaf, zakat, mal dan haji;

3. Memberikan perkhidmatan sokongan kepada *stakeholders* dan pelanggan secara responsif, cepat dan berintegriti tidak lewat 2 hari bekerja;

4. Memberikan khidmat nasihat kepada *stakeholders* dan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas menerima pertanyaan;

5. Memberikan khidmat nasihat kepada YB Menteri (apabila diarahkan) tidak lewat daripada 3 hari bekerja mengenai perkhidmatan haji dan pelaburan Lembaga Tabung Haji;

6. Mensasarkan aduan sifar terhadap jabatan oleh *stakeholders* dan pelanggan pada setiap tahun;

7. Memastikan pengurusan kewangan jabatan mengikut prosedur dan peraturan bagi memastikan peruntukan tahunan dibelanja sekurang-kurangnya 95%;

8. Memastikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) diadakan bagi setiap suku tahun;

9. Menjalankan 2 kali pengauditan dalaman mengenai pengurusan dan kewangan jabatan selaras dengan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa; dan

10. Memastikan laman web jabatan sentiasa informatif dan dikemaskini sepanjang masa.

# Moto

"Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad"

Motto JAWHAR ini menyatakan harapan dan semangat JAWHAR meningkatkan kemajuan ummah serta membangunkan bidang-bidang teras ke tahap yang lebih tinggi. YAB Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi pernah menyatakan "Pembangunan fizikal adalah penting dan pembangunan rohani adalah lebih penting". Sehubungan itu, warga JAWHAR akan sentiasa memberi penekanan kepada unsur pembangunan rohani di samping menguruskan pembangunan fizikal demi pembangunan sosio-ekonomi ummah ke arah keterbilangan.



# Slogan

"Betulkan Yang Lazim, Lazimkan Yang Betul"

Slogan JAWHAR pula membawa pengertian yang sangat mendalam. Dalam melaksanakan tugasan dan tanggungjawab, warga JAWHAR digesa untuk melaksanakannya dengan kaedah yang terbaik. Sebagai manusia biasa kesilapan tidak mampu dielakkan secara keseluruhan, namun tahap kesilapan tersebut dapat diminimumkan sekiranya setiap tindakan difikirkan dengan teliti, dirancang dengan baik serta dilaksanakan dengan sebaiknya. Namun kesilapan yang sama tidak seharusnya berulang kerana kata pujangga Islam "seseorang Muslim tidak akan terjatuh di dalam lubang yang sama dua kali"

# Carta Organisasi

## Carta Organisasi
## JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
## Jabatan Perdana Menteri



# Profil Pengurusan Tertinggi

## Profil Ketua Pengarah

**Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh** adalah anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan dilahirkan pada 18 Mac 1959. Beliau telah mendapat Bachelor of Economic (Hons.) – (Business Administration) daripada Universiti Malaya pada tahun 1982. Beliau memperolehi Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1983 dan kemudiannya menyambung pelajaran ke University of Birmingham, United Kingdom dalam bidang International Banking & Finance pada tahun 1992. Pada tahun 2004 beliau memperolehi PhD di dalam bidang Global Information & Telecommunication Studies, (Venture Capital Financing for ICT Venture Businesses) daripada Universiti Waseda, Jepun.

Beliau telah memperolehi pelbagai pencapaian di dalam kerjaya sebagai penjawat awam, antaranya Kadet Terbaik Diploma Pentadbiran Awam INTAN, penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 1992 dan Peserta Terbaik Kursus Kenaikan Pangkat M3 ke M2 pada tahun 1998.

Mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan Kerajaan terutamanya dalam pengurusan kewangan. Beliau berkhidmat lebih daripada 20 tahun di Kementerian Kewangan, termasuk di Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Penswastaan; Bahagian Perolehan Kerajaan; dan Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari. Pada 7 November 2005, beliau ditukarkan ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai Ketua Program Pusat Pengurusan Kewangan, INTAN.



Dato' Dr. Hj. Sohaimi memulakan tugas sebagai Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri pada 07 Mei 2007. Berdasarkan pengkhususan beliau dalam bidang pengurusan kewangan, projek dan aset; pembangunan pelan strategik dan pengurusan tadbir urus terbaik; dan kajian dan penulisan kes, Dato' Dr. Hj. Sohaimi aktif menulis dan menjalankan kajian dan penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan dan ini terbukti di mana tidak kurang 20 hasil penulisannya telah dibentangkan di forum peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta diterbitkan dalam makalah ilmiah di dalam mahupun luar negara. Artikel-artikel beliau khasnya berkaitan kewangan, pengurusan dan kualiti serta pembangunan pelan strategik telah diterbitkan dan dimuatkan antaranya dalam Jurnal Pengurusan INTAN, Jurnal Pentadbir (PPTD), Jurnal Pengurusan JAWHAR, The Global Information & Telecommunication Institute Research Bulletin (Waseda University), Journal of International Business & Entrepreneurship dan Malaysian Management Review.

Beliau pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Terengganu, West Port Sdn. Bhd; Pengarah Bank Kerjasama Rakyat Sdn. Bhd., Pengarah Commerce Dot Com Sdn. Bhd., Pengarah Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd., Pengarah Tabung Pelaburan Pembiayaan Lembaga Perkayuan Malaysia, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri Terengganu, Pengarah Lembaga Kraftangan Malaysia dan Pengarah/Penasihat Program akademik Universiti Utara Malaysia dan penasihat Bank Pembangunan Asia.

Beliau juga telah menghadiri pelbagai seminar, bengkel dan kursus di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan usaha-usaha menambah baik prestasi, kepimpinan dan tadbir urus lembaga pengarah syarikat, penyelidikan dan reformasi sektor awam. Dato' Dr. Hj. Sohaimi juga merupakan ahli tetap Panel Temuduga semenjak tahun 2004 bagi calon-calon PhD dan Sarjana serta merupakan ahli panel penilaian kursus Penilaian Tahap Kecekapan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pada masa ini beliau juga memegang pelbagai jawatan lain, antaranya Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Waqaf Malaysia, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

## Profil Timbalan Ketua Pengarah

**En. Abd. Ghafar b. Yusof**, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR dilahirkan pada 16 Jun 1956. Menamatkan pengajian peringkat ijazah pada tahun 1982 dari Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Perancang Bandar. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai pegawai awam pada tahun 1988 di Bahagian Perusahaan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pada tahun 1992 di Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia. Pernah berkhidmat di Bahagian Kewangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada Januari 1992 sehingga November 1992 dan pada Oktober 1995 sehingga Disember 2000 di Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada tahun 2000 sehingga 2004, beliau berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan kemudiannya ke Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2004 sehingga 2007. Beliau seterusnya bertugas di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 01 Mac 2007 hingga 18 November 2007 sebelum menyertai JAWHAR sebagai Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR mulai November 2007 sehingga sekarang. Beliau sangat berpengalaman di dalam menguruskan kewangan dan perancangan belanjawan.

Encik Abd. Ghafar juga memperolehi dua (2) post graduate diploma iaitu Diploma Perancang Bandar dari Universiti Sheffield, England pada tahun 1995 dan Diploma on Management of Technical Cooperation Projects dari ILO International Training Centre, Turin, Italy pada tahun 2002.



## Profil Ketua Audit Dalam

**Pn. Noor Rita bt. Kassim**, Ketua Juruaudit Dalam JAWHAR dilahirkan pada 02 Oktober 1971. Menamatkan pengajian peringkat ijazah pada tahun 1995 dari Universiti Teknologi MARA dalam bidang Perakaunan. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai pegawai awam pada tahun 1996 sebagai Juruaudit Kanan di Pejabat Audit Sekolah Wilayah Persekutuan. Beliau dilantik menjadi Juruaudit pada tahun 2001 hingga 2005 dan kemudian dilantik menjadi Juru Audit kanan pada tahun 2005 sehingga 2007 di Unit Audit Dalam JPM. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Ketua Audit Dalam JAWHAR mulai 03 September 2007 sehingga 15 Mac 2009. Beliau sangat berpengalaman dalam bidang kewangan dan perakaunan.

Beliau merupakan Graduate Member dari Institute of Cooperatives and Management Accountants pada tahun 1993 dan Associate Member Institute of Cooperative and Management Accountants pada tahun 2005.

## Profil Penasihat Undang-Undang

**En. Abu Bakar b. Manat**, Penasihat Undang-Undang JAWHAR dilahirkan pada 30 November 1971. Menamatkan pengajian peringkat Sarjana (LL.M) pada tahun 2008 dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang Undang-Undang Pentadbiran Islam. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai pegawai awam pada tahun 1995 sehingga 2003 sebagai Majistret di Mahkamah Majistret, Bahau, Negeri Sembilan dan Mahkamah Majistret, Alor Gajah, Melaka. Kemudian pada tahun 2003 sehingga 2005 beliau menjawat jawatan sebagai Peguam Kanan Persekutuan, Mahkamah Majistret, Tampin, Negeri Sembilan. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Penasihat Undang-Undang JAWHAR mulai tahun 2005 sehingga sekarang. Selain itu, beliau turut mempunyai Ijazah Sarjana Undang-Undang dengan Kepujian LL.B (Hons) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1994.

## Profil Pengarah Bahagian Wakaf

**En. Mohd Bakri b. Ibrahim**, Pengarah Bahagian Wakaf dilahirkan pada 17 November 1958. Beliau mempunyai Sarjana Muda Kepujian dari Universiti Malaya pada tahun 1982. Beliau memulakan khidmat dalam sektor awam pada tahun 1982 sebagai Pegawai Tadbir Am Tingkatan Biasa di Kementerian Kehakiman; pada 1989 di Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia; pada 27 Oktober 1990 di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kemudian pada 16 September di Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah. Beliau kemudiannya berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Cawangan Pahang pada tahun 1993. Beliau dinaikkan pangkat kepada Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2000, dan seterusnya berkhidmat di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM pada tahun 2001 hingga tahun 2003. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Wakaf mulai tahun 2007 sehingga sekarang. Beliau sangat berpengalaman di dalam perancangan dan pengurusan projek.

Beliau pernah menerima dua (2) kali Anugerah Perkhidmatan Cemerlang iaitu pada tahun 1997 dari Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat dan pada tahun 2002 dari Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.



## Profil Pengarah Bahagian Zakat

**En. Ab. Rahim b. Zakaria**, Pengarah Bahagian Zakat dilahirkan pada 24 Disember 1953. Menamatkan pengajian peringkat Sarjana Muda Pengajian Islam dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1979. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai Penolong Pegawai Daerah, Majlis Daerah, Tampin, Negeri Sembilan pada tahun 1980. Pada tahun 1986 sehingga 1990 beliau bertugas sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Pada 1992 beliau dilantik sebagai Pegawai Khas KSU di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan kemudian memegang jawatan sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi pada 1994. Pada tahun 2004 beliau bertukar ke Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji sebagai Pengarah Haji dan kemudian beliau memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Zakat mulai tahun 2005 sehingga sekarang. Beliau adalah antara pegawai terawal menyertai JAWHAR semasa penubuhannya.

Selain itu, beliau juga memperolehi Diploma Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1978.

## Profil Pengarah Bahagian Mal

**Pn. Norhazimah bt. Che Hassan**, Pengarah Bahagian Mal dilahirkan pada 26 September 1977. Beliau juga memperolehi Sarjana Muda dalam bidang Syariah (Ekonomi) dari Universiti Malaya pada tahun 2000. Menamatkan pengajian peringkat Sarjana pada tahun 2004 dari Universiti Malaya di dalam bidang ekonomi. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai pegawai awam pada September 2001 sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Infrastruktur, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Pengarah Mal mulai tahun 2007 sehingga sekarang. Beliau mempunyai pengetahuan yang mendalam di dalam Pelaksanaan Sistem Pengurusan Dana Secara Islam. Beliau adalah penerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun 2006.

## Profil Pengarah Bahagian Haji

**En. Ab. Halim b. Abdullah**, Pengarah Bahagian Haji dilahirkan pada 8 Julai 1952. Menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1975 dari Universiti Malaya dalam bidang Sastera. Beliau telah memulakan perkhidmatan di sektor awam pada tahun 1975 sebagai Penolong Penguasa Kastam, Kastam & Eksais Diraja, Pelabuhan Kelang. Pada tahun 1975 beliau berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah III di Pejabat Daerah Jerantut, Pahang. Beliau kemudiannya memegang jawatan sebagai Pemangku Penolong Pengarah pada tahun 1980 di Jabatan Perkhidmatan Awan dan pada tahun 1981 sebagai Pemangku Penolong Setiausaha di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pada tahun 1984 beliau telah bertugas di Kementerian Pengangkutan; pada 1987 di Jabatan Perdana Menteri dan pada tahun 1995 di Kementerian Kerja Raya. Beliau kemudian dinaikkan pangkat kepada Ketua Penolong Setiausaha pada 1998 di Kementerian Kerja Raya, seterusnya berkhidmat di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 2003 dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 2004. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Haji JAWHAR mulai tahun 2007 sehingga sekarang.

## Profil Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

**Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad**, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia JAWHAR dilahirkan pada 14 Disember 1975. Menamatkan pengajian pada tahun 2002 di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) (Perakaunan dan Perniagaan Antarabangsa) dari McGill University, Canada pada tahun 1998. Beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai pegawai awam pada tahun 2001 sehingga 2005 di Seksyen Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana pada tahun 2007 dari Universiti Putra Malaysia dalam bidang Pengurusan Sumber Tanah. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia JAWHAR mulai tahun 2007 sehingga sekarang. Beliau juga mempunyai pengetahuan dalam perlaksanaan projek-projek penswastaan termasuk aspek-aspek kewangan dan teknikal.



## Profil Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

**Pn. Norbaiyah bt. Sukor**, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR dilahirkan pada 21 Ogos 1971. Menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1995 dari Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Sains Komputer. Beliau telah memulakan perkhidmatan bermula sebagai Pegawai Teknologi Maklumat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 26 Mac 1996 hingga 16 Ogos 2004. Beliau telah memulakan khidmat sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat JAWHAR mulai Ogos 2004 sehingga sekarang. Beliau telah dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2005.

## Profil Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan

**Pn. Rokhoun Nafsiah bt. Hj. Abd. Rashid**, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penyelarasan JAWHAR adalah anak kelahiran Pengkalan Pegoh, Lahat, Perak dilahirkan pada 04 Julai 1970. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan (Kepujian) dari Manchester Metropolitan University, United Kingdom pada tahun 1993 dan kemudiannya memperolehi Diploma Pengurusan Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada tahun 1994. Mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebagai Penolong Pengarah di Seksyen Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1995 sehingga tahun 2001. Beliau seterusnya memperolehi MBA dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2003. Setelah itu beliau telah ditugaskan di Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sehingga Oktober 2008 sebelum berkhidmat di JAWHAR. Beliau merupakan salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2006.

# Warga JAWHAR

## PEJABAT KETUA PENGARAH

| | |
|---|---|
| Y.Bhg. Dato' Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | Ketua Pengarah |
| Pn. Halijah bt. Ramli | Pembantu Tadbir (K) |

## PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH

| | |
|---|---|
| En. Abd. Ghafar b. Yusof | Timbalan Ketua Pengarah |
| Cik Saradila bt. Sairan | Pembantu Tadbir (K) |

## PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

| | |
|---|---|
| En. Abu Bakar b. Manat | Penasihat Undang-Undang |
| En. Muhammad Firdaus b. Abd. Rahim | Pembantu Tadbir (P/O) |

## BAHAGIAN WAKAF

| | |
|---|---|
| En. Mohd Bakri b. Ibrahim | Pengarah |
| Tn. Hj. Syarqawi @ Ahmad b. Muhammad | Penolong Pengarah |
| En. Mohd Sodri b. Abdullah | Penolong Pengarah |
| Pn. Nor Jahan bt. Ibrahim | Akauntan |
| En. Abd. Fatah b. Suyut | Jurutera |
| En. Zainal b. Hj. Mohd Yusoh | Penolong Akauntan |
| Pn. Fairus bt. Baharin | Pembantu Tadbir (P/O) |
| Pn. Noriah bt. Othman | Pembantu Tadbir (P/O) |
| En. Mustafidurrohman b. Mohd Syahroni | Pembantu Hal Ehwal Islam |



## BAHAGIAN ZAKAT

| | |
|---|---|
| Tn. Hj. Ab. Rahim b. Zakaria | Pengarah |
| En. Abdullah b. Awang | Penolong Pengarah |
| En. Mohamad Samsi b. Kamarudin | Penolong Pengarah |
| En. Iqbal Imaduddin b. Zulkipli | Penolong Pengarah |
| En. Mohd. Riduan b. Hussin | Penolong Akauntan |
| Pn. Hazliana bt. Tahar | Pembantu Hal Ehwal Islam |
| Pn. Haryanti bt. Haron | Pembantu Tadbir (K) |
| Pn. Norawati bt. Abu Bakar | Pembantu Tadbir (P/O) |

## BAHAGIAN MAL

| | |
|---|---|
| Pn. Hjh. Norhazimah bt. Che Hassan | Pengarah |
| Cik Hjh. Rohainun bt. Rasdi | Penolong Pengarah |
| En. Murid Fadzli b. Musa | Penolong Pengarah |
| En. Idzharudin b. Ibrahim | Pembantu Tadbir (P/O) |

## BAHAGIAN HAJI

| | |
|---|---|
| En. Abd. Halim b. Abdullah | Pengarah |
| Tn. Hj. Sabarudin b. Hasan | Ketua Penolong Pengarah |
| Tn. Hj. Shariffful Hakim b. Suman | Penolong Pengarah |
| Cik Hjh. Norfadhilah bt. Abdullah | Penolong Pengarah |
| Pn. Wan Najmiah bt. Wan Mohamad Ali | Penolong Pengarah |
| En. Muhammad Suardi b. Shafien | Pembantu Hal Ehwal Islam |
| Cik Norhaya bt. Idrus | Pembantu Tadbir (P/O) |
| Cik Hayana bt. Khairudin | Pembantu Tadbir (K) |

## BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PENYELARASAN

| | |
|---|---|
| Pn. Rokhoun Nafsiah bt. Hj. Abd. Rashid | Pengarah |
| En. Mohd Gunawan b. Che Ab. Aziz | Ketua Penolong Pengarah |
| Tn. Hj. Hasan Hafizi b. Hanapi | Penolong Pengarah |
| En. Zakaria b. Ahmad | Penolong Pegawai Tadbir |
| Cik Dahlia bt. Ishak | Pembantu Tadbir (P/O) |
| Pn. Rohaizah bt. Mohd Rojulan | Pembantu Tadbir (P/O) |
| En. Mohd Fazarul b. Mohd Safain | Pembantu Tadbir (P/O) |
| En. Othman b. Ali | Pembantu Perpustakaan |
| En. Mohamed Khairudin b. Abdul Rashid | Pegawai Khidmat Pelanggan |
| Pn. Dayang Suhada bt. Md. Yusop | Pegawai Khidmat Pelanggan |

## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

| | |
|---|---|
| Pn. Hjh. Norbaiyah bt. Sukor | Pengarah |
| Pn. Rahayu bt. Shafie | Penolong Pengarah |
| En. Mohd Radzi b. Mohammed Ismail | Pen. Peg. Teknologi Maklumat |
| En. Muhamad Ridzuan b. Sabli | Pen. Peg. Teknologi Maklumat |
| Pn. Faizah bt. Muhamad | Pembantu Tadbir (P/O) |
| En. Rozali b. Maarof | Juruteknik Komputer |

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

| | |
|---|---|
| Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad | Pengarah |
| En. Abdul Halim b. Sunny | Ketua Unit Sumber Manusia |
| Pn. Zuraini bt. Ilias | Akauntan |
| Cik Afzalina bt. Ahmad | Penolong Pengarah |
| Cik Mastura bt. Azmi | Penolong Akauntan |
| Pn. Zaharah bt. Harun | Penolong Pegawai Tadbir |
| Pn. Mazenah bt. Ahmad | Ketua Pembantu Tadbir |
| Pn. Maimunah bt. Ahmad | Ketua Pembantu Tadbir (Kew) |
| Cik Zariena bt. Abdullah | Pembantu Tadbir (Kew) |
| Pn. Suzanna bt. Kamrozzaman | Pembantu Tadbir (Kew) |
| En. Issyemmuddeen b. Iesa | Pembantu Tadbir (Kew) |
| Cik Siti Najwa bt. Shafie | Pembantu Tadbir (Kew) |
| Pn. Asmini bt. Ludin | Pembantu Tadbir (P/O) |
| Pn. Erma Suzia bt. Abd. Rahman | Pembantu Tadbir (P/O) |
| Cik Farizal bt. Razali | Pembantu Tadbir (P/O) |
| En. Ramli b. Ismail | Pembantu Tadbir (P/O) |
| Cik Hawariah bt. Mohd Anuar | Pembantu Tadbir (K) |
| Pn. Zakiah bt. Ya | Pembantu Tadbir Rendah |
| Cik Siti Patimah bt. Ali | Pembantu Tadbir Rendah |
| En. Mohd Fadhil Khariry b. Abdullah Kasim | Pengawal Keselamatan |
| En. Mohd Fazri b. Zulkalnaini | Pengawal Keselamatan |
| En. Mohamad Aliff b. Kuniel | Pengawal Keselamatan |
| En. Hasbullah Huzaini b. Che Hassan | Pengawal Keselamatan |
| En. Mohd Ishak b. Abu | Pemandu |
| En. Mohd Alias b. Ibrahim | Pemandu |
| En. Nordin b. Abu Bakar | Pemandu |
| En. Zainuddin b. Abdul Samad | Pemandu |
| En. Md. Sharif b. Ali | Pemandu |
| En. Abdul Aziz b. Ahmad | Pembantu Am Pejabat |
| Pn. Latifah bt. Jamal | Pembantu Am Pejabat |



# Laporan Program dan Aktiviti Utama

# Bahagian WAKAF

## PEMBANGUNAN HARTA WAKAF

Program Pembangunan Harta Wakaf ini dinyatakan di bawah Teras Ketiga RMKe-9 iaitu menangani masalah ketidaksamaan sosio ekonomi secara membina dan produktif, khususnya bagi mengurangkan jurang kekayaan. Harta wakaf akan dibangunkan sebagai sumber modal Bumiputera/ Islam dengan mengambil pendekatan model korporat supaya potensi wakaf dapat direalisasikan sewajarnya.

JAWHAR menerusi Bahagian Wakaf telah menerima banyak cadangan pembangunan tanah wakaf dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seluruh negara yang berminat untuk memaju dan membangunkan wakaf di negeri masing-masing. Berdasarkan jumlah peruntukan RM256.5 juta yang telah diluluskan, JAWHAR telah meneliti dan mengkaji kesemua cadangan MAIN yang diterima mengikut keutamaan dan keperluan cadangan pembangunan tersebut dilaksanakan. Hasilnya sebanyak 23 projek pembangunan wakaf telah dikenalpasti untuk dilaksanakan bagi tempoh 2007 hingga 2010. Projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan ini boleh dibahagikan kepada projek-projek fizikal dan juga bukan fizikal.

Projek fizikal melibatkan pembinaan struktur bangunan di atas tanah wakaf yang dicadangkan oleh pihak MAIN. Projek-projek ini pula boleh dibahagikan kepada projek ekonomi dan projek sosial. Projek ekonomi adalah meliputi projek-projek yang boleh menjana pulangan kewangan untuk digunakan bagi pembangunan ummah. Tujuan utama pembangunan projek ekonomi ini adalah untuk membangunkan sosio-ekonomi umat Islam di dalam bidang pelajaran, keusahawanan, tahap kesihatan, kualiti kehidupan, usaha-usaha dakwah dan membantu meringan atau membebaskan umat Islam daripada pelbagai kebejatan sosioekonomi termasuk kemiskinan. Jenis-jenis projek ekonomi yang akan dilaksanakan oleh JAWHAR adalah pembinaan hotel, ruang niaga, rumah kedai, unit kediaman dan pejabat.



## Pelaksanaan Projek Pembangunan Harta Wakaf Di Bawah RMKe-9

**1 Ringkasan Maklumat Projek RMKe-9**

| | | |
|---|---|---|
| **Siling Peruntukan RMKe-9** | **:** | **RM256.5 juta** |
| **Bilangan Projek** | **:** | **23 Projek**<br>**i. 19 projek fizikal**<br>**ii. 4 projek bukan fizikal** |
| **Peruntukan Tahun 2008** | **:** | **RM14,271,500.00** |
| **Prestasi Perbelanjaan** (sehingga 31 Disember 2008) | **:** | **RM13,634,597.82 (95.5 3%)** |
| **Prestasi Perbelanjaan RMKe-9 (2007 – 2008)** | **:** | **RM16,479,809.91 (6.42 %)** |



*Lukisan konsep arkitek*



*Lawatan tapak projek bersama KP JAWHAR pada 17 Nov 2008*

## 2 Status Pelaksanaan Projek RMKe-9

### 2.1. Projek Fizikal (19 Projek)

### A. Projek Dalam Pelaksanaan (3 Projek)

**i. Projek Pembinaan Kompleks Pendidikan Al-Mashoor Di Atas Lot PT 146, Mukim G, Balik Pulau, Pulau Pinang**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM41.0 juta |
| Kos Projek | : | RM36.0 juta |
| Tarikh Mula | : | 14/03/2008 |
| Tarikh Jangka Siap | : | 13/09/2010 |
| Tempoh Siap | : | 30 bulan |
| Prestasi Fizikal | : | 27.25%<br>(sehingga 31/12/2008) |
| Status | : | Ikut jadual |

**ii. Projek Pembinaan Asrama Anak Yatim Di Atas Lot 1241, Mukim Derga, Kedah**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM2.08 juta |
| Kos Projek | : | RM2.08 juta |
| Tarikh Mula | : | 15/09/2008 |
| Tarikh Siap | : | 06/12/2009 |
| Tempoh Siap | : | 15 bulan |
| Prestasi Fizikal | : | 2.0%<br>(sehingga 31/12/2008) |
| Status | : | Ikut jadual |



*Kerja pembinaan sedang giat dijalankan*



*Kemajuan keseluruhan tapak*





*Lukisan perspektif arkitek*



*Mesyuarat tapak projek bersama KP JAWHAR pada 18 November 2008*



*Kerja-kerja tanah di tapak*



*Kerja cerucuk asas di tapak*

**iii. Projek Pembinaan Pusat Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM2.0 juta |
| Kos Projek | : | RM7,766,269.70 |
| | | (RM2 juta /JAWHAR & RM5.77 juta/MAINS) |
| Tarikh Mula | : | 08/10/2008 |
| Tarikh Siap | : | 08/06/2010 |
| Tempoh Siap | : | 20 bulan |
| Prestasi Fizikal | : | 3.24 % (sehingga 31/12/2008) |
| Status | : | Ikut Jadual |





*Papan tanda projek*



*Pagar keselamatan projek*



*Lawatan tapak oleh jurutera JAWHAR & MAINS pada 1 Disember 2008*



*Kerja-kerja tanah di tapak*

**B. Projek Dalam Tawaran Kepada Kontraktor (5 Projek)**

**i. Projek Pembinaan Unit Kediaman Di Atas Lot 1093 & 1094, Wakaf Masjid Sg. Nibong, Sg. Nibong, Pulau Pinang**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM17.5 juta |
| Tarikh Tender | : | 23/10/2008 |
| Tarikh Tutup Tender | : | 24/11/2008 |



*Pelan kunci tapak*



*Lukisan konsep arkitek Unit Kediaman Sg. Nibong, Pulau Pinang*

**ii. Projek Pembinaan Ruang Niaga Di Atas Lot 85-94, Mukim Ulu Kinta, Tambun, Perak**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM1.6 juta |
| Tarikh Tender | : | 04/09/2008 |
| Tarikh Tutup Tender | : | 04/10/2008 |



*Lukisan konsep arkitek Ruang Niaga Ulu Kinta, Tambun, Perak*

**iii. Projek Pembinaan Hotel Wakaf Di Atas Lot 1829 & 262 Tanah Wakaf Masjid Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM39.5 juta |
| Tarikh Tender | : | 24/10/2008 |
| Tarikh Tutup Tender | : | 19/01/2009 |



*Lukisan konsep arkitek Hotel Wakaf Terengganu*



**iv. Projek Pembinaan Hotel Wakaf Majlis Agama Islam Melaka Di Atas Lot 2166 & 2167, Tg. Kling, Melaka Tengah, Melaka**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM22.2 juta |
| Tarikh Tender | : | 14/02/2008 |
| Tarikh Tutup Tender | : | 15/03/2008 |



*Lukisan konsep arkitek Hotel Wakaf Melaka*

**v. Projek Pembinaan Kompleks Islam Kuching Di Atas Lot 127, Seksyen 8, Kuching, Sarawak**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM10.0 juta (Peruntukan bagi peralatan sahaja) |
| Tarikh Tender | : | 16/11/2008 |
| Tarikh Tutup Tender | : | 15/12/2008 |



*Lukisan konsep arkitek Kompleks Islam Kuching, Sarawak*

## C. Projek Dalam Proses Tender (2 Projek)

**i. Projek Pembinaan Hotel Wakaf Di Atas Lot 2436, 2450, 2451, 2452 & 2453 Daerah Larut & Matang, Taiping, Perak**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM18.0 juta |
| Tarikh Tender | : | 17/12/2008 |
| Tarikh Tutup Tender | : | 12/01/2009 |



*Lukisan konsep arkitek Hotel Wakaf Taiping, Perak*



*Taklimat tender dan lawatan tapak pada 17 Disember 2008*

**ii. Projek Pembinaan Ruang Niaga & Pusat Dialisis Di Atas Lot PTD 29739 Batu Pahat, Johor**

| | | |
|---|---|---|
| Siling RMKe-9 | : | RM8.0 juta |
| Tarikh Tender | : | 18/12/2008 |
| Tarikh Tutup Tender | : | 08/01/2009 |




*Lukisan konsep arkitek Ruang Niaga dan Pusat Dialisis Batu Pahat*

**D. Projek Dalam Proses Penyediaan Dokumen Tender (3 Projek)**

i. Pembinaan Rumah Pelindungan Wanita Johor Bahru, Johor;

ii. Pembinaan Hotel Wakaf Dan Baitul Hilal, Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan; dan

iii. Pembinaan Rumah Kedai Mukim Utan Aji, Kangar, Perlis.

**E. Projek Dalam Proses Penyediaan Pelan oleh JKR (6 Projek)**

i. Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah Kg. Makam, Georgetown, Pulau Pinang;

ii. Pembinaan Asrama Anak Yatim Mukim Machang, Kelantan;

iii. Pembinaan Hotel Wakaf Mukim Kemumin, Panji, Kota Bharu, Kelantan;

iv. Pembinaan Kedai Pejabat Mukim Kota Setar, Alor Setar, Kedah;

v. Pembinaan Asrama Pelajar Mukim Kg. Raja, Besut, Terengganu; dan

vi. Pembinaan Kompleks Wakaf Di Seksyen 9, Hulu Langat, Kajang, Selangor.

**2.2 Projek Bukan Fizikal (4 projek)**

**A. Projek Siap (1 projek)**

i. Entiti Wakaf Kebangsaan (Sumbangan modal RM 4.5 juta kepada Yayasan Waqaf Malaysia)



*Pelancaran Yayasan Waqaf Malaysia*



*Booth pameran oleh Yayasan Waqaf Malaysia pada 11 Ogos 2008*

**B. Dalam Pelaksanaan (2 projek)**

i. Gerakan Pemantapan Baitulmal Kebangsaan (Peruntukan RMKe-9 sebanyak RM1.5 juta)

ii. Pembangunan Sistem e-Wakaf dan Kajian Pewakafan (Peruntukan RMKe-9 sebanyak RM0.5 juta)



*Penganjuran Seminar Zakat Antarabangsa ILIM pada 15 Disember 2008*



*Peserta seminar Zakat Antarabangsa*




*Pelancaran Sistem e-Wakaf oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 20 Oktober 2008*



*Portal e-Wakaf*

**C. Dalam Perancangan (1 projek)**

i. Penyusunan Semula Masyarakat Di Kg. Makam, Georgetown, Pulau Pinang (Peruntukan RMKe-9 sebanyak RM6.0 juta)




*Penempatan setinggan di Kg. Makam, Georgetown*

# Bahagian Zakat

## PENGENALAN

Bahagian Zakat merupakan salah satu dari empat bahagian yang mengendalikan 'core business' Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) iaitu wakaf, zakat, mal dan haji. Bahagian Zakat diwujudkan bagi memenuhi kehendak aspirasi pembangunan, pengurusan institusi zakat seiring dengan objektif penubuhan JAWHAR untuk memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah.

Sejarah Bahagian Zakat JAWHAR bermula dari awal penubuhan JAWHAR pada tahun 2004. Pada awalnya, Bahagian Zakat dikenali sebagai Unit Zakat yang diletak di bawah Bahagian Kawal Selia Wakaf dan Zakat sehinggalah pada bulan Januari 2007 di mana kedua-dua bahagian ini dipecahkan menjadi dua bahagian yang berasingan.



Bahagian Zakat mempunyai lapan jawatan, tetapi hanya tujuh jawatan diisi, diketuai oleh seorang Pengarah Bahagian serta dibantu oleh dua orang Penolong Pengarah dan tiga orang dari jawatan sokongan. Bahagian Zakat kini sedang dalam proses penstrukturan semula bagi memantapkan organisasi bahagian ini. Beberapa jawatan baru akan diwujudkan bagi menyokong operasi dan pengurusan bahagian untuk mengukuhkan lagi pengurusan zakat supaya lebih teratur dan berkesan selaras dengan syariah ke arah meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi ummah.

Sebagai sebuah bahagian yang terlibat secara langsung dengan kepentingan dan permasalahan ummah, Bahagian Zakat telah menjalin kerjasama erat dengan agensi-agensi berkaitan seperti Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN), pusat-pusat zakat serta organisasi zakat dalam dan luar negara. Kerjasama yang dijalinkan ini memberi manfaat yang amat besar kepada kepada kedua-dua pihak yang terlibat terutamanya JAWHAR dalam merancang dan mengatur program berkaitan zakat demi kepentingan bersama.

## PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKSANAKAN

### Bulan Zakat Kebangsaan 2008

Bulan Zakat Kebangsaan 2008 adalah program bersama JAWHAR dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dan Syarikat Memungut Zakat (SMZ). Tujuan utama program ini adalah untuk menyebarluaskan lagi maklumat dalam kalangan masyarakat dan meningkatkan kefahaman serta kesedaran masyarakat mengenai kepentingan berzakat. Program ini juga secara tidak langsung bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan di antara JAWHAR, MAIN dan SMZ.

**i. Bulan Zakat Kebangsaan Peringkat Kebangsaan**

**Majlis Perasmian**

Majlis perasmian Bulan Zakat Kebangsaan telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 01 Ogos 2008 bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Majlis yang bermula jam 3.00 petang itu turut dihadiri oleh tetamu-tetamu dari MAIN, SMZ dan masyarakat umum. Dalam majlis tersebut, turut diadakan acara penyampaian bantuan kepada asnaf-asnaf zakat dari setiap negeri. Sebanyak 8 buah negeri mengambil bahagian dalam acara ini. Asnaf-asnaf yang menerima bantuan ini adalah mereka yang dipilih oleh pihak MAIN dan SMZ.

**Forum Perdana Ehwal Islam**

Forum Perdana Hal Ehwal Islam merupakan program anjuran bersama JAWHAR, MAIWP dan SMZ sempena Bulan Zakat Kebangsaan 2008. Program ini berlangsung jam 9.00 malam bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Ahli panel bagi forum ini ialah Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail, Dato' Hj. Kamarudin Hj. Zakaria dan dipengerusikan oleh Ustaz Mohd. Ajib Ismail. Dengan tajuk 'Hakku Milikmu', fokus forum perdana ini berkisar tentang kepentingan berzakat serta hikmahnya dalam membantu saudara seagama. Rakaman Forum Perdana ini telah ditayangkan di dalam slot Forum Perdana Ehwal Islam di TV1 pada 04 Disember 2008.

**Pameran**
Sempena majlis pelancaran, turut sama diadakan pameran zakat oleh MAIN dan SMZ. Pameran yang berlangsung di ruang legar Masjid Wilayah Persekutuan itu mendapat penyertaan yang baik dari hampir kesemua negeri yang terlibat di dalam program Bulan Zakat Kebangsaan 2008. Pameran ini juga disertai oleh gerai kraftangan hasil dari usaha asnaf zakat Selangor, gerai makanan tradisional dan juga gerai jualan buku. Melalui pameran ini, peserta dapat mempromosikan kepada pengunjung mengenai fungsi dan peranan masing-masing selain memberi peluang kepada orang ramai mengenali dengan lebih dekat aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sesuatu agensi serta asnaf yang terlibat.

**Pidato**
Pertandingan Pidato sempena Bulan Zakat Kebangsaan yang bertemakan "Zakat Memerdekakan Kemiskinan" telah berlangsung pada 27 Ogos 2008 bertempat di Auditorium EA, Parcel E, Putrajaya. Pertandingan ini melibatkan penyertaan dari 8 buah negeri yang menampilkan seramai 16 orang peserta yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dan 5. Pertandingan pidato diadili oleh juri professional yang diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Syed Ahmad b. Syed Shamsuddin Al-Sagoff serta juri-juri dari Pusat Latihan Pidato Profesional, Shah Alam. Peserta dari Negeri Sembilan telah memenangi kedua-dua kategori pada pertandingan kali ini.

**Seminar**
Sempena Bulan Zakat Kebangsaan ini juga, satu seminar telah diadakan pada 28 Ogos 2008. Program setengah hari yang berlangsung di Auditorium EA, Parcel E, Putrajaya telah menampilkan dua orang pembentang iaitu Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dengan kertas kerjanya yang bertajuk "Zakat Pendapatan: Satu Kewajipan atau Pilihan" sementara pembentang kedua pula ialah Pof. Madya Dr. Arifin Md. Salleh dari IkAZ UiTM dengan kertas pembentangannya yang bertajuk "Kefardhuan Zakat dan Kewajipan Cukai: Penghayatan dan Komitmen". Mengambil konsep program JAWHAR *Intellectual Discourse*, seminar ini mendapat sambutan menggalakkan daripada kakitangan Kerajaan di sekitar Putrajaya.

**ii. Bulan Zakat Peringkat Negeri**

Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan juga turut dijayakan di peringkat negeri. Pelbagai program telah diadakan di peringkat negeri sepanjang Bulan Zakat Kebangsaan 2008 dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai zakat sekaligus meningkatkan kutipan zakat di peringkat negeri.

***International Zakat Executive Development Programme: Inaugural Programme 2008 (IZEDP)***





IZEDP merupakan satu program berkaitan tadbir urus terbaik pengurusan institusi Islam yang dianjurkan di bawah Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP). IZEDP ini adalah inisiatif JAWHAR dan dianjurkan bersama Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Institut Kajian Zakat (IkaZ), Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Objektif program IZEDP ini adalah:

**i. menjelaskan konsep, teori dan falsafah zakat dari sudut sejarah dan fiqah;**

**ii. meningkatkan daya kemahiran peserta dalam sistem pengurusan zakat;**

**iii. meningkatkan pendedahan potensi zakat untuk dikembangkan seiring kemajuan global;**

**iv. memberikan pendedahan mengenai peranan dan kepentingan teknologi dalam pengurusan zakat;**

**v. memajukan peranan pemasaran ke arah membentuk institusi zakat yang mapan; dan**

**vi. memberikan ruang kepada peserta antarabangsa (terutamanya negara-negara OIC) untuk berkongsi idea, pengalaman dan pengetahuan dalam pengurusan zakat.**



JAWHAR berperanan sebagai urusetia induk kepada penganjuran kursus ini. EPU telah membantu dari segi kewangan dengan menaja segala perbelanjaan keseluruhan program manakala IDB pula bertanggungjawab membiayai tiket kapal terbang peserta luar negara. ILIM telah menyediakan tempat kediaman, dewan kuliah, auditorium dan kenderaan sepanjang program ini berlangsung. IkaZ pula bertanggungjawab menyediakan modul kursus selain melantik penceramah dan fasilitator bagi setiap subjek.

IZEDP ini telah berlangsung selama 12 hari bermula 15 Disember sehingga 26 Disember 2008 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor. Seramai 11 peserta dari luar negara dan 17 peserta dalam negara telah menyertai program ini. Acara-acara yang berlangsung sepanjang IZEDP adalah seperti berikut:

i. **15 Disember 2008:** Perasmian oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Majlis ini turut dihadiri oleh 200 orang tetamu yang terdiri daripada Duta dan Pesuruhjaya Tinggi negara peserta, agensi-agensi Kerajaan serta swasta, Institusi Pengajian Tinggi Awam serta swasta dan agensi-agensi media terkemuka.

ii. **15 Disember sehingga 26 Disember 2008:** Sesi pembelajaran yang bermula dari jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang yang terbahagi kepada dua medium iaitu pembelajaran dalam kuliah dan luar kuliah. Sebanyak 14 tajuk telah dikupas sepanjang program ini berlangsung.

iii. **23 dan 24 Disember 2008:** Sesi seminar berkongsi maklumat dan pengalaman mengenai pentadbiran zakat yang dijalankan di negara masing-masing. Sebanyak 6 kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar ini. Di akhir seminar tersebut, peserta program telah merangka resolusi yang dipersetujui bersama. Resolusi tersebut dibahagikan kepada 3 kategori iaitu persetujuan bagi mewujudkan platform untuk kerjasama dalam bidang zakat di peringkat antarabangsa, meningkatkan sistem pengurusan zakat di negara masing-masing dan menyebarkan syiar Islam (zakat) ke seluruh dunia.

iv. **26 Disember 2008:** Program ini telah berakhir dengan acara penyampaian sijil penyertaan kepada peserta IZEDP dan majlis makan malam di dewan makan ILIM.

**Lembaga Zakat Antarabangsa**

Lembaga Zakat Antarabangsa (LZA) juga dikenali sebagai International Zakat OrganizatioN (IZO) merupakan satu organisasi antarabangsa yang diwujudkan Kerajaan dengan objektifnya untuk mengumpulkan dana zakat dari negara-negara anggota bagi membantu mengurangkan beban kemiskinan dalam kalangan penduduk Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC).

Penubuhan LZA ini adalah atas inisiatif YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia sewaktu menjadi Pengerusi OIC. JAWHAR dipertanggungjawabkan bagi merealisasikan hasrat murni itu telah berusaha sedayanya dan hasilnya LZA telah diluluskan penubuhannya oleh Kerajaan. LZA kini beroperasi secara rasmi di pejabatnya yang terletak di Tingkat 15, Menara Lembaga Tabung Haji, Kuala Lumpur. LZA sedang giat mempromosi bagi mengumpul dan mendapatkan penyertaan NGO Islam dan negara-negara kaya OIC bagi menganggotainya.

### STATISTIK KUTIPAN ZAKAT MENGIKUT NEGERI

| NEGERI | 2005 (RM) | 2006 (RM) | 2007 (RM) | 2008 (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| JOHOR | 49,357,154.03 | 54,732,942.45 | 73,321,840.60 | 77,126,100.00 | 254,538,037.08 |
| KEDAH | 30,185,661.45 | 35,227,089.74 | 36,692,723.92 | 57,017,711.51 | 159,123,186.62 |
| KELANTAN | 29,372,551.46 | 35,641,537.75 | 40,199,886.62 | 58,167,095.10 | 163,381,070.93 |
| MELAKA | 17,692,093.97 | 19,464,653.26 | 22,067,022.30 | 26,905,934.29 | 86,129,703.82 |
| N. SEMBILAN | 23,098,180.81 | 25,821,205.04 | 29,356,271.66 | 33,797,056.18 | 112,072,713.69 |
| P. PINANG | 28,000,426.00 | 30,589,545.62 | 37,085,282.33 | 41,764,273.00 | 137,439,526.95 |
| PAHANG | 31,032,233.57 | 35,971,733.59 | 41,487,155.81 | 50,636,614.32 | 159,127,737.29 |
| PERAK | 27,543,535.48 | 33,848,479.38 | 41,276,179.92 | 57,016,676.56 | 159,684,871.34 |
| PERLIS | 6,564,465.08 | 11,847,141.66 | 16,699,600.00 | 23,134,583.00 | 58,245,789.74 |
| SABAH | 11,314,073.92 | 16,648,793.71 | 17,514,982.50 | 23,799,155.06 | 69,277,005.19 |
| SARAWAK | 15,299,300.04 | 20,548,322.81 | 23,132,088.56 | 36,099,969.34 | 95,079,680.75 |
| SELANGOR | 133,121,829.00 | 159,836,252.79 | 202,193,541.00 | 244,410,849.00 | 739,562,471.79 |
| TERENGGANU | 40,365,590.96 | 42,870,576.42 | 51,442,341.96 | 66,200,415.14 | 200,878,924.48 |
| W. PERSEKUTUAN | 130,141,209.97 | 147,587,898.48 | 173,815,154.35 | 210,636,001.37 | 662,180,264.17 |
| **JUMLAH** | **573,088,305.74** | **670,636,172.70** | **806,284,071.53** | **1,006,712,433.87** | **3,056,720,983.84** |



### STATISTIK AGIHAN ZAKAT MENGIKUT NEGERI

| NEGERI | 2005 (RM) | 2006 (RM) | 2007 (RM) | 2008 (RM) | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| JOHOR | 37,472,092.94 | 43,407,348.96 | 64,822,119.99 | 74,296,449.99 | 219,998,011.88 |
| KEDAH | 20,208,371.53 | 27,449,471.23 | 36,062,046.00 | 42,133,197.23 | 125,853,085.99 |
| KELANTAN | 20,207,371.53 | 21,742,632.63 | 24,313,030.07 | 24,729,232.32 | 90,992,266.55 |
| MELAKA | 13,821,995.65 | 18,192,093.87 | 17,906,956.03 | 0.00 | 49,921,045.55 |
| N. SEMBILAN | 22,254,227.84 | 24,721,037.54 | 31,192,172.08 | 0.00 | 78,167,437.46 |
| P. PINANG | 21,340,847.00 | 26,253,904.27 | 30,014,842.80 | 45,602,321.00 | 123,211,915.07 |
| PAHANG | 13,696,293.87 | 18,546,514.93 | 22,476.848.26 | 0.00 | 32,242,808.80 |
| PERAK | 21,542,089.40 | 24,518,926.74 | 30,866,753.94 | 36,641,667.98 | 113,569,438.06 |
| PERLIS | 5,356,243.00 | 6,802,349.80 | 11,597,569.00 | 15,222,945.00 | 38,979,106.80 |
| SELANGOR | 101,536,521.16 | 135,654,172.31 | 174,520.057.27 | 190,404,442.97 | 427,595,136.44 |
| SABAH | 8,986,021.58 | 12,219,804.93 | 18,826,422.19 | 19,377,446.77 | 59,409,695.47 |
| SARAWAK | 6,540,235.85 | 8,051,103.63 | 11,613,203.32 | 18,080,665.06 | 44,285,207.86 |
| TERENGGANU | 28,052,565.11 | 28,695,239.72 | 31,729,926.54 | 0.00 | 88,477,731.37 |
| W. PERSEKUTUAN | 99,519,005.36 | 101,548,407.00 | 146,169,520.49 | 0.00 | 347,236,932.85 |
| **JUMLAH** | **420,533,881.82** | **497,803,007.56** | **455,114,562.45** | **466,488,368.32** | **1,839,939,820.15** |

Sumber : http://www.jawhar.gov.my/ebayanat/

### KESIMPULAN

Pelbagai program anjuran Bahagian Zakat dengan kerjasama pelbagai pihak sepanjang 2008 ini dilihat mampu mengangkat martabat zakat sebagai instrumen penting ekonomi umat Islam. Sebagai salah satu bahagian di Jabatan Persekutuan yang bertanggungjawab dalam aspek wakaf, zakat mal dan haji, Bahagian Zakat terus komited dalam melaksanakan pelbagai perancangan dan peranan demi kemajuan umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia umumnya.

# Bahagian MAL

**PENGENALAN**

Bahagian Mal JAWHAR telah ditubuhkan pada 1 Januari 2007 bersamaan 11 Zulhijah 1427 Hijrah. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M48 dengan dibantu oleh seorang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41, seorang PTD Gred M41 dan seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17.

Secara ringkasnya, fungsi Bahagian ini adalah untuk melaksanakan segala urusan yang tidak berkaitan dengan wakaf, zakat dan haji di JAWHAR. Bahagian ini mengambil alih peranan yang sebelum ini dilaksanakan di Unit Penyelarasan Baitulmal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah dimansuhkan pada tahun 2004 tetapi tidak diwujudkan dalam fungsi JAWHAR sewaktu awal penubuhannya.

Justeru, menyedari kepentingan institusi baitulmal yang mampu memberikan sumber dan dana yang besar kepada umat Islam di negara kita, JAWHAR telah mewujudkan Bahagian Mal agar ia dapat membantu pertumbuhan ekonomi umat Islam secara menyeluruh.



Bahagian ini dipecahkan kepada dua unit utama iaitu Unit Pusaka dan Wasiat, dan Unit Sumber Am. Kedua-dua unit ini masing-masing diketuai oleh seorang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 dan seorang PTD Gred M41.

**OBJEKTIF BAHAGIAN**

"Mengukuhkan pengurusan institusi mal yang bertadbir urus terbaik selaras Syariah dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah."

**PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKSANAKAN**



*Para peserta bengkel bergambar kenangan bersama Y.Bhg. TKP JAWHAR*

**Bengkel Pemantapan Harta Sumber Am: Wasiat**

Bengkel Pemantapan Harta Sumber Am: Wasiat telah diadakan pada 28 hingga 30 April 2008 di Hotel Quality City Centre, Kuala Lumpur. Bengkel yang memfokuskan tajuk wasiat ini dilihat sebagai wadah yang dicetuskan oleh Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR dalam Mesyuarat Pembentangan Rumusan Laporan Lawatan Kerja Bahagian Mal ke MAIN Fasa 1 dan 2 bertarikh 27 November 2007. Penganjuran bengkel ini selaras dengan usaha Jabatan dalam menyebarkan maklumat dan memantapkan pentadbiran harta-harta sumber am di Malaysia.

Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. En. Abd Ghafar b. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR dan diadakan selama tiga hari untuk mencapai objektif-objektif berikut:

i. Melihat dan mendalami wasiat dari perspektif Islam;

ii. Membantu memberi pendedahan kepada pegawai MAIN tentang prospek dan cabaran pengurusan wasiat;

iii. Membantu MAIN memperkasa pentadbiran dan pengurusan wasiat berdasarkan pengalaman dan kepakaran agensi swasta agar dapat bersaing secara sihat; dan

iv. Mengupas isu dan permasalahan yang timbul berkaitan wasiat.

Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 33 orang peserta yang terdiri daripada 3 orang pegawai kanan JAWHAR, 6 orang pembentang kertas kerja, 12 orang pegawai MAIN dan 7 orang peserta dari Wassiyyah Shoppe Sdn. Bhd. serta 4 orang dari pihak urus setia.

Kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel ini telah dimasukkan dalam Jurnal Pengurusan JAWHAR serta dijadikan rujukan dalam proses menghasilkan Manual Siri Pengurusan JAWHAR bagi Bahagian Mal serta untuk penambahbaikan kepada akta / enakmen / ordinan sedia ada di negeri-negeri.

Sebanyak 12 resolusi telah dibincang dan diputuskan hasil persetujuan semua peserta. Resolusi ini telah

dimurnikan dan seterusnya diedarkan kepada semua agensi yang berkaitan. Bengkel ini telah berjaya membuka minda para peserta dengan pembentangan kertas kerja ilmiah yang meliputi aspek teori dan juga teknikal secara keseluruhannya. Bengkel ini diakhiri dengan ucapan penutupan oleh Y.Bhg. Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR serta penyampaian sijil penghargaan/ penyertaan kepada para pembentang kertas kerja dan para peserta bengkel.

**Lawatan Kerja JAWHAR Ke IBFIM**

Satu lawatan kerja yang juga merupakan kunjungan balas JAWHAR ke Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) telah diadakan pada 12 November 2008. Menerusi lawatan kerja ini, JAWHAR telah diperkenalkan secara lebih dekat lagi mengenai latar belakang IBFIM yang merupakan badan penasihat syariah kepada beberapa buah anak syarikat/subsidiari bank yang menguruskan dana saham amanah.

JAWHAR turut dibawa melawat ke Knowledge Management Centre yang merupakan perpustakaan IBFIM. Perpustakaan tersebut lengkap dengan pelbagai buku rujukan ilmiah berkaitan perundangan, ekonomi, perbankan, perakaunan, takaful, pengurusan, perancangan kewangan serta pasaran modal dari seluruh dunia.

Selaras dengan matlamat JAWHAR yang ingin menghasilkan golongan ulul-albab yang bijaksana dan tinggi ilmu pengetahuannya, maka kerjasama yang erat dengan IBFIM amat bertepatan memandangkan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh IBFIM dalam bidang kewangan Islam bukanlah calang-calang. JAWHAR berharap agar hubungan yang baik ini dapat diteruskan di masa hadapan serta dapat mencetuskan idea-idea yang bernas dalam meningkatkan imej dan martabat sistem ekonomi dan kewangan Islam hasil usaha bersepadu oleh kedua-dua belah pihak.



*Knowledge Management Centre IBFIM*

**Pengemaskinian Maklumat Dan Bank Data Harta Sumber Am Dan Tanah Baitulmal 2000 – 2007**

JAWHAR telah membangunkan satu pangkalan data yang dikenali sebagai Sistem e-Bayanat yang memaparkan maklumat-maklumat terkini berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji untuk kegunaan pihak MAIN dan juga masyarakat awam umumnya. Sistem tersebut boleh diakses menerusi laman web JAWHAR di alamat http://www.jawhar.gov.my/ebayanat/.

Antara modul yang terdapat dalam Sistem e-Bayanat adalah modul Mal yang diselenggara dan dikemaskinikan oleh Bahagian Mal, JAWHAR. Modul Mal memaparkan 3 jenis maklumat utama iaitu Senarai Tanah Baitulmal, Statistik Sumber Am dan Kadar Fidyah Semasa.






Sumber: http://www.jawhar.gov.my/ebayanat/

Senarai Tanah Baitulmal mempamerkan jumlah keluasan dan nilai tanah Baitulmal yang terkini yang dimiliki oleh kesemua MAIN di setiap negeri. Statistik Sumber Am pula mempamerkan statistik terkini harta-harta sumber am di setiap negeri seperti pusaka, fidyah, kifarah, sedekah, luqatah, wang faedah, hutang lapuk dan lain-lain penerimaan sumber am yang diuruskan oleh Baitulmal dan MAIN. Kadar Fidyah Semasa pula mempamerkan kadar fidyah yang terkini bagi setiap negeri.

Sehingga penghujung tahun 2008, maklumat terkini harta sumber am dan tanah Baitulmal di seluruh negara dari tahun 2000 hingga 2007 telah berjaya dikumpulkan dan dikemas kini dalam Sistem e-Bayanat. Semoga maklumat-maklumat yang dipaparkan dapat memberi manfaat demi kemajuan umat Islam di negara kita.

## KELUASAN TANAH BAITULMAL

Jumlah keluasan tanah Baitulmal (sehingga tahun 2007) mengikut negeri:

| BIL. | NEGERI | JUMLAH KELUASAN TANAH BAITULMAL (HEKTAR) |
|---|---|---|
| 1 | Johor | 2,636.19 |
| 2 | Kedah | 2.56 |
| 3 | Kelantan | 0.54 |
| 4 | Melaka | 42.38 |
| 5 | Negeri Sembilan | 2,021.67 |
| 6 | Pahang | 2.02 |
| 7 | Perak | 35,519.06 |
| 8 | Perlis | 32.00 |
| 9 | Pulau Pinang | 134.11 |
| 10 | Sabah | 0.00 |
| 11 | Sarawak | 2.25 |
| 12 | Selangor | 19.16 |
| 13 | Terengganu | 17.54 |
| 14 | Wilayah Persekutuan | 1.25 |
| | **JUMLAH** | **40,430.74** |

*(Dikemas kini sehingga 31 Disember 2008)*

## STATISTIK SUMBER AM

Terimaan wang sumber am Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dari tahun 2000 hingga 2007 mengikut kategori:




| BIL. | KATEGORI | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Hasil Pelaburan | 137,606,419.25 |
| 2 | Hasil Sewaan | 75,160,012.66 |
| 3 | Dividen / Hibah | 29,546,346.62 |
| 4 | Pusaka / Faraid | 29,718,878.50 |
| 5 | Pelbagai Terimaan / Serahan / Amanah | 19,824,200.95 |
| 6 | Pelbagai Jualan | 5,298,880.89 |
| 7 | Derma / Sedekah | 4,135,060.35 |
| 8 | Keuntungan Pelupusan Aset Tetap | 3,544,891.75 |
| 9 | Fidyah | 2,728,170.54 |
| 10 | Pajakan Tanah | 2,610,313.55 |
| 11 | Kutipan Nikah, Cerai dan Rujuk | 2,093,845.84 |
| 12 | Wang Faedah | 1,451,906.01 |
| 13 | Lain-lain | 2,818,329.64 |
| | **JUMLAH** | **316,537,256.55** |

*(Dikemas kini sehingga 10 November 2008)*

## KADAR FIDYAH SEMASA

**Kadar fidyah semasa bagi tahun 2008**

| BIL. | NEGERI | KADAR FIDYAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Johor | 1.60 |
| 2 | Kedah * | 2.60 |
| 3 | Kelantan | 1.90 |
| 4 | Melaka | 1.57 |
| 5 | Negeri Sembilan | 3.25 |
| 6 | Pahang | 1.90 |
| 7 | Perak * | |
| 8 | Perlis | 2.00 |
| 9 | Pulau Pinang | 1.80 |
| 10 | Sabah ** | 2.20 |
| 11 | Sarawak | 1.90 |
| 12 | Selangor | 1.30 |
| 13 | Terengganu | 2.03 |
| 14 | Wilayah Persekutuan | 1.30 |

* *Kadar berubah mengikut harga beras semasa yang dimakan.*
** *Kadar berubah mengikut harga beras semasa di pasaran.*




*(Dikemas kini sehingga 31 Disember 2008)*

# Bahagian Haji

Bahagian ini bertanggungjawab untuk:

- Mengumpul, mengemaskini dan menganalisis maklumat pengurusan haji
- Mengkaji sistem pengurusan haji di dalam dan luar negara
- Memantau perkhidmatan agensi-agensi pengurusan haji
- Memantau isu-isu, menyediakan laporan dan perakuan-perakuan berkaitan haji
- Memantau dan menyelaras hal-hal dasar berkaitan pengurusan haji dan pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH)
- Mengurus setia mesyuarat bersama LTH dalam hal-hal berkaitan dasar dan persidangan haji
- Mewakili negara bersama LTH dalam mesyuarat, perundingan dan forum rasmi berkaitan urusan haji

Selaras dengan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) di bawah Teras Strategik 1: “Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah”, program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

| Program/Aktiviti Utama | Status Pelaksanaan |
|---|---|
| 1. Program pengumpulan maklumat pengurusan haji dan umrah | JAWHAR melalui Bahagian Haji mengemaskini maklumat dan data berkaitan pengurusan haji dan umrah dengan kerjasama LTH dan agensi-agensi lain yang berkenaan. Data-data ini dimasukkan dalam laman web JAWHAR dan dikemaskini dari semasa ke semasa. |
| 2. Program pengurusan aduan haji dan umrah | Bagi tahun 2008, beberapa aduan telah diterima berkenaan pengurusan dan pengelolaan umrah oleh agensi pengelola. Terdapat juga aduan yang tidak disalurkan terus ke Jabatan ini. Walau bagaimanapun, kesemua aduan tersebut telah diambil tindakan sewajarnya dengan kerjasama agensi dan kementerian lain yang berkenaan. |
| 3. Program perkongsian ilmu pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji dengan MAIN, SMZ, LTH, IPT dan agensi lain | JAWHAR telah menandatangani MoU dengan USM bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan haji. |
| 4. Program penerbitan Tadbir Urus Terbaik Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah | Bagi tahun 2008, Manual Pengurusan Badal Haji telah diterbitkan dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji, Andalusia Travel and Tours Sdn. Bhd. dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. |
| 5. Program jalinan kerjasama antarabangsa dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji/umrah | JAWHAR telah mengadakan lawatan kerja ke Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk berkongsi maklumat dan kaedah berkaitan pengurusan haji dan wakaf. Selain itu, JAWHAR telah menerima kunjungan delegasi Republik Mali dan Senegal yang bertujuan untuk mempelajari pengurusan haji di Malaysia. |
| 6. Program pemantauan pengurusan haji di Tanah Suci | Program Pemantauan Pengendalian Operasi Haji Bagi Musim Haji 1429H/2008M telah dilaksanakan pada 26 November hingga 24 Disember 2008. |

## Statistik Pengurusan Haji

| TAHUN/ PERKARA | 1420H/ 2000 | 1421H/ 2001 | 1422H/ 2002 | 1423H/ 2003 | 1424H/ 2004 | 1425H/ 2005 | 1426H/ 2006 | 1427H/ 2007 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bilangan Pendeposit (org) | 4,023,942 | 4,3282,942 | 4,534,318 | 4,718,888 | 4,906,917 | 5,098,000 | 5,284,689 | 5,363,906 |
| Wang Pendeposit (RM - Juta) | 9,534 | 10,566 | 10,270 | 11,287 | 12,085 | 13,319 | 14,743 | 15,436 |
| Bonus | 5.5% | 3.25% | 3.5% | 4.0% | 4.3% | 4.5% | 4.75% | |
| Tempoh Hari di Tanah Suci | 30-40 hari | 44 hari | 43 hari | 44 hari | 44 hari | 46 hari | 44 hari | 30-40 hari |
| Maktab di Mekah<br>Muassasah Pakej | 18<br>Mktb 70 – 87 | 18<br>Mktb 76 – 93 | 18<br>Mktb 76 – 93 | 18<br>Mktb 76 – 93 | 21<br>Mktb 76 – 93 | 27<br>Mktb 76 – 93 | 16<br>Mktb 79 – 90 | 16<br>Mktb 77 – 89, 105-107 |
| THTI<br>Pakej SS | @2,450 org<br>15<br>2<br>1 | @2,450 org<br>14<br>2<br>2 | @2,800 org<br>14<br>1<br>3 | @ 2,700-2,800<br>11<br>3<br>4 | @ 2,800-3,000<br>18<br>-<br>- | @ 2,800-3,000<br>27<br>-<br>- | @2,400-2,500<br>12<br>2<br>2 | @2,500<br>10<br>3<br>3 |
| Bangunan Penginapan di Mekah | 17 buah | 22 buah | 26 buah | 19 buah | 27 buah | 27 buah | 20 buah | 16 buah |
| Bangunan Penginapan di Madinah | | | | 7 buah | 3 buah | 6 buah | 6 buah | 5 buah |
| Kutipan Dam | SR5,924,000<br>23,696 org<br>@SR250 | SR6,979,250<br>@SR250 | SR6,627,750<br>26,511 org<br>@SR250 | SR7,555,750<br>30,223 org<br>@ SR250 | SR3,600.00<br>14,339 org<br>@ SR250 | SR7,620,250<br>30,481 org<br>@ SR250 | SR5,824,750<br>23,229 org<br>SR250 | SR6,413,400<br>21,378 org<br>SR300 |
| Kutipan Korban | SR1,863,750<br>5,325 org<br>@SR350 | SR2,539,600<br>@SR350 | SR1,753,850<br>5,011 org<br>@SR350 | SR3,077,200<br>8,792 org<br>@ SR350 | SR1,900.000<br>5,291 org<br>@SR350 | SR3,000,900<br>8,574 org<br>@SR350 | SR1,925,000<br>5,500 org<br>@SR350 | SR2,354,450<br>6,727 org<br>@SR350 |
| Upah Haji | RM872,500<br>349 org<br>@RM2,500 | SR2,900,000<br>1,160 org<br>@RM2,500 | RM2,500,000<br>1,000 org<br>@RM2,500 | RM3,807,500<br>1,523 org<br>@RM2,500 | RM3,800,00<br>1,500 org<br>@RM2,500 | RM3,750,000<br>1,500 org<br>@RM2,500 | RM4,250,000<br>1,700 org<br>@RM2,500 | RM4,377,500<br>1,751<br>@RM2,500 |
| Bimbingan Haji di Mekah | 43 guru<br>3 pakar | 48 guru<br>3 pakar | 48 guru<br>3 pakar | 52 guru<br>3 pakar | 52 guru<br>3 pakar | 51 guru<br>3 pakar | 50 guru<br>3 pakar | 50 guru<br>3 pakar |
| Kematian | 150 org<br>36 sblm wkf<br>114 slp wkf | 176 org<br>48 sblm wkf<br>128 slp wkf | 143 org<br>43 sblm wkf<br>100 slp wkf | 92 org<br>37 sblm wkf<br>55 slp wkf | 30 org<br>12 sblm wkf<br>18 slp wkf | 121 org<br>30 sblm wkf<br>91 slp wkf | 53 org<br>12 sblm wkf<br>41 slp wkf | 97 org<br>20 sblm wkf<br>77 slp wkf |
| Katering Muassasah di Mekah | TH Global<br>12 RK | TH Global<br>13 RK | THTS<br>15 RK | THTS<br>12 RK | THTS<br>5 RK | THTS<br>11 RK | THTS<br>11 RK | THTS<br>15 RK |
| Katering Muassasah di Madinah | 4 RK | 4 RK | 4 RK | 3 RK | 3 RK | 4 RK | 4 RK | 2 RK |

| TAHUN/ PERKARA | 1420H/ 2000 | 1421H/ 2001 | 1422H/ 2002 | 1423H/ 2003 | 1424H/ 2004 | 1425H/ 2005 | 1426H/ 2006 | 1427H/ 2007 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| WPH Muassasah | SMNJG 8,585 SRWK 8,585 SBH 8,585 | SMNJG 8,585 SRWK 8,585 SBH 8,585 | SMNJG 9,445 SRWK 9,530 SBH 9,575 | SMNJG 9,445 SRWK 9,530 SBH 9,575 | SMNJG 8,973 SRWK 9,054 SBH 9,096 | SMNJG 8,973 SRWK 9,054 SBH 9,096 | SMNJG 8,973 SRWK 9,054 SBH 9,096 | SMNJG 8,973 SRWK 9,054 SBH 9,096 |
| WPH Pakej THTS | THTI RM11,640 – RM50,200 3,868 org (5 pakej) | THTI RM11,640 – RM50,200 4,719 org (5 pakej) | THTS RM13,500 – RM52,800 2,567 org (7 pakej) | THTS RM11,690 – RM51,500 10,803 org (8 pakej) | THTS RM12,990 – RM54,800 3,201 org (7 pakej) | THTS RM13,990 – RM49,990 3,648 org (11 pakej) | THTS RM14,490 – RM62,990 3,648 org (5 pakej) | THTS RM13,000 – RM52,000 3,648 org (7 Pakej) |
| Jemaah Haji: Muassasah Pakej THTS Pakej Swasta | 39,394 org 33,175 3,868 2,351 (23 SS) | 44,282 org 34,275 4,719 5,288 (23 SS) | 49,728 org 39,250 2,567 7,911 (24 SS) | 48,972 org 30,445 10,803 7,724 (19 SS) | 24,127 org 16,021 3,201 4,857 (22 SS) | 49,009 org 36,081 3,648 9,342 (28 SS) | 35,453 org 24,509 3,428 7,516 (34 SS) | 35,412 org 25,010 3,140 7,262 (34 SS) |
| Tarikh Penerbangan Fasa 1 Fasa 2 | | 27/1-26/2/01 11/3-10/4/01 | 17/1-16/2/02 28/2-30/3/02 | 5/1-3/2/03 17/2-18/3/03 | 26/12-25/1/04 7/2-6/3/04 | 14/12-14/1/05 28/1-23/2/05 | 3/12-2/1/06 22/11/06 | |
| Hari Wukuf | 9 Zulhijjah 15/3/2000 | 9 Zulhijjah 5/3/2001 | 9 Zulhijjah 22/2/2002 | 9 Zulhijjah 11/2/2003 | 9 Zulhijjah 31/1/2004 | 9 Zulhijjah 20/1/2005 | 9 Zulhijjah 9 /1/2006 | 9 Zulhijjah 30/12/2006 |

# Pejabat Penasihat Undang-Undang

**PENGENALAN**

Bahagian ini diketuai oleh seorang Penasihat Undang-undang dengan dibantu oleh dua orang Pegawai Tadbir. Pewujudan Bahagian Perundangan ini adalah bertujuan agar institusi wakaf, zakat, mal dan haji dapat dimantapkan dengan penyelarasan dan penyeragaman Perundangan yang terbaik, cekap dan berkesan.

**OBJEKTIF BAHAGIAN**

"Menjadi sumber rujukan yang berkesan dan terbaik dalam aspek Perundangan ke arah Penyelarasan dan Penyeragaman wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia, di samping memberi khidmat sokongan terbaik, cekap dan berkesan yang bertaraf dunia dalam aspek Perundangan kepada Jabatan dan *Stakeholders*".

**FUNGSI BAHAGIAN**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk :

- Memberi khidmat masihat dan pandangan undang-undang kepada Jabatan dan *Stakeholders* berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji.
- Menyemak, mengubal dan menyelaras undang-undang berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji serta perundangan subdiari.
- Menyelidik, mengkaji dan menganalis keperluan undang-undang berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji.
- Menyediakan memorandum Jemah Menteri serta ulasan perjanjian, MoU, triti antarabangsa dan lain-lain dokumen perundangan berkaitan fungsi teras Jabatan.



# Bahagian Penyelidikan & Penyelarasan

**PENGENALAN**

Bahagian Penyelidikan & Penyelarasan (P&P), JAWHAR telah ditubuhkan pada 1 Januari 2007 mengikut waran perjawatan yang baru. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah dengan dibantu oleh seorang Ketua Penolong Pengarah dan dua orang Penolong Pengarah. Pegawai sokongan pula terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Tadbir dan lima orang Pembantu Tadbir.

Pewujudan Bahagian P&P ini adalah bertujuan agar institusi wakaf, zakat, mal dan haji dapat dimantapkan dengan kajian-kajian dan mempunyai penyelarasan yang berkesan.

**FUNGSI BAHAGIAN**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk:

- Merancang dan melaksanakan penyelidikan terhadap bidang berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji.
- Menjalinkan kerjasama pintar dengan Institusi Pengajian Tinggi atau Institusi Penyelidikan di dalam bidang berkaitan.
- Melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan ke atas Pelan Strategik JAWHAR dan menjalankan kajian strategik keperluan Jabatan.
- Menyelaraskan kertas cadangan berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji untuk dibawa ke Majlis Fatwa Kebangsaan.
- Merancang dan menjalankan modul-modul latihan dan kursus.
- Melaksanakan tugas-tugas penerbitan jurnal dan makalah JAWHAR.
- Menyelaras program-program Gerakan Pemantapan Baitulmal Kebangsaan, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam dan sebagainya.
- Menyelaras urusan tugasan di Parlimen.

# Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia

Bahagian ini bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan kepada semua warga JAWHAR yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Menguruskan pentadbiran am Jabatan merangkumi pengurusan perolehan, harta modal, inventori, stor, kenderaan, surat-menyurat serta kebersihan dan keselamatan Jabatan.

- Menguruskan kewangan Jabatan merangkumi pengurusan waran peruntukan, hal ehwal emolumen, anggaran belanjawan, pelaksanaan sistem e-SPKB (Sistem Perancangan Kawalan Belanjawan) dan Sistem e-Perolehan Jabatan, Panjar Wang Runcit, baucar bayaran dan prestasi perbelanjaan mengurus.

- Menguruskan sumber manusia merangkumi aspek-aspek pengurusan perkhidmatan, penyusunan semula struktur organisasi Jabatan, urusan kenaikan pangkat, latihan, pemantauan dan pembangunan prestasi.



**PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKSANAKAN**

Program latihan praktikal oleh mahasiswa di JAWHAR adalah seperti berikut:

**Maklumat Pelajar-pelajar Yang Menjalani Latihan Praktikal Di JAWHAR Bagi Tahun 2008**

| BIL | PRAKTIKAL | BAHAGIAN | DARI | TARIKH MULA -TARIKH TAMAT |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Mohd Ashraf b. Tholibon | BTM | UUM Sintok, Kedah | 02/06/2008 - 02/12/2008 |
| 2 | Norwahida bt. Awang | BKPSM | UUM Sintok, Kedah | 02/06/2008 - 02/10/2008 |
| 3 | Siti Hajar bt. A Rahman | Wakaf | KUIS, Selangor | 10/03/2008 - 02/05/2008 |
| 4 | Ruhaizah bt. Kalam | Haji | UUM Sintok, Kedah | 03/12/2007 - 03/04/2008 |
| 5 | Haidatul Azia bt. Husin | BTM | UUM Sintok, Kedah | 03/12/2007 - 03/04/2008 |
| 6 | Suhana Delila bt. Hamzah | MAL | UUM Sintok, Kedah | 03/12/2007 - 03/04/2008 |
| 7 | Nor Hidayah bt. Jaafar | Zakat | UUM Sintok, Kedah | 03/12/2007 - 03/04/2008 |
| 8 | Nurul Ashikin bt. Shaari | MAL | UUM Sintok, Kedah | 03/12/2007 - 03/04/2008 |

Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia JAWHAR telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 09 Jun 2008. Pelan strategik ini merupakan perincian secara terus kepada Pelan Strategik JAWHAR 2007 - 2011. Antara lain ia menekankan kepentingan melahirkan modal insan yang berprestasi tinggi serta mempunyai nilai-nilai murni, integriti, akauntabiliti, kompeten, tauhidik serta memperkasakan warga JAWHAR dengan program latihan yang komprehensif.

**Hari Bersama Pelanggan JAWHAR**



Program Hari Bersama Pelanggan JAWHAR (HBPJ) telah diadakan sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2008 iaitu pada 04 April 2008 bersamaan 26 Rabiulawal 1429H, 08 Ogos 2008 bersamaan 06 Sya'ban 1429H, dan 19 Disember 2008 bersamaan 21 Zulhijjah 1429H di Auditorium EA, Kompleks E dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Program ini bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan luas kepada masyarakat berkenaan fungsi dan peranan JAWHAR dalam membantu memperkasakan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

Program Hari Bersama Pelanggan JAWHAR diadakan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

i. Mempromosikan JAWHAR sebagai agensi Kerajaan yang berperanan sebagai *policy formulator* dan *facilitator* dalam hal ehwal berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji yang sentiasa dinamik dan proaktif untuk memajukan taraf sosio-ekonomi ummah melalui bidang-bidang tersebut;





ii. Mengenengahkan bidang teras dan usaha JAWHAR untuk memajukan bidang wakaf, zakat, mal dan haji yang merupakan berpotensi besar untuk menjana kekuatan ekonomi ummah di masa hadapan; dan

iii. Memberikan peluang kepada orang ramai untuk memahami konsep wakaf, zakat, mal dan haji dengan lebih jelas mengikut keadaan semasa dan bernilai tambah.

JAWHAR telah menyediakan meja maklumat yang berfungsi sebagai wadah yang boleh digunakan oleh pengunjung untuk mendapatkan maklumat berkenaan perkara-perkara berikut:

i. maklumat wakaf seperti pembangunan tanah wakaf dan model hotel wakaf;

ii. maklumat zakat dari segi pelaksanaan zakat kontemporari dan kaedah pengiraan;

iii. maklumat mal dan harta sumber am; dan

iv. maklumat pengurusan haji dari segi jumlah jemaah haji, aktiviti pelaburan LTH, kejayaan LTH dan maklumat pengendalian haji dan umrah swasta.

**Pensijilan Amalan 5S JAWHAR**

25 Jun 2008 merupakan detik permulaan proses pengauditan bagi pensijilan Amalan 5S JAWHAR oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).



Proses pengauditan telah dimulakan dengan dua taklimat ringkas iaitu mengenai Jabatan secara keseluruhan dan diikuti dengan penerangan mengenai pelaksanaan Amalan 5S JAWHAR serta lawatan ke seluruh kawasan pejabat. Setelah tamat sesi pengauditan dan keputusan auditan telah dimaklumkan, laporan ringkas disediakan oleh pihak Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada sebelah petangnya. Alhamdulillah dan tahniah kepada seluruh warga JAWHAR atas kejayaan meraih Pensijilan Amalan 5S pada 25 Jun 2008, Persekitaran Berkualiti JAWHAR yang telah dianugerahkan oleh MPC.

Acara penyerahan sijil telah disempurnakan oleh wakil MPC kepada Y. Bhg. Ketua Pengarah JAWHAR dan disaksikan oleh Y. Bhg. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri (JPM). Majlis tersebut telah dilaksanakan pada 18 Julai 2008 dalam Perhimpunan Bulanan Bersama TKSUK.







# Bahagian Teknologi Maklumat

Bahagian ini bertanggungjawab memberikan perkhidmatan sokongan menerusi pengurusan teknologi maklumat kepada semua warga JAWHAR yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Memastikan pembangunan sistem sokongan dalaman/luaran bagi menyokong perkhidmatan teras JAWHAR serta memastikan laman web sentiasa informatif dan terkini;

- Mengkaji keperluan penyediaan prasarana iaitu perkakasan, perisian dan rangkaian serta memastikan sistem komputer berfungsi dengan baik dan berkesan; dan

- Memberi perkhidmatan teknikal, menyelenggara kemudahan ICT serta memberi khidmat nasihat berkaitan ICT.

Menyedari kepentingan bagi menyokong perkhidmatan Jabatan, beberapa sistem sokongan dalaman serta luaran telah dibangun dan dilaksanakan pada tahun 2008 bertujuan bagi perkongsian sumber dan maklumat di antara warga kerja, *stakeholders* dan orang awam.

**Sistem e-Bayanat** merupakan satu sistem berbentuk pelaporan dengan data maklumat diperolehi secara dinamik dari pangkalan data. Ia dapat memaparkan maklumat dan statistik wakaf, zakat, mal dan haji yang direkodkan melalui Sistem e-Bayanat. Maklumat tersebut diolah pada pelbagai peringkat, diringkas dan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti graf bar, carta pai, graf perbandingan, dan *query*. Ini bermaksud laporan-laporan yang dipaparkan adalah terkini sehingga masa dijana. Maklumat-maklumat ini dapat dikongsi bersama dengan jabatan lain dan masyarakat umum.

























**Sistem e-Wakaf** adalah singkatan untuk Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf Bersepadu pada peringkat nasional yang terdiri dari empat (4) subsistem iaitu Portal Pengurusan Maklumat Wakaf, Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf, Sistem Antara Muka Maklumat Wakaf dan Pusat Data Wakaf.

Sistem e-Wakaf ini merupakan inisiatif JAWHAR dengan usahasama MAIN. Ianya adalah sebahagian dari usaha untuk mendapat, mengumpul, mengendali, menyimpan dan mengurus semua maklumat wakaf dari seluruh negeri secara berpusat, terkini dan bersepadu. Laporan-laporan yang dijana pada peringkat JAWHAR adalah 'dinamik' berdasarkan data yang terkini. Semua maklumat wakaf ini akan diintegrasikan secara komprehensif dan berupaya memberikan satu gambaran mengenai hartanah wakaf secara menyeluruh pada peringkat nasional.

Portal Pengurusan Maklumat Wakaf (PPMW) dapat memberi gambaran dan pelaporan wakaf negara yang tepat, bersepadu dan menyeluruh. Portal ini menyediakan satu antaramuka web yang boleh dicapai melalui Internet menggunakan satu login. Antaramuka web ini akan memberikan kemudahan dan membuka laluan capaian secara bersepadu kepada pengguna-pengguna untuk mencapaibalik, mengkaji dan menganalisis maklumat wakaf dari pelbagai sumber. Sumber-sumber ini terdiri dari sistem-sistem pengurusan maklumat yang dikendalikan oleh MAIN. Sistem-sistem dari MAIN didapati tidak berupaya untuk berkomunikasi di antara satu sama lain, dan menggunakan pelbagai pendekatan dan platform teknologi maklumat. PPMW JAWHAR ini akan dapat mengintegrasikan kesemua maklumat wakaf ini secara bermakna dan berupaya memberikan satu gambaran terkini mengenai hartanah wakaf secara menyeluruh pada peringkat nasional.

Sistem Pengurusan Maklumat Wakaf (SPMW) pula adalah sesuai untuk kegunaan MAIN yang belum lagi mempunyai sistem untuk mengurus dan mengendalikan maklumat wakaf peringkat negeri. SPMW akan berinteraksi dengan PPMW untuk menerima arahan memuatnaikkan maklumat Wakaf negeri kepada Pusat Data Wakaf (PDW). Proses memuatnaikkan maklumat akan dibuat secara berkala (harian, mingguan, bulanan) mengikut jadual yang











ditetapkan oleh PPMW, atau selepas menerima arahan khusus.

Sebagai perintis, empat (4) MAIN telah bekerjasama dengan JAWHAR untuk melaksanakan SPMW ini, iaitu Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP).

Majlis pelancaran bagi Sistem e-Bayanat dan Sistem e-Wakaf ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 20 Oktober 2008. Majlis perasmian ini telah diadakan di Aras 4, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

**Sistem SisRes** adalah singkatan bagi Sistem Maklumat Personel merupakan sistem yang dapat menyediakan maklumat personel kakitangan dan pegawai JAWHAR secara atas talian. Sistem ini merupakan *single point of reference* yang menyediakan kemudahan kepada orang awam untuk mendapatkan maklumat personel kakitangan dan pegawai JAWHAR bagi tujuan sebagai



pakar rujuk atau penasihat mengikut kelayakan dan pengalaman yang dinyatakan. Sistem ini merupakan inovasi JAWHAR bagi meningkatkan kualiti kerja Unit Pengurusan Sumber Manusia. Sistem ini telah menyertai pertandingan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) peringkat Wilayah Persekutuan.















**Sistem ILMU** adalah singkatan bagi Sistem Pengurusan Maklumat Pusat Sumber JAWHAR. Sistem ini merupakan sistem perpustakaan bersepadu di mana ia membenarkan pengguna untuk melaksanakan modul pinjaman buku, pemulangan, carian buku dan lain-lain. Kelebihan sistem ini adalah ianya merupakan sistem maklumat perpustakaan terbuka, mudah dicapai, fleksibel, senang digunakan dan disusun atur secara dinamik.

**Pelan Strategik ICT JAWHAR** diterbitkan bagi merealisasikan visi, misi dan objektif JAWHAR untuk memacu pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji. JAWHAR telah mengorak langkah proaktif dengan menghasilkan satu Pelan Strategik ICT bagi menyokong teras strategik seperti yang termaktub dalam Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011). Ke arah matlamat menjayakan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) ini, maka amatlah penting sekali Pelan Stategik ICT ini didokumenkan sebagai suatu langkah memperkasa













dan mengoptimakan penggunaan ICT di JAWHAR. Matlamat Pelan Strategik ICT ini adalah menyediakan perkhidmatan elektronik yang efisyen, cepat, berkualiti dan selamat; menggunakan ICT dan multimedia bagi meningkatkan produktiviti warga JAWHAR; mempermudahkan perkongsian sumber dalam kalangan MAIN; dan menyampaikan perkhidmatan berkaitan wakaf, zakat, mal dan haji.

Pelan Strategik ICT JAWHAR telah dilancarkan pada 09 Jun 2008 oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).






**Laman Web/Portal** merupakan di antara saluran dalam menyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sektor awam kepada orang ramai. Melalui laman web/portal, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dapat dimanfaatkan ke arah menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan telus. Oleh itu, BTM mengambil usaha memperbaiki dan memperkemaskan lagi laman web JAWHAR untuk mencapai hasrat tersebut. Laman web JAWHAR juga turut menyertai Pertandingan Laman Web sempena Hari Kualiti, Jabatan Perdana Menteri 2008.



*Laman utama web versi Bahasa Malaysia*



*Laman web versi Bahasa Inggeris*




*Laman web versi bahasa Arab*








*Antara pujian dan komen daripada pelanggan mengenai laman web menerusi email, maklum balas dan buku pelawat.*











**Program dokumentari INFAQ** bercogankata "Secupak Nikmat, Segantang Berkat" telah diterbitkan yang merupakan inisiatif JAWHAR untuk mempertingkatkan kesedaran dan mendidik umat Islam mengenai tanggungjawab berwakaf, berzakat dan urusan mal. Program ini adalah sebahagian daripada usaha untuk berkomunikasi dengan masyarakat dan pengisian utamanya berkisar tentang wakaf, zakat dan mal merangkumi aspek hukum, pemahaman serta amalan yang dipraktikkan oleh institusi keagamaan yang dipertanggungjawabkan di Malaysia. Majlis pelancaran dokumentari ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya pada 17 Januari 2008. Program dokumentari INFAQ sebanyak 13 episod ini bersiaran pada setiap hari Isnin jam 6.30 petang di Saluran Inforia RTM1 bermula 11 Februari 2008 sehingga 05 Mei 2008.

**Iklan wakaf, zakat dan mal** merupakan salah satu promosi bagi program pendidikan. Iklan zakat secara khusus telah disiarkan di Warta Perdana, RTM1 sepanjang bulan Ogos sempena program Bulan Zakat Kebangsaan sementara iklan wakaf dan mal telah disiarkan sepanjang bulan Ramadhan 1429H.

# Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-03/2004)

## PENGENALAN

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan yang diadakan pada 25 Mac 2006 di Kuala Terengganu, mesyuarat telah bersetuju agar satu entiti kebangsaan bagi menguruskan hal ehwal wakaf diwujudkan.

Pada 16 Julai 2007, Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah bersetuju agar satu entiti wakaf di peringkat kebangsaan diwujudkan dengan segera bagi menyelesaikan masalah pembangunan harta wakaf di negara ini.

Bagi menzahirkan hasrat tersebut, sebuah yayasan yang diberi nama Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah dilancarkan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 14 Februari 2008 oleh Mantan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Penubuhan YWM adalah untuk membentuk satu badan nasional bagi menyatu dan menggembleng sumber-sumber wakaf agar dapat dijadikan sumber modal ekonomi berpotensi tinggi bagi dimanfaatkan oleh umat Islam secara optimum sejajar dengan pensyariatan wakaf. Bagi tujuan ini, penglibatan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan fokus utama pada peringkat penubuhan selaku pemegang amanah tunggal wakaf di peringkat negeri dan sebagai *stakeholder* utama dalam pembangunan dan kemajuan harta wakaf.

Satu Lembaga Pemegang Amanah (LPA) telah diwujudkan dan dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam. Justeru itu, seramai 18 orang tokoh terkemuka daripada pelbagai latar belakang telah menganggotai LPA YWM dengan dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri sementara Y.Bhg. Ketua Pengarah JAWHAR berperanan sebagai Timbalan Pengerusi. Selebihnya, seramai 16 orang ahli yang lain terdiri daripada wakil setiap MAIN, wakil agensi Kerajaan dan tokoh korporat.

## VISI

Menjadi sebuah badan amal yang terulung dalam membangunkan aset-aset wakaf sebagai pemacu sosio-ekonomi ummah.

## MISI

Memastikan peranan dan kegemilangan wakaf direalisasikan dalam memacu pertumbuhan ekonomi ummah demi kebaikan hidup dunia dan akhirat.

## DASAR KUALITI

Setiap warga YWM beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti tinggi bagi memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholders.*

## MOTO

Memperkasakan Ekonomi Ummah Melalui Wakaf

## SLOGAN

Beramal Bakti, Penggerak Potensi

## OBJEKTIF PENUBUHAN YWM

1. Membangun dan memajukan harta wakaf di seluruh negara melalui jalinan kerjasama dengan MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf;

2. Menjana modal melalui kaedah-kaedah kontemporari dan semasa serta inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf;

3. Membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam bagi tujuan khairat dan amal jariah melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan umat Islam;

4. Menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi dalam kalangan umat Islam secara progresif dan produktif, khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan; dan

5. Menyempurnakan amanah pewakaf.

**FUNGSI YWM**

Fungsi-fungsi YWM adalah seperti berikut:-

1. Entiti wakaf bagi umat Islam di peringkat kebangsaan dan pelengkap kepada usaha MAIN-MAIN dalam membangunkan harta-harta wakaf;

2. Menggembleng usaha dalam mempromosi dan meningkatkan kesedaran mengenai amalan wakaf di Malaysia;

3. Melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan wakaf di seluruh Malaysia melalui penyelidikan, penghasilan dan melaksanakan konsep wakaf baru yang lebih praktikal dan berdaya maju; dan

4. Mengumpul dana serta menggembleng sumber-sumber wakaf yang berpotensi (dari dalam dan luar Negara) agar dapat dimanfaatkan oleh umat Islam.

**MATLAMAT TERAS YWM:**

Lima matlamat teras YWM adalah seperti berikut:

1. **Mengumpul Dana Wakaf**
   Melaksanakan program-program bagi mendapatkan dana untuk mengisi Tabung Kumpulan Wang Amanah Yayasan dan dijadikan modal ekonomi umat Islam.

2. **Membangun dan Memajukan Harta Wakaf**
   Bekerjasama dengan pihak yang terlibat seperti MAIN, IPTA dan IPTS untuk memaju dan membangunkan harta wakaf serta membuat kajian dan penyelidikan produk baru wakaf.

3. **Program Pelaburan**
   Membuat pelaburan ke atas wang kepunyaan YWM dalam sebarang pelaburan yang dibenarkan syarak.

4. **Program Kebajikan dan Sosial**
   Merangka aktiviti yang berfaedah kepada umat Islam demi kebaikan hidup di dunia dan akhirat seperti memberi biasiswa, bantuan kepada fakir miskin dan melaksanakan amanah pewakaf sebaik mungkin.

5. **Promosi dan Penerbitan**
   a. Mempromosi dan menganjurkan pelbagai persidangan, seminar dan sebagainya.

   b. Menerbit pelbagai risalah bagi mengembang dan memajukan matlamat YWM.

**ALAMAT**

No. 13, Jalan Diplomatik 2/2
Presint Diplomatik Putrajaya
Presint 15
62050 Putrajaya
Tel : 03-8890 1000 (hunting line)
03-8890 4071 / 4072 / 4073
Faks : 03-88901010

**STRUKTUR TERAS YWM**



# Lembaga Zakat Antarabangsa
## (International Zakat Organization – IZO)

International Zakat Organization

### PENGENALAN

YAB Perdana Menteri selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) telah mencadangkan supaya diwujudkan dana khas bersumberkan zakat bagi menangani isu kemiskinan dalam kalangan negara anggota OIC ketika Sidang Kemuncak Khas (Extraordinary Summit) OIC di Makkah Al-Mukarramah pada 06 hingga 08 Disember 2005. Cadangan penubuhan IZO ini juga turut disenaraikan dalam Rancangan Kerja Sepuluh Tahun OIC.



Bagi merealisasikan hasrat murni ini, Malaysia pada 28 November 2006 telah menganjurkan Persidangan Zakat Antarabangsa yang dihadiri oleh 54 orang perwakilan daripada 12 negara. Hasil dari persidangan tersebut satu Pelan Tindakan telah dipersetujui antaranya:

i. Meminta pelbagai pertubuhan, termasuk *Islamic Fiqh Academy* supaya mendapatkan penyatuan pendapat mengenai zakat; dan

ii. Malaysia mengambil peranan sebagai *Ad Hoc Secretariat* bersama-sama *founding members* untuk mengambil langkah susulan ke arah penubuhan IZO.

### VISI
Menubuhkan satu organisasi global yang bekerjasama dalam bidang zakat serta kerja-kerja kebajikan dan amal.

### MISI
Memastikan peranan dalam menyediakan keperluan hidup masyarakat Muslim yang ditimpa kemiskinan dapat direalisasikan demi kepentingan ummah sejagat.

### DASAR KUALITI
Setiap warga IZO beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti tinggi bagi memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholders*.

### SLOGAN
Memperkasakan Ummah, Menyebarkan Mesej Islam

### TUJUAN PENUBUHAN
Tujuan-tujuan penubuhan IZO adalah seperti berikut:

i. Mengangkat zakat, selaku rukun Islam ketiga, sebagai pencetus pembangunan ekonomi dan meningkatkan kesedaran kepada sistem pengurusan zakat;

ii. Meningkatkan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan negara, organisasi dan masyarakat Islam dalam bidang ekonomi, sosial, sains, pembangunan dan kemanusiaan;

iii. Menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam membantu pembasmian kemiskinan, kesedaran kesihatan dan program kebajikan lainnya;

iv. Mengumpul dan memaksimakan kepakaran ilmuan Islam dari pelbagai disiplin ke arah membangunkan ekonomi umat Islam dan seterusnya membasmi kemiskinan;

v. Meneroka peluang pelaburan bagi lebihan zakat dan sumber kewangan lain;

vi. Menggalakkan negara anggota dan komuniti Islam bagi menyediakan bantuan konsultansi dan kemahiran dalam membentuk pelan strategik dan struktur institusi zakat; dan

vii. Mana-mana tujuan lain yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

### SUMBER KEWANGAN

Dana IZO tidak hanya bersumberkan wang zakat, sebaliknya bergantung juga kepada yuran keahlian, sedekah, geran dan lain-lain sumbangan. Bagi memulakan operasinya, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.2 juta kepada

IZO bagi membolehkannya memulakan operasi dengan segera. Sumbangan Kerajaan Malaysia adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Sumbangan kepada IZO ini tidak akan melibatkan mana-mana dana Kerajaan negeri-negeri di Malaysia sama ada wang zakat atau lainnya. Wang zakat hanya akan diagihkan kepada asnaf sahaja.

**OPERASI**

IZO beroperasi dari pejabatnya yang terletak di Tingkat 15, Menara Tabung Haji. Kerja-kerja ubahsuai dijalankan oleh Lembaga Tabung Haji dan siap sepenuhnya pada akhir Februari 2009. Ketua Pegawai Eksekutif IZO telah dilantik pada 1 Jun 2008. Ketika ini, IZO mempunyai 8 orang kakitangan yang terdiri daripada warga tempatan dan warga asing yang dikenalpasti dapat membantu IZO menjalankan tanggungjawabnya.

Sehingga Disember 2008, Republik Guinea, Al-Rajhi Group dan National Council of Muslim Youth of Nigeria telah berdaftar sebagai ahli IZO. Bagi menarik lebih ramai penyertaan, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan IZO telah mengadakan lawatan ke beberapa negara dalam rangka mempromosikan IZO. Jemputan bagi menganggotai IZO juga telah dibuat kepada negara Arab Saudi, Afghanistan, Bahrain, Brunei, Emiriah Arab Bersatu, Iraq, Indonesia, Jordan, Kazakhstan, Kuwait, Libya, Maghribi, Mesir, Nigeria, Oman, Pakistan, Qatar, Sudan, Syria, Turki dan Yaman.

**ALAMAT**

Tingkat 15, Bangunan Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel : 03-2164 5516
Faks : 03-2164 5479

**STRUKTUR TERAS IZO**



# Majlis-Majlis Utama JAWHAR 2008

## Januari

**04 Januari 2008**
MoU di antara Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang



Satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAWHAR dengan USM telah diadakan pada 04 Januari 2008M bersamaan 25 Zulhijjah 1428H di Bilik Persidangan Canselori, USM. MoU ini amat bermakna bagi JAWHAR kerana ini merupakan hubungan kerjasama yang akan menghasilkan banyak kajian dan latihan dalam usaha memartabatkan ummah melalui kecemerlangan di dalam bidang zakat, wakaf, mal dan haji. Langkah ini juga selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mampu memacu kecemerlangan dan keterbilangan ummah dengan pelbagai produk yang berteraskan syariat Islam. Melaluinya JAWHAR akan terlibat secara langsung dengan USM untuk mengkaji masalah jemaah haji dan cara-cara mengatasinya.

**08 Januari 2008**
Lawatan YB Setiausaha Parlimen, Senator Dato' Dr. Mashitah bt. Ibrahim ke JAWHAR



YB Senator Dato' Dr. Mashitah bt. Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke JAWHAR yang bertujuan untuk mendapatkan penerangan dan taklimat terperinci berkaitan bidang teras JAWHAR. Penerangan dan taklimat tersebut telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan JAWHAR. Di dalam ucapannya, YB Senator Dato' Dr. Mashitah bt. Ibrahim telah menekankan aspek kualiti di dalam setiap perkhidmatan yang disediakan. Selain itu, beliau juga mengucapkan tahniah di atas usaha JAWHAR menyediakan Pelan Strategik JAWHAR 2007:2011 dan selaras dengan itu beliau berharap JAWHAR merealisasikan setiap perancangan yang dibuat.

**17 Januari 2008**
JAWHAR Lancar Dokumentari Infaq

YB Dato' Dr. Abdullah b. Md. Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah merasmikan pelancaran Dokumentari 'INFAQ' di majlis pelancaran yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Program Dokumentari setengah jam berjudul 'INFAQ' ini telah bersiaran setiap hari Isnin jam 6:30 petang di Saluran Inforia RTM 1 sebanyak 13 episod, bermula 11 Februari 2008.

Program 'INFAQ' bercogankata "Secupak Nikmat, Segantang Berkat" ini yang merupakan inisiatif JAWHAR dengan usahasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan syarikat penerbitan Handy Pro Sdn. Bhd. adalah sebahagian dari usaha untuk mentarbiahkan masyarakat berkenaan perihal pembangunan wakaf, zakat dan mal. Pengisian utamanya berkisar tentang wakaf, zakat dan mal merangkumi aspek hukum, pemahaman serta amalan yang dipraktikkan oleh institusi keagamaan yang dipertanggungjawabkan di Malaysia.



## Februari

**01 - 9 Februari 2008**
JAWHAR menyertai Perkampungan Hadhari Peringkat Negeri Terengganu di Pulau Wan Man, Kuala Terengganu





JAWHAR telah menyertai Pameran Semarak Hadhari di Perkampungan Hadhari Peringkat Negeri Terengganu 2008 bermula 01 Februari sehingga 09 Februari 2008. Pameran berlangsung selama sembilan hari bermula dari jam 10 pagi hingga jam 10 malam. Seramai 1.2 juta pengunjung dianggarkan telah melawat Perkampungan Hadhari Peringkat Negeri Terengganu dan pengunjung yang memeriahkan booth JAWHAR adalah berjumlah 20,500 orang.

**10 Februari 2008**
Perjanjian Pajakan Hotel Wakaf di MAIDAM, Terengganu

Majlis Perjanjian Pajakan Hotel Wakaf Terengganu telah diadakan di antara JAWHAR dan MAIDAM bertempat di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, Terengganu. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Idris Jusoh, mantan Menteri Besar Terengganu dan YB Dato' Abdullah Md. Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**14 Februari 2008**
Majlis Pelancaran Yayasan Waqaf Malaysia di PICC, Putrajaya




Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah dilancarkan oleh YB Dato' Dr. Abdullah b. Md. Zin, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bertujuan bagi membantu mengurus, menyelaras dan menggembleng sumber-sumber wakaf untuk dijadikan sumber modal ekonomi berpotensi tinggi bagi dimanfaatkan umat Islam di Malaysia.

Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Dato' Dr. Abdullah b. Md. Zin berkata penubuhan yayasan yang dikawalselia oleh JAWHAR diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan pada 25 Mac 2007 yang bersetuju agar satu entiti kebangsaan bagi wakaf diwujudkan.

**15 - 17 Februari 2008**
Perkampungan Sains, Teknologi dan Pendidikan Parlimen Baling 2008, di Perkarangan Dewan Tun Abdul Razak, Baling, Kedah Darul Aman

Perkampungan Sains, Teknologi dan Pendidikan Parlimen Baling 2008 telah berlangsung selama empat hari di perkarangan Dewan Tun Abdul Razak, Baling, Kedah bertujuan untuk mendekatkan penduduk Baling dan kawasan sekitarnya tentang sains, teknologi dan pendidikan. Program ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah bt. Ibrahim pada 17 Februari

2008. JAWHAR turut menyertai program ini dengan memainkan peranan untuk memaparkan fungsi-fungsi utama dalam pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji. Melalui pameran sebegini, para pengunjung Baling dan kawasan sekitar dapat mengenali visi, misi, fungsi utama, dasar kualiti dan aktiviti yang telah dijalankan oleh JAWHAR.

**22 - 24 Februari 2008**
Kursus Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja JAWHAR di Dynasty Hotel, Kuala Lumpur






Seramai 11 orang peserta dari kalangan warga JAWHAR yang menganggotai kumpulan KMK AN-NAJWA telah menghadiri kursus ini. Kursus tersebut telah berjaya memberi pendedahan yang sangat berguna kepada semua ahli kumpulan.

**24 Februari 2008**
Lawatan Ke Perkampungan Orang Asli di Pahang

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah menganjurkan Program Lawatan ke Perkampungan Orang Asli di Pahang dengan kerjasama agensi agama. JAWHAR telah menghantar sepasukan empat (4) orang pegawai untuk menyertai lawatan tersebut. Sebanyak 4 buah kampung orang asli telah dipilih untuk menjayakan program tersebut. 17 kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri terlibat untuk menjayakan program ini di sekitar Negeri Pahang.





**28 Februari 2008**
JAWHAR telah menerbitkan Laporan Tahunan JAWHAR 2007



## Mac

**04 Mac 2008**
Lawatan 5S ke Rawang

Syarikat Ingress Technology Sdn. Bhd. telah memberikan kerjasama yang erat dalam menjayakan lawatan ini. Lawatan ini telah disertai oleh seramai 35 orang warga JAWHAR dan diketuai oleh Y.Bhg. Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR.

**06 Mac 2008**
*JAWHAR Intellectual Discourse* (JID) Bil.1/2008 dengan Tema : "Amalan Corporate Governance Dalam Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia dan Gelagat Kepatuhan Zakat Pengajian di Malaysia: Suatu Penelitian" telah diadakan di Auditorium EA, Parcel E, Putrajaya. Seramai 190 orang jemputan hadir dalam pembentangan tersebut. Dua orang penceramah jemputan iaitu Y.Bhg. Tuan Hj. Shawal b. Kaslam daripada UiTM Kampus Cawangan Melaka telah mengupas tajuk: "Amalan Corporate Governance Dalam Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia", manakala penceramah kedua, Y.Bhg. Prof Madya Kamil b. Md. Idris iaitu Pengerusi Program (Keusahawanan dan Pengkomersilan), Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia membentangkan tajuk: "Gelagat Kepatuhan Zakat Pengajian Di Malaysia: Suatu Penelitian".

**13 Mac 2008**
Lawatan TKSU, JPM ke JAWHAR



Y.Bhg. Dato' Zainol b. Othman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan telah membuat lawatan kerja ke JAWHAR pada 13 Mac 2008 bertujuan untuk melihat dan memahami fungsi JAWHAR sebenarnya. Kunjungan Y.Bhg. Dato' telah disambut oleh Ketua Pengarah JAWHAR Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh dan warga JAWHAR.

**14 Mac 2008**
Lawatan Dompet Dhuafa, Indonesia ke JAWHAR



**16 - 18 Mac 2008**
Retreat Sasaran Kerja Tahunan di Rumah Peranginan Persekutuan Tasik Kenyir, Terengganu



Pelaksanaan Retreat Sasaran Kerja Tahunan di Rumah Peranginan Persekutuan Tasik Kenyir telah memberikan impak yang sangat positif di dalam merangka pelaksanaan aktiviti utama JAWHAR sepanjang tahun 2008.

**25 - 27 Mac 2008**
Bengkel MS ISO 9001:2000 di Bayu Beach Resort, Port Dickson



JAWHAR telah menyiapkan Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti yang diperlukan sebagai panduan aktiviti-aktiviti JAWHAR. JAWHAR telah merangka Pelan Strategik MS ISO 9001:2000 yang akan diperolehi selewat-lewatnya pada bulan Julai 2008.

**27 Mac 2008**
Majlis Serah Tugas YB Dato' Dr. Abdullah b. Md. Zin kepada YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid b. Hamidi



Majlis Serah Terima Tugas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang diadakan di Dewan Syura, Aras 9, Blok D7, Putrajaya.

Majlis anjuran JAKIM ini adalah majlis penyerahan tugas secara rasmi oleh mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Dato' Dr. Abdullah b. Md Zin kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Ia juga sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan yang telah diberikan oleh Mantan Menteri di JPM tersebut.

Majlis ini turut disaksikan oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah bt. Ibrahim, Timbalan Menteri di JPM, Y.Bhg Dato' Mohtar b. Abas, TKSU(K) JPM, Ketua-ketua Pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Agensi-agensi di bawah Menteri di JPM.







# April

**03 April 2008**
Penyertaan dalam Festival Nasyid Peringkat JPM

**04 April 2008**
Hari Bersama Pelanggan di Auditorium 'E'

**07 April 2008**
Lawatan Kerja YB Menteri ke JAWHAR





YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, YB di JPM telah membuat lawatan kerja ke JAWHAR bertujuan untuk melihat dan memahami fungsi JAWHAR sebenarnya. YB Menteri telah diberikan taklimat berkaitan program-program utama JAWHAR seperti Program Pengukuhan Teras Organisasi, Program Pembangunan Tanah Wakaf (Projek RMKe-9), Program Pengukuhan Institusi Zakat (LZA & DZM), Program Pemantapan Baitulmal, Program Pemantapan Hal Ehwal Haji, Penerbitan, Perkongsian Pintar dengan Agensi/ Pusat Kecemerlangan Glokal, Kerjasama dengan Agensi-Agensi Lain dan perkara-perkara yang memerlukan perhatian YB Menteri.

Selain itu juga perbincangan bersama YB Menteri turut menyentuh perkara berkaitan penubuhan Lembaga Zakat Antarabangsa.

**11 April 2008**
Mesyuarat Penyediaan Manual Pengurusan Tebus Pusaka (MPTP)



Manual Pengurusan Tebus Pusaka (MPTP) merupakan salah sebuah terbitan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang menyediakan panduan serta tadbir urus terbaik kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan masyarakat awam berkaitan pengurusan hal-ehwal tebus pusaka milik Baitulmal. Oleh kerana pengurusan tebus pusaka setiap negeri adalah berbeza antara satu sama lain, maka penerbitan manual ini adalah relevan dalam membantu memberikan panduan dan tadbir urus tebus pusaka yang lebih baik serta komprehensif.

Penyediaan MPTP ini dilaksanakan dengan komitmen padu beberapa orang ahli akademik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), para pegawai Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), wakil Mahkamah Syariah, serta pegawai-pegawai MAIN seluruh negara bagi mendapatkan satu manual yang seragam untuk diguna pakai bersama.

**11 – 13 April 2008**
Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-24 Bagi Musim 1429H/ 2008M.

Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-24 telah diadakan di Hotel De Palma, Ampang, Kuala Lumpur. Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan sepanjang tiga (3) hari muzakarah berlangsung.

**13 April 2008**
Lawatan Tapak JAWHAR ke 3 Projek di Pulau Pinang

JAWHAR telah mengadakan lawatan ke tapak projek pembangunan tanah wakaf di Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP). Kunjungan JAWHAR yang diketuai oleh Y.Bhg. Ketua Pengarah telah diberikan taklimat oleh pihak MAIPP.

**14 - 15 April 2008**
Lawatan Kerja ke *Centre For Education, Training and Research in Renewable Energy and Efficiency* (CETREE), USM.

Lawatan kerja yang diketuai oleh Y.Bhg. Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara JAWHAR dan USM setelah MoU ditandatangani yang membolehkan kedua-dua pihak berkongsi dan bertukar-tukar maklumat serta mewujudkan jalinan kerjasama dalam bidang pengurusan haji.



**14 April 2008**
Lawatan Kerja ke Lembaga Tabung Haji, Pulau Pinang

Lawatan kerja yang telah diketuai oleh Y.Bhg. Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR serta diiringi Pengarah-pengarah Bahagian JAWHAR telah diadakan di Lembaga Tabung Haji (LTH), Pulau Pinang. Pengarah LTH Pulau Pinang, Y.Bhg. Tn. Hj. Ahmad Sohaimi b. Dato' Abd. Rahim telah mengalu-alukan kehadiran delegasi JAWHAR.

**16 April 2008**
Lawatan daripada Kuwait Awqaf Public Foundation ke JAWHAR



Y.Bhg Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR selaku Pengerusi semasa majlis taklimat JAWHAR kepada Kuwait Awqaf Public Foundation telah memberikan penerangan tentang peranan dan perancangan JAWHAR di dalam bidang wakaf di Malaysia. Pihak Kuwait Awqaf Public Foundation di akhir sesi taklimat telah menyatakan kekaguman terhadap visi YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi menubuhkan sebuah Jabatan sepenting JAWHAR.

**18 April 2008**
Lawatan ke INTAN, Bukit Kiara

Lawatan kerja ke INTAN, Bukit Kiara yang diketuai oleh Y.Bhg. Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala antara kedua-dua agensi dalam melaksanakan fungsi masing-masing. JAWHAR telah merancang untuk menganjurkan beberapa kursus yang bersesuaian untuk dimanfaatkan oleh pegawai-pegawai MAIN dengan kerjasama pihak INTAN.

**21 - 23 April 2008**
Lawatan Kerja ke Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Lawatan kerja ke Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam telah disertai oleh Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR, Pengarah Bahagian Wakaf dan Ketua Penolong Pengarah (Haji). Lawatan ini bertujuan bagi mengeratkan hubungan kedua-dua negara dan berkongsi maklumat dan kaedah berkaitan pengurusan haji dan wakaf dengan Jabatan Urusan Haji dan Wakaf Brunei.

**28 - 30 April 2008**
Bengkel Pemantapan Harta Sumber Am: Wasiat di Hotel Quality City Center

JAWHAR telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Harta Sumber Am: Wasiat bertempat di Hotel Quality City Centre, Kuala Lumpur. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk merungkaikan sebarang permasalahan berkaitan wasiat dalam kalangan umat Islam. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada tenaga-tenaga mahir iaitu pensyarah Institusi Pengajian Tinggi, Pegawai-pegawai Tinggi MAIN serta Pengarah-pengarah Bahagian JAWHAR telah menghadiri bengkel ini.

# Mei

**05 - 07 Mei 2008**
Bengkel Manual Pengurusan Tebus Pusaka (Siri 1), Empress Hotel



**06 Mei 2008**
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2007 JPM, Dewan B, PICC

**15 - 17 Mei 2008**
Bengkel Audit Dalam MS ISO JAWHAR di Tiara Beach Resort , Port Dickson



**15 Mei 2008**
Jemputan ke Majlis Muhadharah Halatuju Pengurusan Islam di Malaysia Bersama YB Menteri di JPM, Auditorium ILIM

**20 Mei 2008**
Bengkel Manual Pengurusan Tebus Pusaka (Siri 2)



**22 Mei 2008**
Pembentangan Kertas Kerja Persidangan Umrah dan Haji anjuran MATTA

Persidangan Umrah dan Haji anjuran Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Pada persidangan tersebut, Encik Abu Bakar B. Manat telah mewakili JAWHAR untuk membentangkan kertas kerja bertajuk "Polisi, Prosedur dan Panduan Terkini Haji dan Umrah".

**23 Mei 2008**
Lawatan Delegasi MALI ke JAWHAR

Seramai 3 orang delegasi dari Ministry of Regional Affairs and Local Collectivities, Republik Mali telah mengadakan lawatan ke JAWHAR, bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pengurusan haji di Malaysia. Ahli rombongan terdiri daripada Mr. Lamine Samake (*Manager House of Hajj, Mali*), Mr. Moribo Sinayoko (*National Deputy Director of Interior*) dan Mr. Masa Traore (*Travel Agent Representative*). Rombongan delegasi ke JAWHAR turut diiringi oleh Tuan Haji Azman b. Adnan, Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Kumpulan, Lembaga Tabung Haji. Rombongan juga telah melawat Lembaga Tabung Haji dan Syarikat Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd.

**26 Mei - 01 Jun 2008**
Lawatan Kerja ke Arab Saudi

# Jun

**03 Jun 2008**
Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia Kali Pertama 2008

**09 Jun 2008**
Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan Bil. 1/2008





Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan (JPBK) Bil. 1/2008 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 09 Jun 2008 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh empat belas (14) MAIN. JPBK ini merupakan satu wadah untuk MAIN bertemu dan berbincang berhubung urusan dan hal ehwal Baitulmal. Sebanyak tujuh kertas makluman dan cadangan telah dibincangkan.

Majlis Pelancaran Pelan Strategik ICT & Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia JAWHAR





Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Majlis ini dihadiri oleh 150 orang tetamu. Kedua-dua pelan strategik ini merupakan perincian kepada Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) yang telah dilancarkan pada 30 November 2007.

**12 Jun 2008**
Mesyuarat Bersama Menganjurkan "International Seminar on Awqaf 2008" di Bilik Gerakan, JAWHAR

**20 Jun 2008**
Pelancaran Sudut Kualiti JAWHAR

**23 Jun 2008**
Pengauditan SIRIM MS ISO 9001:2000 JAWHAR

Audit Pematuhan MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM QAS. Pengiktirafan ini menjadi lebih manis apabila pihak SIRIM QAS yang telah menjalankan Audit Pematuhan telah mengiktiraf JAWHAR tanpa syarat.

**25 Jun 2008**
Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Waqaf Malaysia Bil. 1/2008





Majlis Perasmian Pusat Agihan Zakat (PAZA) (Majlis Ar-Rahman), Kuala Lumpur

MPC Iktiraf Amalan 5S JAWHAR





Usaha untuk mengujudkan suasana kondusif dalam menjalankan tugas harian adalah selari dengan amalan 5S. Justeru itu, Y.Bhg. Ketua Pengarah JAWHAR telah melancarkan Amalan 5S serentak dengan Ceramah Kesedaran mengenai Amalan 5S oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) kepada warga JAWHAR pada 25 Januari 2008.



**26 Jun 2008**
Bengkel Kaedah Pengiraan Zakat

Bahagian Zakat telah menganjurkan Bengkel Pengiraan Zakat di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor yang telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR. Bengkel ini telah dihadiri wakil semua Majlis Agama Islam Negeri dan pakar-pakar rujuk yang telah dilantik. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menerbitkan Manual Pengurusan sebagai rujukan pengiraan zakat di Malaysia.

**30 Jun - 04 Julai 2008**
Lawatan Kerja ke Brunei, Singapura dan Indonesia

Lawatan kerja ke Brunei, Singapura dan Indonesia yang diadakan selama lima (5) hari ini telah diketuai oleh Y.B Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk memupuk kerjasama yang lebih erat di antara negara serantau teutamanya di dalam hal ehwal agama Islam. Selain itu, delegasi juga mengambil kesempatan untuk menerangkan aspirasi besar Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia untuk menubuhkan Lembaga Zakat Antarabangsa kepada rakan sejawat di negara-negara yang dilawati.

# Julai

**04 Julai 2008**
Lawatan Delegasi Republik Senegal ke JAWHAR



JAWHAR telah menerima kunjungan 5 orang delegasi dari Republik Senegal. Lawatan kerja ini bertujuan untuk mempelajari dan mengumpul maklumat mengenai konsep dan kaedah pelaksanaan pengurusan haji di Malaysia. Rombongan delegasi dari Republik Senegal terdiri daripada Duta Senegal ke Malaysia, Mr. Abdel Kader Pierre Fall, Mr. Baboucar Sambe (*Deputy Head of Mission*), Mr. Papa Ousmane Gueye dan Mr. Birima Mangara (*Inspector General of State*). Lawatan ke JAWHAR turut diiringi oleh pegawai dari Lembaga Tabung Haji

**08 Julai 2008**
JID Bil. 2/2008 dengan tema "Sedekah: Peranan Umat Islam Dalam Usaha Memperkasa Ekonomi Negara".



Satu sesi wacana minda yang lebih dikenali sebagai JAWHAR Intellectual Discourse (JID) telah dianjurkan pada 08 Julai 2008 di Auditorium EA, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Dua orang penceramah telah dijemput bagi mengupas topik tersebut iaitu Ustaz Abdullaah b. Jalil dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah membentangkan kertas kerja beliau bertajuk "Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta" dan Ustaz Mohd Izhar Ariff b. Mohd Kashim dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah membentangkan tajuk "Peranan Sektor Kebajikan dalam Penerapan Konsep Infaq Fi Sabilillah kepada Masyarakat".

Seramai lebih 300 orang peserta telah menghadiri majlis ilmu tersebut yang sudah pasti dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan penghayatan mereka berkaitan sedekah. Ramai hadirin yang telah memberikan maklum balas yang positif supaya JAWHAR memperbanyakkan lagi majlis-majlis ilmu sebegini pada masa-masa hadapan.

**12 Julai 2008**
Hari Keluarga JAWHAR, Taman Wetland, Putrajaya





Aktiviti tahunan anjuran Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR (KKSJ) ini telah berlangsung dengan jayanya di mana Y.Bhg. Ketua Pengarah JAWHAR, Dr. Hj. Sohaimi Hj.Mohd Salleh telah berbesar hati merasmikan upacara pembukaannya. Hari Keluarga dimulakan dengan acara senaman poco-poco yang semakin mendapat tempat di kalangan penjawat awam dalam usaha menyahut seruan Kerajaan dalam mengamalkan kehidupan yang sihat dan seimbang.

**14 - 16 Julai 2008**
Kursus Keselamatan, Blok B1, JPM

**15 Julai 2008**
Lawatan ke Johor (Seminar Wakaf Antarabangsa)

**17 Julai 2008**
Lawatan daripada International Institution of Islamic Waqf (IIIW) ke JAWHAR

International Institute of Islamic Waqf (IIIW) yang berpusat di Dubai telah mengadakan lawatan kerja ke JAWHAR untuk membincangkan 'best practice' pembangunan tanah Wakaf di Malaysia. Pihak IIIW berminat untuk mengadakan MoU bersama JAWHAR bagi meningkatkan keupayaan dana wakaf bagi maslahah umat Islam seluruhnya.

**18 Julai 2008**
Lawatan ke UIA Bersama IIIW, Main Campus UIA, Gombak

Majlis Pelancaran Program Pemandu Pelancong Masjid di Dewan Syarahan Utama Masjid Negara, Jalan Perdana, Kuala Lumpur

**20 - 22 Julai 2008**
Persidangan Ketua-ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke-77, MS Garden Hotel, Kuantan, Pahang

**23 Julai 2008**
Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Kali Ke 3/2008 Dan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Baitulmal, Dewan Syura, Aras 9, Blok D7

**23 – 25 Julai 2008**
Pertandingan Kumpulan Meningkat Mutu Kerja

Konvensyen Kumpulan Meningkat Mutu Kerja Peringkat Wilayah bagi sektor awam telah disertai oleh kumpulan AN-NAJWA yang mewakili JAWHAR. Walaupun penyertaan kali pertama JAWHAR tidak mendapat sebarang tempat, kejayaan JAWHAR melepasi tapisan pertama untuk bertanding di peringkat wilayah amat membanggakan. JAWHAR akan memastikan amalan inovasi terus menjadi teras kekuatan JAWHAR.

**26 Julai – 02 Ogos 2008**
Pengurusan Program Keberangkatan SPB Yang Dipertuan Agong XIII Mengerjakan Ibadat Umrah

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, JPM telah mengetuai pengendalian program lawatan kerja ini dengan dibantu Istana Negara, Lembaga Tabung Haji dan JAWHAR.

**27 - 29 Julai 2008**
*Seminar on Hajj Best Practices Through Advances in Science & Technology*, Grand Ballroom 1, Vistana Hotel, Pulau Pinang.

Sebanyak 10 kertas kerja telah dibentangkan oleh penyelidik USM mengenai urusan haji. Seminar dirasmikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Seramai 100 peserta menghadirinya.

**28 - 30 Julai 2008**
Bengkel SPAI (Sistem Pengurusan Risiko) INTAN Bukit Kiara

Bengkel Sistem Pengurusan Risiko (SPAI) JAWHAR telah diadakan di INTAN Bukit Kiara dengan kerjasama INTAN dan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Bengkel yang telah dihadiri oleh semua Pengarah-pengarah JAWHAR ini diadakan untuk memastikan JAWHAR tidak terlibat dan terselamat daripada risiko-risiko yang telah dikenalpasti seperti kurang kecekapan, terdedah kepada rasuah dan peluang-peluang untuk meningkatkan potensi agensi.

**31 Julai 2008**
Majlis Malam Bersama Media Agensi-Agensi di bawah YB Menteri di JPM, Dewan Besar, Lantai 1, Ibu Pejabat Tabung Haji, KL

# Ogos

**01 Ogos 2008**
Pelancaran Bulan Zakat Peringkat Kebangsaan, Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur








JAWHAR buat julung kalinya menganjurkan Bulan Zakat Kebangsaan 2008. Program berstatus kebangsaan ini diadakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan juga pusat zakat negeri. Majlis pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 01 Ogos 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Majlis ini diserikan lagi dengan Forum Perdana "Hakku Milikmu".

**02 Ogos 2008**
Hari Keluarga Agensi Islam Bersama Menteri di JPM, ILIM

**04 - 05 Ogos 2008**
Kursus Intensif Haji (Siri 1), JAWHAR

Kursus ini telah diadakan dengan jayanya bertempat di Dewan Auditorium Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Kursus ini disasarkan kepada semua penjawat awam di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur khususnya bagi mereka yang terpilih menunaikan haji pada tahun ini. Sejumlah 254 orang peserta telah menyertai kursus ini yang berlangsung selama 2 hari. Upacara perasmian kursus telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah bt. Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Penceramah yang telah menjayakan kursus ini ialah Tuan Haji Isahak b. Hj. Othman.

**10 - 12 Ogos 2008**
Seminar Wakaf Antarabangsa (Persada Johor International Convention Center, Johor Bharu)





Seminar Wakaf Antarabangsa 2008 yang dianjurkan oleh JAWHAR dengan kerjasama Johor Corporation, Kumpulan Wakaf An-Nur Berhad, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn Bhd (IBFIM) telah diadakan

pada 10 hingga 12 Ogos 2008 di Johor Bahru, Johor bertemakan "Wakaf Mengukuhkan Sosial dan Ekonomi Ummah".

Majlis Perasmian Pembukaan seminar ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil rasmi kepada YAB Perdana Menteri pada 11 Ogos 2008. Manakala Majlis Penutupnya pula telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 12 Ogos 2008.

**20 – 21 Ogos 2008**
Kursus Intensif Bimbingan Haji (Siri 2), JAWHAR



Seperti Kursus Siri 1, kursus ini juga disasarkan kepada semua penjawat awam di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur. Kursus ini telah mendapat penyertaan dari sejumlah 260 orang peserta. Penceramah yang menjayakan kursus ini ialah Tuan Haji Mohamad Hasnil b. Abu Bakar.

**28 Ogos 2008**
Perasmian Pertandingan Pidato Zakat (Pelajar Tingkatan 1 - 5), Auditorium Kompleks E

**29 Ogos 2008**
JID Bil. 3/2008 dengan tema Sedekah: Peranan Umat Islam Dalam Usaha Memperkasa Ekonomi Negara diadakan sempena Bulan Zakat Kebangsaan 2008

Seminar yang diadakan di Auditorium EA, Parcel E, Putrajaya ini telah berjaya menarik penyertaan lebih dari 300 orang kakitangan Kerajaan di sekitar Putrajaya.

Seminar ini telah dijayakan oleh dua orang panel iaitu Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi b. Ab. Majid dari dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan tajuk "Zakat Pendapatan: Satu Kewajipan atau Pilihan" dan Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Ariffin b. Md. Salleh dari Institut Kajian Zakat (IKAZ), UiTM dengan tajuk "Kefardhuan Zakat dan Kewajipan Cukai: Penghayatan dan Komitmen".







# September

**05 September 2008**
Lawatan Kerja IBFIM ke JAWHAR



Satu lawatan oleh pihak *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd.* (IBFIM) ke JAWHAR telah diadakan pada 05 September 2008. Bersempena dengan lawatan itu, satu mesyuarat telah diadakan di Bilik Gerakan JAWHAR.

Beberapa isu telah dibincangkan dalam lawatan tersebut. Antaranya mengenai peluang-peluang penyaluran wang syubhah daripada institusi-institusi kewangan termasuklah syarikat-syarikat unit amanah yang mempunyai dana untuk dibersihkan ke Baitulmal. Ianya adalah selaras dengan hasrat JAWHAR yang sentiasa mencari ruang dan peluang yang terbaik dalam membantu Baitulmal menambahkan dana.

Antara keputusan yang disepakati adalah kerjasama antara JAWHAR dan IBFIM dalam penyaluran wang tidak patuh syariah ke Baitulmal, sumbangan artikel, pembentangan kertas kerja, penganjuran kursus, dan kedua-dua belah pihak juga bersetuju untuk mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan lagi kerjasama pintar di antara JAWHAR dan IBFIM. Diharapkan pertemuan kali pertama ini akan mewujudkan kerjasama yang lebih bermakna di antara JAWHAR dan IBFIM dalam merealisasikan hasrat murni bagi menyalurkan wang ke Baitulmal, sekali gus memantapkan sosio-ekonomi dan kesejahteraan umat Islam keseluruhannya.

**11 September 2008**
Pengauditan amalan 5S oleh MPC

**15 September 2008**
Majlis Jamuan Berbuka Puasa Bersama YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di Dewan Jamuan Aras 4, D7

**19 September 2008**
JID Bil. 4/2008 dengan Tema: Wakaf : Peranan dan Potensi di Era Kontemporari

JAWHAR sekali lagi telah mengadakan program JAWHAR Intellectual Discourse bertempat di Dewan Auditorium EA, Kompleks E, Putrajaya. Dua orang penceramah telah diundang khas bagi membentangkan kertas kerja masing-masing iaitu Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki b. Abdul Latif yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Pengurusan Wakaf dan Potensi dalam Pembangunan Pendidikan Umat Islam di Malaysia" manakala seorang lagi penceramah ialah Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh bt. Mahamood. Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Wakaf Tunai, Perspektif Syariah dan Pelaksanaan di Era Kontemporari".





## Oktober

**10 - 15 Oktober 2008**
Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan dan Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (SOM-MABIMS).

Malaysia diwakili sendiri oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Pegawai dari Bahagian Zakat dan Penasihat Undang-Undang JAWHAR telah ditugaskan bagi mengikuti mesyuarat tersebut.

**14 - 16 Oktober 2008**
Bengkel Pemurnian Akta Zakat 2008, bertempat di Hotel Putra, Kuala Lumpur.

Antara agensi yang terlibat termasuklah JAKIM, MAIWP, Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Zakat Negeri Sembilan. Bengkel ini bertujuan untuk memurnikan akta zakat yang sebelum ini telah disediakan drafnya oleh JAKIM. Akta tersebut akan digunapakai oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan akan menjadi model kepada perundangan zakat di negeri-negeri lain.

**16 Oktober 2008**
Lawatan Perkongsian Maklumat Amalan 5S

**19 Oktober 2008**
Pemantauan Kursus Haji Perdana oleh JAWHAR

Pemantauan Kursus Haji Perdana telah dijalankan di Masjid Putra, Putrajaya dan Masjid Universiti Tenaga Nasional, Bangi selama 2 hari 1 malam. Kursus tersebut telah dihadiri oleh bakal jemaah haji seramai 2,200 orang dari seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan kawasan-kawasan yang berhampiran.

**20 Oktober 2008**
Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan Bil. 2/2008 di Dewan Aras 4, JAKIM

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh 14 MAIN. JPBK ini merupakan satu wadah untuk MAIN bertemu dan berbincang berhubung urusan dan hal ehwal Baitulmal. Sebanyak lima kertas makluman dan cadangan telah dibincangkan.





Pelancaran Sistem e-Bayanat dan e-Wakaf

YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah melancarkan sistem e-Bayanat dan e-Wakaf, iaitu pangkalan data dan maklumat bersepadu berkaitan institusi wakaf di seluruh negara.



Sistem ini membolehkan orang ramai mendapat maklumat terperinci dan terkini pembangunan institusi wakaf setiap negeri.

Majlis Menandatangani MoU di antara JAWHAR & JAKIM





**29 Oktober 2008**
JID Bil. 5/2008 dengan tema Ibadah Haji: Perjalanan Menuju Kesempurnaan Hidup



JAWHAR Intellectual Discourse diadakan sekali lagi bertempat di Dewan Auditorium EA, Parcel E, Putrajaya pada 30 Oktober 2008 bersempena dengan bulan haji yang bakal tiba. Dua orang penceramah telah diundang khas bagi membentangkan kertas kerja masing-masing iaitu Y.Bhg. Dato' Hj. Md. Daud B. Che Ngah, Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. yang telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Ibadah Haji : Antara Sunah, Kongkongan Tradisi dan Khurafat" manakala seorang lagi penceramah ialah Y.Bhg. Datuk Hj. Kamal B. Hj. Muhamad, Pengarah Urusan Pena Gemilang Sdn. Bhd. Beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Haji Mabrur: Antara Harapan dan Cabaran".





## November

**06 November 2008**
Mesyuarat Pembinaan Hotel Jemaah Haji di Mekah bersama Kementerian Kerja Raya

Satu mesyuarat berkenaan dengan Pembinaan Hotel Jemaah Haji di Mekah telah diadakan di Bilik Gerakan JAWHAR bersama Kementerian Kerja Raya, Lembaga Tabung Haji dan CIDB untuk mendapatkan status projek tersebut di samping menyelaraskan kerjasama di antara LTH dan CIDB.

**08 November 2008**
Pertandingan Bowling Tertutup Warga JAWHAR



Pertandingan Bowling anjuaran bersama Biro Sukan Kelab Kebajikan dan Sukan JAWHAR (KKSJ) dan Puspanita JAWHAR telah diadakan di ARL PowerBowl, Alamanda. Pertandingan ini bertujuan untuk merapatkan silaturrahim antara warga JAWHAR dan telah mendapat sambutan menggalakkan daripada warga JAWHAR.

**12 November 2008**
Lawatan Kerja ke IBFIM

Lawatan kerja ke Islamic Banking and Finance Malaysia Sdn. Bhd. (IBFIM) yang diketuai oleh Y.Bhg Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR telah membincangkan beberapa aspek yang melibatkan sistem kewangan Islam serta mengeratkan hubungan yang sedia terjalin antara kedua-dua agensi. JAWHAR turut dibawa melawat Knowledge Management Centre atau Pusat Sumber IBFIM yang lengkap dengan prasarana yang diperlukan. JAWHAR dan IBFIM telah bersetuju untuk mengadakan MoU pada masa akan datang.

**12 – 13 November 2008**
Pemantauan Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji di Malaysia (Pusat Pelepasan Jemaah Haji, Johor Bahru, Johor)

Pusat Pelepasan Jemaah Haji, Johor Baru telah dipilih sebagai lokasi bagi Pemantauan Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji (di Malaysia). Seramai 4 orang pegawai JAWHAR terlibat dalam program ini.

**14 November 2008**
Lawatan Panel Penilai Keceriaan Pejabat

**26 November 2008**
Mesyuarat Mengenai Penubuhan dan Pelancaran Yayasan Manasik Malaysia

Mesyuarat Mengenai Penubuhan dan Pelancaran Yayasan Manasik Malaysia kali pertama telah diadakan di Bilik Gerakan JAWHAR. Mesyuarat tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan makluman awal mengenai perancangan penubuhan Yayasan Manasik Malaysia.

**26 – 27 November 2008**
Pemantauan Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji di Malaysia (Pusat Pelepasan Jemaah Haji, Kelana Jaya, Selangor)

Pemantauan Pengurusan dan Pengendalian Operasi Haji di Malaysia (Pusat Pelepasan Jemaah Haji, Kelana Jaya, Selangor) telah diadakan selama dua hari. Seramai 6 orang pegawai JAWHAR telah turut serta dalam program pemantauan tersebut.

**26 November – 24 Disember 2008**
Pemantauan Pengendalian Urusan Haji di Tanah Suci 1429H/ 2008M

Kajian Pemantauan Pengendalian Urusan Haji di Tanah Suci bagi musim 1429H/ 2008M telah dilaksanakan bermula 26 November dan berakhir pada 24 Disember 2008. Kajian ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah (Haji) dan melibatkan 3 orang Penolong Pengarah.

**27 November 2008**
Lawatan Panel Penilai Pejabat Terbaik

Seramai empat (4) orang Penilai Pejabat Terbaik telah mengadakan lawatan ke JAWHAR. Sesi taklimat telah dipengerusikan oleh Y.Bhg Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR dan turut dihadiri oleh Pengarah-pengarah Bahagian bertempat di Bilik Gerakan. Di akhir sesi taklimat tersebut, Panel Penilai Pejabat Terbaik telah dibawa melihat sekitar kawasan pejabat JAWHAR.

# Disember

**11 Disember 2008**
Hari Kualiti JPM 2008






Sambutan Hari Kualiti JPM 2008 telah diadakan di Dewan De'Seri Endon, Puspanitapuri, Presint 10, Putrajaya. Sebanyak lima segmen aktiviti telah disediakan untuk hari tersebut termasuklah Ceramah Kualiti bertajuk "Integriti Teras Perkhidmatan Berkualiti" selaras dengan tema Hari Q JPM. Pada majlis tersebut, JAWHAR telah memperoleh 2 anugerah iaitu Johan Pejabat Terbaik (Kategori B) untuk dua tahun berturut-turut dan Naib Johan Keceriaan Pejabat (Kategori B) bagi peringkat JPM 2008.

**15 Disember 2008**
International Zakat Executive Development Programme: Inaugural Programme 2008 (IZEDP)



IZEDP adalah satu program yang dianjurkan di bawah Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) yang pertama seumpamanya di Malaysia. IZEDP juga merupakan satu inisiatif JAWHAR dan dianjurkan bersama Unit Perancangan Ekonomi (EPU, JPM) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) dengan kerjasama Institut Kajian Zakat (IkaZ) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) seta Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Objektif program ini adalah untuk:
1. Menjelaskan konsep, teori dan falsafah zakat;
2. Meningkatkan daya kemahiran peserta;
3. Meningkatkan pendedahan potensi zakat;
4. Memajukan peranan institusi zakat; dan
5. Memberi ruang kepada peserta antarabangsa untuk berkongsi idea, pengalaman dan pengetahuan.

Seramai 11 peserta dari luar negara dan 17 peserta dalam negara telah menyertai program ini.

Majlis Perasmian Pembukaan yang berlangsung pada 15 Disember 2008 telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan telah dihadiri oleh lebih 200 orang jemputan yang terdiri daripada duta-duta dan pesuruhjaya tinggi negara peserta dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan.





# Penerbitan

## JURNAL PENGURUSAN




## PELAN STRATEGIK JAWHAR







## MANUAL PENGURUSAN












## BULETIN




Buletin Bil. 1/2008




Buletin Bil. 2/2008




Buletin Bil. 3/2008




Buletin Bil. 4/2008

# Pembangunan Modal Insan

**Pembangunan Modal Insan – Kursus Anjuran JAWHAR Dan Kursus Yang Dihadiri Oleh Warga JAWHAR**

Sepanjang tahun 2008, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia telah merekodkan aktiviti kursus yang dianjurkan oleh JAWHAR meliputi dalaman dan luaran. Malahan terdapat juga latihan yang dianjurkan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

Sebanyak 16 kursus telah dianjurkan oleh JAWHAR yang dikendalikan oleh Bahagian-bahagian yang menjalankan aktiviti-aktiviti teras seperti Bahagian Wakaf, Bahagian Zakat, Bahagian Mal dan Bahagian Haji. Kursus-kursus ini telah dilaksanakan dengan jayanya di mana ia telah menarik penyertaan daripada warga JAWHAR sendiri dan orang ramai. Manakala jumlah kursus yang dihadiri oleh warga JAWHAR adalah sebanyak 80 kursus yang dianjurkan oleh JAWHAR dan agensi Kerajaan mahupun swasta.

Seramai 78 orang daripada 82 warga JAWHAR telah mencapai matlamat tujuh hari berkursus. Manakala bakinya seramai empat orang tidak dapat mencapai matlamat tersebut kerana mereka merupakan warga baru. Objektif untuk memenuhi matlamat tersebut adalah penting dalam usaha memenuhi kehendak Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (Pekeliling Perkhidmatan Bil.6/2005) yang menetapkan bahawa setiap anggota sektor awam perlu menghadiri kursus dengan tempoh minimum selama tujuh hari setahun. Kakitangan JAWHAR yang telah mencapai matlamat tujuh hari berkursus juga telah diberikan Sijil Penghargaan di atas kejayaan mencapai sasaran tersebut dalam tahun 2008 selaras dengan Teras Strategik Kedua Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) iaitu "Pembangunan berterusan warga kerja yang kompeten, berprestasi tinggi dan tauhidik".







**KURSUS ANJURAN JAWHAR**

| BIL. | NAMA KURSUS |
|---|---|
| 1 | Bengkel Retreat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2008 |
| 2 | Bengkel Pemantapan Sumber Am: Wasiat |
| 3 | Bengkel Manual Tebus Pusaka Milik Baitulmal Siri 1 |
| 4 | Bengkel Manual Pengurusan Tebus Pusaka Milik Baitulmal Siri 2 |
| 5 | *Unmasking The Unconscious Mind* |
| 6 | Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2000 JAWHAR |
| 7 | Bengkel Audit Dalam MS ISO 9001:2000 JAWHAR |
| 8 | Bengkel Audit Dalaman Persekitaran Berkualiti (QE) |
| 9 | Kursus Intensif Bimbingan Haji 1429H/2008M Siri 1 JAWHAR |
| 10 | Kursus Intensif Bimbingan Haji 1429H/2008M Siri 2 JAWHAR |
| 11 | Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti 5S |
| 12 | Seminar Wakaf Antarabangsa 2008 |
| 13 | Kursus Penggunaan Sistem Pengurusan Aset dan Stor (*MyAsset*) |
| 14 | Kursus MS Office 2007 |
| 15 | Kursus Asas MS Office 2007 & Penyelenggaraan Komputer |
| 16 | Kursus Pengurusan Rekod Kerajaan |

**KURSUS YANG DIHADIRI OLEH WARGA JAWHAR**

| BIL. | NAMA KURSUS |
|---|---|
| 1 | Program Kepimpinan dan Pengurusan Lanjutan (JUSA) Siri 21, Bil. 3/2008 |
| 2 | Bengkel Tatacara & Etika Wawancara di Hadapan Kamera |
| 3 | Bengkel Retreat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2008 |
| 4 | Bengkel Pemantapan Sumber Am: Wasiat |
| 5 | Bengkel Manual Tebus Pusaka Milik Baitulmal Siri 1 |
| 6 | Bengkel Manual Pengurusan Tebus Pusaka Milik Baitulmal Siri 2 |
| 7 | Bengkel Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti Sektor Awam (SPAI) |
| 8 | *Unmasking The Unconscious Mind* |
| 9 | Bengkel Dokumentasi MS ISO 9001:2000 JAWHAR |
| 10 | Bengkel Audit Dalam MS ISO 9001:2000 JAWHAR |
| 11 | Bengkel Audit Dalaman Persekitaran Berkualiti (QE) |
| 12 | Kursus Intensif Bimbingan Haji 1429H/2008M Siri 1 JAWHAR |
| 13 | Kursus Intensif Bimbingan Haji 1429H/2008M Siri 2 JAWHAR |
| 14 | Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi dan Keluarga Berlandaskan Syariah |
| 15 | Bengkel Hibah |
| 16 | Bengkel Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja |
| 17 | Bengkel Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) Siri 2 |
| 18 | Seminar Perancangan Strategik 5 Tahun MAIWP 2009-2013 |
| 19 | Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (Tahap Kecekapan 3) |
| 20 | Kursus Metodologi *Instintbat* Hukum Syarak |
| 21 | Kursus Penghakiman Terus |
| 22 | Kursus *Leadership & Organizational Management* |
| 23 | Kursus Pengurusan dan Pembangunan Hartanah |
| 24 | Kursus Pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan |
| 25 | *2nd National Seminar on Hajj Best Practices through Advances in Science & Technology* |
| 26 | Kursus *Strategic Human Capital For High Performance Management* |
| 27 | Kursus Pelupusan dan Hapus Kira & Kursus Tatacara Perolehan |
| 28 | Kursus Penilaian Tahap Kecekapan 3 Pegawai Teknologi Maklumat Siri 11 Bil. 3/2008 |
| 29 | Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Tinggi (PTK 4) Siri 64 – 67 Bil. 9 – 12/2008 |
| 30 | Kursus *Professional Image* |
| 31 | Bengkel Motivasi Kerja |
| 32 | Kursus Kenegaraan Sistem Saraan Malaysia PTK1 |
| 33 | Kursus Induksi Khusus dan Modul Pengurusan Integriti Kumpulan P&P dan Sokongan 1 Bil. 4/2008 |
| 34 | Kursus Pengurusan Prestasi |
| 35 | Kursus Pentadbiran dan Perundangan Tanah (Perolehan Tanah) |
| 36 | Kursus Asas Rakan Pembimbing |
| 37 | Kursus Kepimpinan dan Penyeliaan |
| 38 | Kursus Pengurusan Sumber Manusia |
| 39 | Kursus Persediaan Peperiksaan PTK untuk Pembantu Tadbir Perkeranian/Kesetiausahaan Gred N17 dan N22 |
| 40 | Kursus Induksi Khusus Kumpulan Sokongan Gred 17 Bil. 5/2008 |

| BIL. | NAMA KURSUS |
|---|---|
| 41 | Kursus Intensif Petugas Barisan Hadapan Siri 2 Bil. 03/2008 |
| 42 | Bengkel Kenaikan Pangkat |
| 43 | Kursus Peningkatan Imej dan Personaliti |
| 44 | Kursus Falak Modul *Rubu'Mujayyab* |
| 45 | Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti 5S |
| 46 | Seminar Wakaf Antarabangsa 2008 |
| 47 | Bengkel Takaful dan Pelaburan Islam |
| 48 | Bengkel Penceramah Profesional JAKIM 2008 |
| 49 | Kursus Khemah Ibadat Saudara Baru |
| 50 | Kursus Pemantapan Aqidah Saudara Baru |
| 51 | Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan Siri 4/2008 |
| 52 | Kursus Penyelesaian Masalah dan Membuat Keputusan |
| 53 | Kursus Pembangunan Pengurusan dan Pemantapan Hadhari Pegawai JAKIM |
| 54 | Bengkel Penyelarasan Aktiviti Dakwah di Perkampungan Orang Asli |
| 55 | Kursus Pengurusan Sumber Manusia di Sektor Awam PTD *Training Roadmap* 2008 |
| 56 | Kursus Asas Pembangunan Kepimpinan Bagi Pegawai P.T.D M41 |
| 57 | Kursus Pengurusan Kewangan |
| 58 | Modul Displin & Ketahanan Diri: Polis Sesi 1/2008 |
| 59 | Modul Displin & Ketahanan Diri (Tentera) Kursus DPA INTAN |
| 60 | Kursus INTAN 4/2008 (DPA) |
| 61 | Diploma Pengurusan Awam – INTAN (Modul Bomba) |
| 62 | Kursus Asas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam |
| 63 | Kursus MS Office 2007 |
| 64 | Kursus Asas MS Office 2007 & Penyelenggaraan Komputer |
| 65 | Kursus Asas Pengurusan Kewangan Siri 2/2008 |
| 66 | Kursus Pemikiran Kreatif |
| 67 | Kursus *Better Spoken English* |
| 68 | Latihan Pengurusan Kewangan (Perbelanjaan dan Pembayaran) |
| 69 | Kursus Kesedaran Keselamatan |
| 70 | Kursus Pengurusan Rekod Kerajaan |
| 71 | Bengkel Penyelenggaraan Buku Vot |
| 72 | Kursus Pembangunan Kompetensi Pembantu Tadbir (Kewangan) |
| 73 | Kursus Modul Induksi Umum INTAN |
| 74 | Kursus Standard Perkhidmatan Pelanggan (SPP) |
| 75 | Kursus Dakwah Melalui Multimedia |
| 76 | Kursus Pasaran Modal Islam |
| 77 | Kursus Orientasi Pengawal Keselamatan KP11 |
| 78 | Kursus Pemahaman Perbankan dan Kewangan Islam |
| 79 | Kursus Pengurusan Keluarga |
| 80 | Kursus Pengurusan Jenazah Siri 1/2008 |

# Memorandum Persefahaman

## MoU JAWHAR bersama Universiti Sains Malaysia (USM)



Satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAWHAR dengan Universiti Sains Malaysia (USM) telah diadakan pada 04 Januari 2008M bersamaan 25 Zulhijjah 1428H di Bilik Persidangan Canselori, USM dalam Program Memartabatkan Ummah Melalui Kecemerlangan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji. Majlis ini bermula jam 11.30 pagi dengan ucapan aluan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dzulkifli b. Abdul Razak, Naib Canselor USM dan ucapan balas oleh Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh, Ketua Pengarah JAWHAR. Seterusnya, majlis diteruskan dengan upacara menandatangani dokumen MoU oleh Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh dan Y.Bhg. Prof. Dato' Dzulkifli b. Abdul Razak. MoU ini amatlah bermakna bagi JAWHAR kerana ini merupakan hubungan kerjasama yang akan menghasilkan banyak kajian dan latihan dalam usaha memartabatkan ummah melalui kecemerlangan dalam bidang zakat, wakaf, mal dan haji yang selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mampu memacu kecemerlangan dan keterbilangan Ummah dengan pelbagai produk yang berteraskan syariat Islam.



## Mou JAWHAR bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara JAWHAR dan JAKIM pada 20 Oktober 2008 dalam Program Memartabatkan Ummah Melalui Kecemerlangan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji, bertempat di Dewan Aras 4, JAKIM. Antara perkara yang terkandung di dalam MoU tersebut adalah berkaitan latihan dan penyelidikan dalam usaha memartabatkan ummah melalui bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

# Anugerah Dan Pencapaian JAWHAR

Bagi tahun 2008, JAWHAR telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan.  Antaranya:


MPC
Certificate
of Achievement
This is to certify that

Dianugerahkan Pensijilan Persekitaran Berkualiti (5'S) pada 25 Jun 2008 oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).


sirim
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

Dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2000 pada 04 Julai 2008. SIRIM QAS telah mengiktiraf Sistem Kualiti JAWHAR dengan memberikan pensijilan tanpa syarat.


SIJIL PENGHARGAAN
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

Menerima penghargaan dari Y. Bhg. Dato' Zainol b. Othman, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM kerana telah menyertai Pertandingan Gerai Terbaik sempena Majlis Jamuan Hari Raya pada 08 Oktober 2008.




Johan dalam Pertandingan Pejabat Terbaik bagi Kategori B untuk tahun kedua berturut-turut sempena Majlis Sambutan Hari Kualiti 2008 Jabatan Perdana Menteri yang telah diadakan pada 11 Disember 2008.




Naib Johan dalam Pertandingan Keceriaan Pejabat bagi Kategori B sempena Majlis Sambutan Hari Kualiti 2008 Jabatan Perdana Menteri yang telah diadakan pada 11 Disember 2008.

# Khidmat Nasihat

Pada tahun 2008, pegawai-pegawai JAWHAR telah dijemput membentangkan kertas kerja, memberikan ceramah dan latihan dalam persidangan-persidangan serta program-program latihan sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa seperti berikut :

| Bil. | PEMBENTANG | SEMINAR/ PERSIDANGAN/ PROGRAM LATIHAN | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 1. | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | *Dubai International Conference For Endowments Investments* (05 Febuari 2008) | *Waqaf Development In Malaysia* |
| 2. | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | Mesyuarat JPBK Bil. 2/2008 | Pembangunan e-Bayanat dan e-Wakaf |
| 3. | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | Mesyuarat JPBK Bil. 1/2008 | Cadangan Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) |
| 4. | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | Mesyuarat JPBK Bil. 1/2008 | Cadangan Wakaf Irsod dalam kawasan Koridor Pembangunan Ekonomi Negara |
| 5. | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.2, No.1, 2008 | *Waqaf Development In Malaysia : Issues And Challenges* |
| 6. | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | Jurnal Pentadbir – Persatuan Perkhidmatan Pentadbir dan Diplomatik Malaysia | *Governance Infrastructure in Malaysia: Accountability dan Integrity* |
| 7. | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.2, No.1, 2008 | Prestasi Pengurusan Dan Pengendalian Operasi Haji Musim 1428H |
| 8. | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | Seminar Wakaf Antarabangsa di Johor Bahru | *Institutionalisation of Awqaf: The Malaysian Experience* |
| 9. | En. Mohd. Bakri b. Ibrahim | Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kuala Terengganu | Peranan dan Cabaran JAWHAR Dalam Pembangunan dan Pengurusan Wakaf dan Mal |
| 10. | En. Abu Bakar b. Manat | *International Conference on Muslim Tourism, Hajj & Umrah Packages 2008* (InCoMTHU 08) – 22 Mei 2008 | *Malaysia: Policy, Procedures and Guidelines on Haj and Umrah* |
| 11. | En. Abu Bakar b. Manat | Seminar Pengurusan Wakaf Majlis Agama Islam Selangor- 18 September 2008 | Isu Undang-Undang berkaitan Projek Pembangunan Tanah RMK-9 |
| 12. | En. Abu Bakar b. Manat | Persidangan SOM MABIMS ke-13 di YogJakarta, Indonesia- 10-14 November 2008 | Program Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia |
| 13. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Program Pengurusan Stres Siri 1 Bagi Pegawai JPA Tahun 2008 | SQ Terbilang: Tafakkur Zihni |
| 14. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Murni, Kementerian Kemajuan Luar Bandar | Kecerdasan Spiritual (*Spiritual Quotient*): Peranannya Dalam Menjamin Kecemerlangan Diri |

| BIL. | PEMBENTANG | SEMINAR/PERSIDANGAN/ PROGRAM LATIHAN | TAJUK |
|---|---|---|---|
| 15. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Ijtima' Tahunan Penolong Pegawai Dan Pembantu Hal Ehwal Islam Agensi Antidadah Kebangsaan Tahun 2008 | Pembentukan Peribadi Muslim Kakitangan Awam |
| 16. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Kursus Pengurusan Emosi, Kementerian Belia dan Sukan | Tafakkur Zihni |
| 17. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Kursus Pemantapan Daya Saing Bagi Kumpulan Sokongan, Kementerian Belia dan Sukan | SQ Terbilang |
| 18. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Program Penyegaran Emosi Rakan Pembimbing Penjawat Awam (Akram) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar | Tafakkur Zihni |
| 19 | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Bengkel Dakwah dan Kepimpinan, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) | Kecemerlangan Kerjaya dan Motivasi Pelajar |
| 20. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Majlis Kerohanian Paralimpik Beijing 2008, Majlis Sukan Negara | Bagaimana Zikir Membantu Dalam Kekuatan Kerohanian Sukan? |
| 21. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Ceramah Khas Atlet Sepaktakraw Piala Raja Thai, Majlis Sukan Negara | Kerohanian Digilap, Kejayaan Digapai |
| 22. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Kursus Induksi Umum Kumpulan 1 Bil. 3/2008, Pusat Perubatan Universiti Malaya | Sistem Pentadbiran Negara |
| 23. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Kursus Induksi Umum Kumpulan 1 Bil. 3/2008, Pusat Perubatan Universiti Malaya | Wawasan 2020 |
| 24. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Mimbar Permuafakatan Ibubapa Nasional (MAPIN) | Taklimat: Peranan dan Pendekatan Terbaharu JAWHAR Dalam Pembangunan Rakyat dan Negara Malaysia |
| 25. | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | Mesyuarat JPBK Bil.2/2008 | Program Pembangunan Modal Insan Majlis Agama Islam Negeri Anjuran JAWHAR Dengan Kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) |
| 26. | Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad | Ceramah Kursus Induksi JPM | Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal & Haji |
| 27. | En. Abdul Halim b. Sunny | Ceramah Kursus Induksi JPM | Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal & Haji |
| 28. | En. Shariffull Hakim b. Suman | Ceramah Kursus Induksi JPM | Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal & Haji |
| 29. | En. Iqbal Imaduddin b. Zulkipli | Ceramah Kursus Induksi JPM | Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal & Haji |

# Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK)

**Latar Belakang**

Selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 7 Tahun 1991 dan hasrat Y.Bhg. KP JAWHAR untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan yang bertaraf dunia, maka pada tanggal 03 Oktober 2007 tertubuhlah Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) jabatan yang diberi nama KMK JAWHARI AN NAJWA.

**Pelaksanaan KMK**

Kumpulan ini terdiri daripada 11 orang anggota dari Bahagian - bahagian di JAWHAR. Diketuai oleh En. Zainal b. Hj Mohd Yusoh sebagai Ketua KMK dan dibimbing oleh En. Mohd. Gunawan b. Che Ab Aziz, KPP Bahagian Penyelarasan dan Penyelidikan yang bertindak sebagai Fasilitator dan Pengurus KMK. Moto KMK JAWHARI AN NAJWA adalah Kreativiti Memacu Kualiti JAWHAR yang digambarkan melalui logo KMK yang mengandungi mutiara, dunia dan lingkaran bulatan merah yang mengelilingi mutiara. Pendekatan yang digunakan oleh ahli KMK dalam pengukuran produktiviti kualiti kerja ialah melalui kaedah *Plan, Do, Check, Action* (PDCA). Manakala teknik-teknik yang telah digunakan untuk penyelesaian masalah seperti matrix, 5W + 1H, carta radar, SMART analisis, rajah Ishikawa, SWOT analisis, graf, bar, pie dan akhir sekali tree diagram. Teknik-teknik ini disokong oleh data-data dan maklumat yang tepat dan dikumpul melalui kajiselidik yang telah dijalankan. Carta Organisasi, Pengenalan dan Teknik KMK seperti di berikut:












*Carta Organisasi, Pengenalan dan Teknik KMK*

### Tajuk Projek KMK

KMK JAWHARI AN NAJWA telah mendapat sokongan yang padu dari pengurusan JAWHAR dan seluruh warga kerjanya untuk menjalankan projek sulungnya. Dari 7 tajuk masalah yang telah dikenalpasti, tajuk Projek KESUKARAN UNTUK MENDAPAT PROFIL PERSONEL JAWHAR YANG LENGKAP telah menjadi keutamaan dan terpilih sebagai projek KMK yang pertama untuk dilaksanakan.

### Ringkasan Projek

Masalah Projek adalah kesukaran Jabatan mendapatkan profil Personel yang lengkap. Profil Personel diisi secara manual oleh kakitangan JAWHAR dengan menggunakan Borang Biodata yang disediakan oleh Bahagian Pentadbiran. Tujuan Profil Personel JAWHAR adalah untuk memudahkan pelanggan luar JAWHAR mendapatkan maklumat resume warga JAWHAR bagi pelbagai tujuan seperti mendapatkan penceramah, penganugerahan pingat, urusan kenaikan pangkat, urusan pelantikan pakar rujuk atau pelantikan jawatan kuasa mana-mana pertubuhan/NGO. Borang ini mengandungi maklumat kepakaran, pengkhususan, latihan, kemahiran, penghargaan dan lain-lain lagi. Masalah yang timbul adalah borang ini lambat dikembalikan, tidak lengkap dan mengambil masa untuk dikemaskinikan. Sebagai jalan penyelesaian kepada masalah ini satu sistem telah diperkenalkan yang dikenali sebagai SISRES.

### Latihan dan Kemahiran

Bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran ahli KMK JAWHARI AN NAJWA dengan lebih mendalam berkaitan dengan pendekatan penyelesaian masalah menggunakan kaedah KMK, beberapa siri kursus dan lawatan telah diadakan seperti berikut:

- Kursus Pengenalan KMK pada 21 dan 23 Februari 2008 di Dynasty Hotel, Kuala Lumpur.
- Bengkel KMK pada 12-15 Mei 2008 di Hillcity, Ipoh, Perak.
- Lawatan kerja dengan KMK MASSA (Johan KMK peringkat Kebangsaan) pada 13 Mei 2008 di Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Perak.
- Perbincangan dengan Fasilitator dan pengurusan JAWHAR dari semasa ke semasa.









*Slide objektif KMK dan Rajah Tulang Ikan Projek*





*Gambar aktiviti brainstorming ahli KMK JAWHARI AN NAJWA*

## Pertandingan KMK

KMK JAWHARI AN NAJWA telah berjaya terpilih menyertai Konvensyen KMK Peringkat Wilayah Persekutuan Bagi Sektor Awam Tahun 2008. Daripada 113 jemputan yang dihantar oleh penganjur ke semua jabatan/agensi Kerajaan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, hanya 23 kumpulan KMK telah berjaya disenaraipendek dan layak memasuki Konvensyen KMK tahun 2008 pada 23-25 Julai 2008 di Dewan Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.

KMK JAWHARI AN NAJWA telah berjaya menduduki tempat ke-7 dalam kategori pengurusan. Pujian telah diberikan oleh Ketua Hakim Konvensyen KMK kepada KMK JAWHARI An Najwa, biar pun baru setahun jagung ditubuhkan dan mewakili sebuah jabatan yang berusia 4 tahun tetapi telah berjaya mara ke akhir dan telah mengalahkan beberapa KMK yang lebih berpengalaman.

## Penutup

Di bawah kepimpinan Y.Bhg KP JAWHAR yang dinamik dan komited untuk mempertingkatkan sistem penyampaian Kerajaan yang bertaraf dunia, KMK JAWHARI AN NAJWA akan terus mendokong aspirasi keterbilangan JAWHAR seperti yang termetri dalam Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011). Insya Allah.



**KAMI DARI KUMPULAN JAWHARI AN-NAJWA MERASA AMAT BERBANGGA KERANA DAPAT MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG AMAT BERGUNA KEPADA JABATAN KAMI DAN SEMOGA SEGALA USAHA YANG DILAKUKAN MEMBERI MANFAAT BERGUNA KEPADA SEMUA WARGA JAWHAR DAN PENGGUNA LUAR.**



*Slide KMK yang dipersembahkan semasa Pertandingan KMK*





# Laporan Prestasi Kewangan

# Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan JAWHAR 2005 – 2008

Prestasi perbelanjaan JAWHAR adalah di bawah tanggungjwab Unit Kewangan, BKPSM. Pada awal penubuhan JAWHAR, segala perbelanjaannya adalah menggunakan peruntukan JPM. Mulai tahun 2005, JAWHAR diberi tanggungjawab untuk menguruskan sendiri perbelanjaan mengurusnya. Bagi projek Pembangunan RMKe-9 pula, peruntukan hanya disalurkan mulai tahun 2007.

Prestasi perbelanjaan dikira berdasarkan peruntukan kemaskini.Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan JAWHAR menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun seperti yang tercatat dalam jadual.

Prestasi perbelanjaan mengurus pada tahun 2005 adalah 52.29%, meningkat kepada 86.80% pada tahun 2006 dan terus menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan pencapaian 97.95% pada tahun 2007 dan 99.51% pada tahun 2008. Begitu juga dengan prestasi perbelanjaan pembangunan yang mencapai 99.72% pada tahun 2007 dan 100% pada tahun 2008.

Semoga JAWHAR akan terus mengekalkan kecemerlangan dalam pengurusan prestasi perbelanjaannya pada masa akan datang. Kecemerlangan ini dapat direalisasikan kerana adanya komitmen yang tinggi daripada setiap individu warga JAWHAR. Syabas diucapkan.

**Jadual Prestasi Perbelanjaan 2005-2008**

| Tahun | Perkara | Peruntukan | Perbelanjaan | % |
|---|---|---|---|---|
| 2005 | Mengurus<br>Pembangunan | 4,596,088.00<br>- | 2,403,175.26<br>- | 52.29<br>- |
| 2006 | Mengurus<br>Pembangunan | 6,440,883.75<br>- | 5,590,933.28<br>- | 86.80<br>- |
| 2007 | Mengurus<br>Pembangunan | 5,693995.78<br>417,972.06 | 5,577,256.84<br>416,800.00 | 97.95<br>99.72 |
| 2008 | Mengurus<br>Pembangunan | 9,266,100.00<br>5,098,018.26 | 9,220,352.01<br>5,098,015.00 | 99.51<br>100.00 |

# Laporan Pengurusan Kewangan oleh Unit Audit Dalam (UAD) JAWHAR

## 1. PENDAHULUAN

Unit Audit Dalam (UAD) JAWHAR ditubuhkan serentak dengan penubuhan JAWHAR berkuatkuasa pada 27 Mac 2004 melalui waran perjawatan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. A66 Tahun 2004 bertarikh 30 Jun 2004. Penubuhan UAD JAWHAR adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004. UAD JAWHAR merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi.

## 2. PERJAWATAN UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) diketuai oleh seorang Juruaudit, Puan Noor Rita bt. Kassim (Gred W48) dengan dibantu oleh seorang Penolong Juruaudit Kanan, Puan Faizah bt. Ghazali (Gred W32) dan seorang Pembantu Tadbir, Puan Siti Khadijah bt. Roduan (Gred N17).




*Pegawai Unit Audit Dalam*



## 3. LAPORAN PENGURUSAN KEWANGAN JAWHAR

a. Pendahuluan

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan elemen penting bagi pihak pengurusan untuk memantau tahap pematuhan pegawai dan kakitangan terhadap peraturan kewangan jabatan.

b. Objektif Pengauditan

Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan sama ada pengurusan kewangan JAWHAR telah dirancang dan dilaksana dengan cekap, teratur dan berhemat selaras dengan keperluan serta peraturan yang ditetapkan.

c. Peraturan / Pekeliling Yang Terlibat

Semakan telah dibuat berdasarkan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa seperti Arahan Perbendaharaan (AP), Perintah-Perintah Am (PPA), Pekeliling Perbendaharaan (PP), Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP), Panduan Pelupusan Aset Alih Kerajaan, Akta Perwakilan Kuasa 1956, Arahan Perkhidmatan (A.Pkd) dan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA).

d. Penemuan Audit

Berikut adalah tahap pematuhan kawalan pengurusan; kawalan bajet; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan kumpulan wang amanah; akaun amanah dan deposit serta kawalan aset dan inventori di JAWHAR.

**I. Kawalan Pengurusan**

Kawalan Pengurusan bertujuan untuk menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek utama Kawalan Pengurusan iaitu:

i. Struktur Organisasi;
ii. Sistem dan Prosedur;
iii. Jawatankuasa-jawatankuasa dan Unit Audit Dalam; dan
iv. Pengurusan Sumber Manusia.

Tahap pematuhan Kawalan Pengurusan adalah seperti di **Jadual 1.**

**Jadual 1: Kawalan Pengurusan**

| Bil. | Perkara | Pematuhan |
|---|---|---|
| 1 | **Struktur Organisasi** | |
| 1.1 | Carta Organisasi | √ |
| 1.2 | Penurunan Kuasa | √ |
| 1.3 | Pembahagian Tugas | √ |
| 2 | **Sistem Dan Prosedur** | |
| 2.1 | Manual Prosedur Kerja | √ |
| 2.2 | Fail Meja | √ |
| 2.3 | Pemeriksaan Mengejut | √ |
| 3 | **Jawatankuasa-Jawatankuasa Dan Unit Audit Dalam** | |
| 3.1 | Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) | √ |
| 3.2 | Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan | √ |
| 3.3 | Jawatankuasa Tadbir Urus | TB |
| 3.4 | JawatankuasaTindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) | √ |
| 3.5 | Keberkesanan Unit Audit Dalam/ Naziran/ Sistem Pengesanan | √ |
| 4 | **Pengurusan Sumber Manusia** | |
| 4.1 | Perjawatan | √ |
| 4.2 | Panel Pembangunan Sumber Manusia | √ |
| 4.3 | Latihan | √ |

Nota :

| | |
|---|---|
| √ | Mematuhi |
| TB | Tidak Berkaitan |

**Rumusan Kawalan Pengurusan**

Kawalan pengurusan adalah memuaskan kecuali pihak pengurusan perlu mengambil tindakan memastikan minit mesyuarat disimpan dalam fail dengan teratur, lengkap dan kemas kini supaya segala keputusan mesyuarat dapat disusul dengan sewajarnya.

## II. Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada bajet telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap enam aspek utama kawalan bajet yang meliputi:

i. Penyediaan Bajet Mengurus;
ii. Peruntukan Bajet Mengurus;
iii. Perbelanjaan Mengurus;
iv. Penyediaan Bajet Pembangunan;
v. Pebelanjaan Pembangunan; dan
vi. Pemantauan Kemajuan/Prestasi Perbelanjaan Projek.

Tahap pematuhan terhadap Kawalan Bajet adalah seperti di **Jadual 2.**

**Jadual 2: Kawalan Bajet**

| Bil. | Perkara | Pematuhan |
|---|---|---|
| 1 | Penyediaan Bajet Mengurus | √ |
| 2 | Peruntukan Bajet Mengurus | √ |
| 3 | Perbelanjaan Mengurus | √ |
| 4 | Penyediaan Bajet Pembangunan | √ |
| 5 | Perbelanjaan Pembangunan | x |
| 6 | Pemantauan Kemajuan/Prestasi Perbelanjaan Projek | √ |



Nota :

| | |
|---|---|
| √ | Mematuhi |
| x | Tidak Mematuhi Sepenuhnya |

**Rumusan Kawalan Bajet**

JAWHAR telah mewujudkan pengurusan bajet mengikut peraturan yang ditetapkan. Peruntukan dipohon melalui anggaran bajet yang disokong dengan justifikasi yang jelas dan diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia. Aspek kawalan dan pemantauan terhadap prestasi projek pembangunan dilaksanakan dengan mewujudkan Sistem Pemantauan Projek (eSPP II) dan unjuran perbelanjaan bagi mengurus dan pembangunan juga disediakan bagi tahun 2007 dan 2008. Di samping itu, pihak pengurusan juga perlulah mengambil perhatian sewajarnya bagi memastikan projek pembangunan yang dirancang berjalan lancar supaya supaya objektif pembangunan dapat dicapai segera.

## III. Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang telah diluluskan dilaksanakan mengikut maksud yang ditetapkan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap lima aspek utama Kawalan Perbelanjaan seperti berikut:

i. Perakaunan;
ii. Pengurusan Perolehan;
iii. Pengurusan Kontrak;
iv. e-Perolehan; dan
v. Pengurusan Bayaran.

Tahap pematuhan Kawalan Perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 3.**

**Jadual 3: Kawalan Perbelanjaan**

| Bil. | Perkara | Pematuhan |
|---|---|---|
| 1 | Kawalan Perakaunan | √ |
| 2 | Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan setiap bulan | x |
| | dalam tempoh ditetapkan | √ |
| 3 | **Pengurusan Perolehan** | |
| 3.1 | Pembelian Terus | √ |
| 3.2 | Pegawai mengesahkan penerimaan barang dilantik | √ |
| 3.3 | Kawalan Am Sebut Harga / Tender | √ |
| 3.4 | Pengurusan Sebut Harga/Tender | √ |
| | a. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga | |
| | b. Jawatankuasa Penilaian | |
| | c. Jawatankuasa Sebut Harga | |
| 3.5 | Pengurusan fail sebut harga dan tender teratur | √ |
| 3.6 | Rekod dan Perjanjian Kontrak Dikemaskini | √ |
| 3.7 | e-Perolehan enabled bagi tatacara perolehan melalui sebut harga dan tender | √ |
| 4 | **Pengurusan Bayaran** | |
| 4.1 | Kawalan Dalaman Proses Bayaran | √ |
| 4.2 | Had Kuasa Berbelanja telah dikunci masuk dalam sistem eSPKB | √ |
| 4.3 | Capaian pegawai yang berpindah/bersara/berhenti dibatalkan | √ |
| 4.4 | Pembayaran yang memerlukan kelulusan khas, AP58(a) diperoleh dari JANM | √ |
| 4.5 | Daftar bil (BV342 dan BV346) dicetak/disimpan dalam disket | √ |
| 4.6 | Pengurusan Bayaran Pukal | √ |
| 4.7 | Laporan Terperinci Bayaran Pukal BP21 dicop tarikh terima, disahkan dan disemak | x |
| 4.8 | Pengurusan Panjar Wang Runcit | √ |

Nota :

| | |
|---|---|
| √ | Mematuhi |
| x | Tidak Mematuhi Sepenuhnya |

**Rumusan Kawalan Perbelanjaan**

Pematuhan peraturan terhadap kawalan perbelanjaan masih boleh dilakukan penambahbaikan. Untuk tujuan tersebut pihak pengurusan perlu mengambil tindakan penambahbaikkan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan seperti berikut:

i. Memastikan Buku Vot (BV 381) yang telah dicetak disemak oleh pegawai penyelia;

ii. Flimsi diterima daripada Pejabat Pembayar pada tarikh yang ditetapkan supaya Penyata Penyesuaian dapat disediakan dengan teratur dan sempurna mengikut tempoh selaras dengan peraturan kewangan yang ditetapkan;

iii. Keputusan pemilihan Jawatankuasa Sebut Harga JAWHAR hendaklah dicetak dan disimpan dalam fail berkaitan;

iv. Laporan BP20 dan BP21 diterima daripada Pejabat Pembayar dan laporan tersebut perlu disemak dan disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi mengesahkan bahawa bayaran pukal telah diakaunkan dengan teratur dan betul; dan

v. Perbelanjaan dan baki tunai PWR pada sesuatu masa hendaklah sentiasa dipantau oleh pegawai yang bertanggungjawab supaya pengurusan dan rekupmen terhadapnya dapat dilakukan segera bagi mengelakkan pembayaran bil tertunggak untuk tempoh yang tidak dibenarkan.

**IV. Kawalan Terimaan Hasil**

Semua terimaan bukan hasil seperti bayaran balik pinjaman perumahan, kenderaan dan bil telefon persendirian telah dilakukan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan dan diakaunkan dengan teratur dan kemas kini.

**V. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan Kumpulan Wang Amanah di JAWHAR adalah pengendalian daftar pinjaman komputer, kenderaan, perumahan dan deposit.



Tahap pematuhan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah Dan Deposit adalah seperti di **Jadual 4.**

**Jadual 4: Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah Dan Deposit**

| Bil. | Perkara | Pematuhan |
|---|---|---|
| 1 | Daftar Pinjaman Diselenggarakan dan Kemas Kini | √ |
| 2 | Pinjaman Perumahan Direkodkan dalam Buku Perkhidmatan | √ |
| 3 | Pinjaman Kenderaan Direkodkan dalam Buku Perkhidmatan | √ |
| 4 | Pinjaman Komputer Direkodkan dalam Buku Perkhidmatan | √ |
| 5 | Resit Pembelian Pinjaman Komputer dan kenderaan Disimpan dalam Fail Peribadi Peminjam | √ |
| 6 | Salinan Sijil Insuran Komprehensif untuk Setiap Tahun | x |
| 7 | Daftar Pendahuluan Diri Diselenggara | √ |

Nota :

| | |
|---|---|
| √ | Mematuhi |
| x | Tidak Mematuhi Sepenuhnya |

**Rumusan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pihak pengurusan telah mengemaskini rekod-rekod yang berkaitan mengikut peraturan yang ditetapkan kecuali salinan Sijil Insuran Komprehensif Kenderaan tidak direkodkan. Namun demikian, perkara ini telah diambil tindakan sewajarnya.

VI. **Pengurusan Aset Dan Inventori**

Bagi menentukan perolehan aset dan inventori untuk kegunaan pejabat di rekod dan dikawal selia dengan sempurna oleh JAWHAR, UAD telah menjalankan semakan ke atas kawalan dalaman merangkumi aspek seperti berikut:

i. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK);
- JKPAK bermesyuarat 3 bulan sekali;
- Pemantauan Oleh JKPAK Ke Atas Pengurusan Aset Dan Stor;

ii. Pelantikan Pegawai Aset;

iii. Pengurusan Harta Modal dan Inventori Dikemaskinikan;

iv. Penggunaan Kenderaan Jabatan;

v. Mempamerkan Logo dan Nama Rasmi Jabatan; dan

vi. Tindakan Pelupusan dan Hapus kira Oleh Pengurusan.

Tahap pematuhan Kawalan Pengurusan Aset dan Inventori adalah seperti di **Jadual 5.**

**Jadual 5: Kawalan Pengurusan Aset Dan Inventori**



| Bil. | Perkara | Pematuhan |
|---|---|---|
| 1 | Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Aset alih Kerajaan (JKPAK) | √ |
| 2 | Pelantikan Pegawai Aset | √ |
| 3 | Daftar Harta Modal diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di Sistem MyAsset | √ |
| 4 | Daftar Harta Modal | √ |
| 5 | Aset diberi nombor siri pendaftaran dan ditandai "Hakmilik Kerajaan" | x |
| 6 | Aset diurus dan disimpan dengan sempurna | √ |
| 7 | Stor pejabat diurus dengan baik | √ |
| 8 | Fail setiap kenderaan ada diselenggarakan | √ |
| 9 | Setiap pemandu mempunyai kebenaran memandu | √ |
| 10 | Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan | √ |
| 11 | Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis | √ |
| 12 | Penggunaan Kenderaan Jabatan bagi tujuan rasmi | √ |
| 13 | Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini | √ |
| 14 | Kawalan Kad Inden Minyak | √ |
| 15 | Resit pembelian petrol disimpan teratur | √ |
| 16 | Buku rekod pergerakan kad inden minyak diselenggarakan | x |
| 17 | Penggunaan Kad "Touch N Go" (Kad Tol Elektronik) | √ |
| 18 | Mempamerkan Logo dan Nama Rasmi | √ |
| 19 | Pelupusan aset dibuat dengan kadar segera | x |

Nota :

| | |
|---|---|
| √ | Mematuhi |
| x | Tidak Mematuhi Sepenuhnya |



*Temubual Bersama Auditi*



*Memberi Khidmat Nasihat*

**Rumusan Pengurusan Aset**

Secara keseluruhan Kawalan Pengurusan Aset adalah memuaskan. Namun demikian pihak pengurusan perlu mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan seperti berikut:

i. Maklumat aset perlu dikemaskinikan sepanjang masa;

ii. Lembaga Pemeriksa Pelupusan dikehendaki mengambil tindakan segera ke atas cadangan pelupusan aset supaya aset yang rosak dan tidak ekonomik untuk dibaiki dilupuskan dengan sewajarnya;

iii. Memastikan butiran aset dan inventori dikemaskini sewajarnya dalam daftar yang berkaitan supaya kawalan dan pemantauan terhadap aset dan inventori dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan;

iv. Memastikan nombor siri pendaftaran pada semua aset fizikal dikemaskinikan mengikut nombor siri baru yang telah diwujudkan supaya rekod yang disimpan adalah lengkap, tepat dan semakan dapat dilaksanakan dengan teratur;

v. Rekod kad inden diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta mengikut format pekeliling yang ditetapkan; dan

vi. Laporan analisis kenderaan juga hendaklah disediakan dan disemak bagi memastikan kenderaan dan penggunaan kad inden minyak dikawal sewajarnya.

**4. PENUTUP**

Secara keseluruhannya pasukan Audit Dalam berpuashati dengan prestasi pengurusan kewangan yang telah dilakukan. Beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan akan memantapkan lagi prestasi yang sedia ada.



# Laporan Tahunan KKS

# Laporan Tahunan KKS JAWHAR

Laporan Tahunan Kelab Kebajikan & Sukan (KKS) JAWHAR ini disediakan bertujuan untuk menerangkan secara ringkas mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh warga KKS JAWHAR bagi tahun 2008.

Diharapkan dengan penglibatan dan penyertaan ahli dalam setiap aktiviti yang dianjurkan secara dalaman dan juga luaran dapat merapatkan hubungan di antara warga KKS yang merupakan warga JAWHAR.

Tujuan-tujuan penubuhan Kelab ini ialah:

i. mengadakan aktiviti-aktiviti kebajikan, rekreasi dan sukan di kalangan warga JAWHAR;

ii. memberi peluang kepada ahli-ahli untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kebajikan, rekreasi dan sukan dalam usaha memelihara dan memupuk persefahaman, semangat kerjasama, mewujudkan suasana kemesraan dan mengeratkan perhubungan antara satu sama lain menerusi aktiviti-aktiviti tersebut;

iii. mempertingkatkan penganjuran aktiviti-aktiviti Kelab secara persendirian atau bersama dengan lain-lain Kelab Rekreasi dengan mengadakan pertandingan serta perlawanan;

iv. melakukan perkara-perkara yang sah di sisi undang-undang selaras dengan tujuan bagi mencapai tujuan-tujuan Kelab di atas;

v. mengadakan kutipan sumbangan; dan

vi. menganjurkan kegiatan pembelajaran, muhibah, kebudayaan dan rekreasi.

**KEAHLIAN**

Setakat ini keahlian KKS JAWHAR adalah seramai 69 orang seperti senarai berikut:

**Keahlian Kelab Kebajikan Dan Sukan JAWHAR (KKS JAWHAR)**



| Bil | Nama | No. Ahli |
|---|---|---|
| 1 | En. Ab. Rahim b. Zakaria | KKS 003 |
| 2 | En. Abu Bakar b. Manat | KKS 006 |
| 3 | Pn. Norbaiyah bt. Sukor | KKS 007 |
| 4 | Pn. Norhazimah bt. Che Hassan | KKS 010 |
| 5 | Pn. Zuraini bt. Ilias | KKS 014 |
| 6 | En. Syarqawi @ Ahmad b. Mohamad | KKS 015 |
| 7 | En. Mohd Radzi b. Mohammed Ismail | KKS 017 |
| 8 | En. Badiuzzaman b. Mohammad Pakir | KKS 018 |
| 9 | En. Zakaria b. Ahmad | KKS 019 |
| 10 | Pn. Zaharah bt. Harun | KKS 020 |
| 11 | Cik Mastura bt. Azmi | KKS 021 |
| 12 | Cik Saradila bt. Sairan | KKS 024 |
| 13 | Pn. Asmini bt. Ludin | KKS 029 |
| 14 | En. Muhammad Suardi b. Shafien | KKS 031 |
| 15 | Pn. Hazliana bt. Tahar | KKS 032 |
| 16 | Pn. Faizah bt. Muhamad | KKS 033 |
| 17 | Pn. Erma Suzia bt. Abd Rahman | KKS 034 |
| 18 | Pn. Siti Khadijah bt. Roduan | KKS 036 |
| 19 | Cik Dahlia bt. Ishak | KKS 038 |
| 20 | Cik Haryanti bt. Harun | KKS 040 |
| 21 | Pn. Dayang Suhada bt. Md Yusop | KKS 041 |
| 22 | Pn. Zakiah bt. Ya | KKS 042 |
| 23 | Cik Siti Patimah bt. Ali | KKS 043 |
| 24 | En. Mohd Ishak b. Abu | KKS 045 |
| 25 | En. Mohd Alias b. Ibrahim | KKS 046 |
| 26 | En. Abdul Aziz b. Ahmad | KKS 047 |
| 27 | Pn. Latifah bt. Jamal | KKS 048 |
| 28 | En. Iqbal Imaduddin b. Zulkipli | KKS 049 |
| 29 | Pn. Mashitah bt. Abdullah | KKS 050 |
| 30 | En. Shariffful Hakim b. Suman | KKS 051 |
| 31 | En. Mohamad Samsi b. Kamarudin | KKS 052 |
| 32 | Cik Rohainun bt. Rasdi | KKS 054 |
| 33 | Pn. Suzanna bt. Kamrozzaman | KKS 055 |
| 34 | Cik Zariena bt. Abdullah | KKS 056 |
| 35 | En. Othman b. Ali | KKS 057 |

| Bil | Nama | No. Ahli |
|---|---|---|
| 36 | En. Abdul Halim b. Sunny | KKS 059 |
| 37 | Cik Hawariah bt. Mohamad Anuar | KKS 061 |
| 38 | En. Abdul Halim b. Abdullah | KKS 062 |
| 39 | En. Hasan Hafizi bin Hanafi | KKS 063 |
| 40 | Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh | KKS 064 |
| 41 | En. Idzharudin b. Ibrahim | KKS 065 |
| 42 | Pn. Nikhat bt. Niaz Ahmad | KKS 066 |
| 43 | Pn. Rohaizah bt. Mohd Rojulan | KKS 067 |
| 44 | En. Muhammad Firdaus b. Abdul Rahim | KKS 068 |
| 45 | En. Md Sharif b. Ali | KKS 069 |
| 46 | Pn. Mazenah bt. Ahmad | KKS 070 |
| 47 | Pn. Rahayu bt. Shafie | KKS 071 |
| 48 | En. Zainal b. Mohd Yusoh | KKS 072 |
| 49 | En. Mohd Gunawan b. Che Ab Aziz | KKS 073 |
| 50 | En. Sabarudin b. Hasan | KKS 074 |
| 51 | Pn. Fairus bt. Baharin | KKS 075 |
| 52 | Pn. Maimunah bt. Ahmad | KKS 076 |
| 53 | Pn. Noor Rita bt. Kassim | KKS 077 |
| 54 | En. Razali b. Ahmad | KKS 078 |
| 55 | En. Mohd Bakri b. Ibrahim | KKS 082 |
| 56 | Cik Hayana bt. Khairudin | KKS 083 |
| 57 | En. Abd Ghafar b. Yusof | KKS 084 |
| 58 | En. Zainuddin b. Abdul Samad | KKS 085 |
| 59 | Cik Siti Najwa b. Shafie | KKS 086 |
| 60 | Cik Farizal bt. Razali | KKS 087 |
| 61 | En. Nordin b. Abu Bakar | KKS 088 |
| 62 | En. Mohd Riduan b. Hussin | KKS 089 |
| 63 | Cik Norhaya bt. Idrus | KKS 090 |
| 64 | En. Issyemmuddeen b. Iesa | KKS 092 |
| 65 | En. Mohd Fazri b. Zulkalnaini | KKS 093 |
| 66 | En. Mohd Ridzuan b. Sabli | KKS 094 |
| 67 | Cik Norfadhilah bt. Abdullah | KKS 095 |
| 68 | En. Rozali b. Maarof | KKS 096 |
| 69 | Pn. Halijah bt. Ramli | KKS 097 |

## CARTA ORGANISASI KKS JAWHAR



**Penaung 1**
Y.Bhg. Dr. Hj. Sohaimi Hj. Mohd Salleh



**Penaung 2**
En. Abd. Ghafar b. Yusof



**Pengerusi**
En. Ab. Rahim b. Zakaria



**Timbalan Pengerusi**
En. Mohd Gunawan b. Che Ab. Aziz



**Pemeriksa Kira-kira**
Pn. Noor Rita bt. Kassim



**Pemeriksa Kira-kira**
Pn. Zuraini bt. Ilias



**Setiausaha**
En. Hasan Hafizi b. Hanapi



**Penolong Setiausaha**
En. Syarqawi b. Muhammad



**Biro Kebajikan**
En. Sabarudin b. Hasan



**Biro Ekonomi**
En. Abu Bakar b. Manat



**Biro Sosial**
Cik Rohainun bt. Rasdi



**Bendahari**
En. Mohd Riduan b. Hussin



**Biro Kebudayaan**
Pn. Haryanti bt. Haron



**Biro Publisiti**
En. Mohd Radzi b. Mohammed Ismail



**Biro Sukan**
En. Idzharudin b. Ibrahim



**Pen. Bendahari**
Cik Zariena bt. Abdullah

**LAPORAN JAWATANKUASA**

**A. LAPORAN BIRO SOSIAL 2008**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | Cik Rohainun bt. Rasdi |
| Naib Pengerusi | : | Pn. Hjh Norhazimah bt. Che Hassan/ Cik Norfadhilah bt. Abdullah |
| Setiausaha | : | Cik Siti Patimah bt. Ali |
| Ahli Jawatankuasa | : | Cik Saradila bt. Sairan<br>Cik Farizal bt. Razali |

**Aktiviti Biro**

| Tarikh | Program |
|---|---|
| 12 Julai | Hari Keluarga JAWHAR |
| 19 September | Majlis Berbuka Puasa JAWHAR |
| 10 Oktober | Majlis Sambutan Hari Raya JAWHAR |
| Sepanjang Tahun | Rombongan JAWHAR ke Majlis Perkahwinan Warga JAWHAR |



**Latar belakang**

1. Biro Sosial KKSJ bertanggungjawab mendokong aspirasi dan menggerakkan aktiviti yang dapat mengeratkan silaturrahim di kalangan warga JAWHAR. Justeru, sebarang aktiviti yang dilaksanakan seharusnya mampu menggabungkan tenaga dan buah fikiran di kalangan ahli.

**Keahlian**

2. Biro Sosial dinaungi oleh Pn. Hjh Norhazimah bt. Che Hassan selaku Penasihat serta dipengerusikan oleh Cik Rohainun bt. Rasdi.

3. Bagi tempoh berakhir Disember 2008, Biro Sosial mempunyai seramai 6 orang ahli.

**Aktiviti-Aktiviti**

4. Sehingga Disember 2008, terdapat beberapa program yang telah diadakan atau dihadiri oleh ahli Biro Sosial KKSJ. Antara program-program utama tersebut ialah:

i. **Hari Keluarga JAWHAR**
Hari Keluarga JAWHAR telah diadakan pada 12 Julai 2008 anjuran bersama Biro Sukan KKSJ. Program ini telah diadakan bertempat di Taman Wetland, Putrajaya. Acara senaman poco-poco dimulakan seawal jam 8.30 pagi dengan penyertaan oleh Y.Bhg. KP dan Y.Bsr. TKP diiringi warga JAWHAR serta keluarga masing-masing. Seterusnya, program diselang-selikan dengan acara sukaneka kanak-kanak dan dewasa. Program ini berakhir pada pukul 3.00 petang di mana juara keseluruhan iaitu Kumpulan En. Abdul Halim b. Abdullah berjaya membawa pulang Piala Pusingan Hari Keluarga JAWHAR 2008.

ii. **Majlis Berbuka Puasa JAWHAR**
Majlis Berbuka Puasa JAWHAR yang diadakan pada 19 September 2008 bertempat di Dataran Wakaf, JAWHAR anjuran KKSJ memberi peluang kepada Biro Sosial untuk turut terlibat sebagai Jawatankuasa Jemputan dan Sambutan. Majlis yang disertai oleh beberapa pegawai kanan Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini turut diserikan dengan kehadiran wakil tiga buah rumah anak yatim sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor yang dijemput khas bagi menerima sumbangan wang zakat. Rumah anak-anak yatim tersebut termasuklah Yayasan Pembangunan Nur Hikmah, Asrama Damai Rumah Anak-anak Yatim dan Asrama Darul Falah PERKIM.

iii. **Majlis Sambutan Hari Raya JAWHAR**
Majlis Sambutan Hari Raya JAWHAR yang dianjurkan oleh BKPSM dan KKSJ ini diadakan bertempat di Dataran Wakaf, JAWHAR pada tanggal 10 Oktober 2008. Biro Sosial bertanggungjawab menjemput para tetamu kehormat seperti Setiausaha Sulit Kanan dan Setiausaha Sulit Pejabat Menteri di JPM, Setiausaha Bahagian Pengurusan dan Kewangan di JPM, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan Lembaga Zakat Antarabangsa (LZA), serta Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Di samping itu, Biro Sosial turut bertanggungjawab ke atas urusan jemputan para kakitangan JAWHAR yang telah bertukar bagi tujuan meraikan khidmat bakti mereka semasa bertugas di JAWHAR.

iv. **Rombongan JAWHAR ke Majlis Perkahwinan Warga JAWHAR**
Biro Sosial turut meraikan warga JAWHAR yang telah selamat mendirikan rumahtangga dengan menghantar wakil semasa masjlis perkahwinan berlangsung. Sesungguhnya, tiada yang lebih mengembirakan selain daripada menerima kehadiran rakan taulan di hari berbahagia tersebut.

## B. LAPORAN BIRO KEBUDAYAAN 2008

Pengerusi : Pn. Haryanti bt. Haron
Naib Pengerusi : Pn. Erma Suzia bt. Abd Rahman
Setiausaha : Pn. Hazliana bt. Tahar
Ahli Jawatankuasa : Cik Hawariah bt. Mohd Anuar
Pn. Asmini bt. Ludin

**Aktiviti Biro**

| Tarikh | Program |
|---|---|
| 04 Feb | Sesi ujibakat ahli kumpulan nasyid JAWHAR untuk mewakili Jabatan dalam Festival Nasyid Peringkat JPM. |
| 03 April | Penubuhan Kumpulan Nasyid JAWHAR "JAWHARUL MUNIR" yang mewakili Jabatan dalam Festival Nasyid Peringkat JPM Sempena Ma'al Hijrah pada 3 April 2008 bertempat di Auditorium Blok B, JPM. |
| 12 Jun | Menjayakan aktiviti aerobik dan poco-poco dalam majlis sambutan Hari Keluarga JAWHAR 2008 di Taman Wet Land, Putrajaya. |
| 14 Ogos | Menyertai Pertandingan Nyanyian Lagu Asli dan Moden. |
| 03 November | Mewujudkan Kelab Aerobik dengan kerjasama Biro Sukan dan Sosial Puspanita JAWHAR. |

## C. LAPORAN BIRO SUKAN 2008

Pengerusi : En. Idzharudin b. Ibrahim
Naib Pengerusi : En. Muhammad Suardi b. Shafien
Setiausaha : Cik Zariena bt. Abdullah
Ahli Jawatankuasa : Cik Dahlia bt. Ishak
En. Ishak b. Abu
En. Mohd Fadhil Khariry b. Abdullah Kassim
En. Mohd Fazri b. Zulkalnaini
Pn. Latifah bt. Jamal
En. Zainal b. Hj. Mohd Yusoh
En. Md Shariff b. Ali

**Aktiviti Biro**

| Tarikh | Program |
|---|---|
| 03 Jun dan 12 Jun | Sebanyak dua kali sesi latihan badminton telah diadakan bertempat di Dewan Kompleks Kejiranan Presint 16 Perbadanan Putrajaya, Putrajaya. |
| 13 Jun | Satu perlawanan persahabatan dengan pasukan ping pong Kelab Sukan Suruhanjaya Pilihan Raya Wilayah Persekutuan. |
| 19 Jun | Satu perlawanan persahabatan dengan pasukan ping pong Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Sepang. |
| 12 Julai | Terlibat dalam penganjuran Hari Keluarga JAWHAR bertempat di Taman Wetland Putrajaya. |
| | Bertanggungjawab bagi mengurusetiakan acara sukaneka yang disertai oleh anak-anak warga JAWHAR dan juga warga JAWHAR dalam acara dewasa. |
| 19 dan 21 Julai | Dua perlawanan persahabatan antara pasukan bolasepak JAWHAR dan pasukan bolasepak Sekolah Alam Shah telah diadakan bertempat di padang Sekolah Alam Shah, Putrajaya. |
| 02 Ogos | Terlibat sebagai wakil JAWHAR dalam mengurusetiakan acara bolasepak dan bola baling pada Hari Keluarga Agensi-agensi Islam di ILIM Bangi. |
| | Menguruskan tentang penyertaan serta jadual pertandingan dan juga dari segi pengadilan pertandingan. |
| 08 November | Satu pertandingan bowling telah diadakan bertempat di ARL Power Bowl Alamanda. Pertandingan ini adalah anjuran bersama antara Biro Sukan KKSJ dan Puspanita JAWHAR. |
| 29 November | Satu pertandingan dalaman telah dianjurkan oleh Biro Sukan KKSJ dengan kerjasama daripada Puspanita JAWHAR. Pertandingan ini diadakan bertempat di Dataran Wakaf. |

**Badminton**

Sebanyak dua kali sesi latihan badminton telah diadakan pada 03 Jun dan 12 Jun 2008 bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 16 Perbadanan Putrajaya, Putrajaya. Sesi latihan ini telah diadakan pada sebelah malam dan dihadiri oleh warga JAWHAR yang berminat dalam sukan badminton.

**Bolasepak**

Dua perlawanan persahabatan antara pasukan bolasepak JAWHAR dan Pasukan Bolasepak Sekolah Alam Shah telah diadakan pada 19 dan 21 Julai 2008 bertempat di padang Sekolah Alam Shah, Putrajaya. Perlawanan persahabatan ini turut disaksikan oleh keluarga besar JAWHAR yang turut turun padang bagi memberikan sokongan moral kepada pemain pasukan JAWHAR. Dalam perlawanan pertama, keputusan seri dua sama telah dicatatkan dan dalam perlawanan kedua yang bertempat di Padang Presint 16, pasukan JAWHAR telah tumpas dengan jaringan 1 – 6.



**Ping Pong**

Satu pertandingan dalaman telah dianjurkan oleh Biro Sukan KKSJ dengan kerjasama daripada Puspanita JAWHAR. Pertandingan ini diadakan pada 29 November 2008, bertempat di Dataran Wakaf. Sebanyak dua kategori telah dipertandingkan iaitu kategori perseorangan dan kategori beregu. Berikut adalah keputusan pertandingan tersebut:

**Kategori Perseorangan**

| | | |
|---|---|---|
| Johan | : | En. Zainuddin b. Abdul Samad |
| Naib Johan | : | En. Riduan b. Hussin |
| Ketiga | : | En. Mohd Sharif b. Ali |

**Kategori Beregu**

| | | |
|---|---|---|
| Johan | : | En. Zainuddin b. Abdul Samad & Abdul Aziz b. Ahmad |
| Naib Johan | : | En. Mohd Sharif b. Ali & En. Mohd Bokhari b. Mat Doa (YWM) |
| Ketiga | : | En. Hasan Hafizi b. Hanapi & Cik Siti Patimah bt. Ali |

Selain pertandingan dalaman tersebut, dua perlawanan persahabatan antara pasukan ping pong JAWHAR dan Kelab Ping Pong SPR Wilayah Persekutuan serta pasukan ping pong IKTBN Sepang. Perlawanan menentang Kelab Sukan SPR diadakan di Dataran Wakaf JAWHAR manakala perlawanan persahabatan menentang Pasukan Ping Pong IKTBN diadakan di Sepang. Selain itu, beberapa siri pemilihan telah diadakan bagi menentukan barisan pemain yang akan mewakili JAWHAR dalam perlawanan persahabatan tersebut.

**Bowling**

Satu pertandingan bowling telah diadakan pada 8 November 2008 bertempat di ARL Power Bowl Alamanda. Pertandingan ini juga adalah anjuran bersama antara Biro Sukan KKSJ dan Puspanita JAWHAR. Pertandingan ini telah mencatatkan penyertaan yang agak menggalakkan daripada warga JAWHAR yang kebanyakannya mempunyai kemahiran dalam bermain bowling. Berikut adalah keputusan pertandingan bowling tersebut:

**Berkumpulan**

| | | |
|---|---|---|
| Johan | : | Pasukan Al-Falah |
| Naib Johan | : | Pasukan Dokumentari Infaq 2 |
| Ketiga | : | Pasukan Wakaf Musytarak |

**Perseorangan**

| | | |
|---|---|---|
| Lelaki | : | En. Riduan b. Hussin |
| Wanita | : | Cik Rohainun bt. Rasdi |

**Aktiviti-aktiviti Lain Biro Sukan KKSJ 2008**

1. Terlibat dalam penganjuran Hari Keluarga JAWHAR bertempat di Taman Wetland, Putrajaya. Pada Hari Keluarga JAWHAR itu, Biro Sukan bertanggungjawab bagi mengurusetiakan acara sukaneka yang disertai oleh anak-anak warga JAWHAR dan juga warga JAWHAR dalam acara dewasa.

2. Terlibat sebagai wakil JAWHAR dalam mengurusetiakan acara bolasepak dan juga bola baling pada Hari Keluarga Agensi-agensi Islam di ILIM, Bangi. Biro Sukan KKSJ telah menguruskan penyertaan serta jadual pertandingan dan juga dari segi pengadilan pertandingan.

# GAMBAR PERISTIWA

## Hari Keluarga JAWHAR



*KP JAWHAR bersama Pengerusi KKSJ*



*Penyampaian hadiah*



*Bersama peserta bagi acara bola*



*Hari Keluarga JAWHAR di Wetland Putrajaya*



*Anak-anak warga JAWHAR*



*Senaman Poco-Poco mendapat sambutan yang amat menggalakkan*



*Wajah-wajah ceria pihak urusetia yang bertugas sambil bergambar*



*Anak-anak warga JAWHAR tidak sabar untuk bersukaneka*

## Majlis sambutan Hari Raya JAWHAR



*Gembira berbuka puasa bersama-sama'*



*Pemberian wang zakat kepada wakil rumah anak yatim yang dijemput khas semasa Majlis Berbuka Puasa JAWHAR*





*Kanak-kanak riang mendapat angpow raya*

## Perlawanan Ping Pong Persahabatan JAWHAR dan SPR



*Antara aksi menarik dalam acara perseorangan*



*Pasangan beregu JAWHAR terdiri daripada En. Zainuddin b. Abdul Samad dan En. Muhammad Suardi b. Shafien*



*Bergambar bersama barisan pemain daripada Kelab Sukan SPR*



## Perlawanan Ping Pong Persahabatan JAWHAR dan IKTBN Sepang



*Bergambar bersama pemain dan jurulatih Pasukan Ping Pong IKTBN Sepang*



*Pasangan beregu wanita JAWHAR yang terdiri daripada Cik Zarena bt.Abdullah dan Cik Saradilla bt. Sairan dalam perlawanan di IKTBN Sepang*

## Kejohanan Bowling Tertutup JAWHAR



*Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR menyampaikan hadiah kepada pemenang*



*Pemenang tempat pertama berkumpulan Pasukan Al Falah*



*Pemain veteran JAWHAR En. Md Shariff b. Ali dengan gayanya yang tersendiri*



*En. Mohd Bakri b. Ibrahim dari Kumpulan Wakaf Musytarak*



*Suasana meriah di hari pertandingan*



*Balingan emas daripada Cik Nurhaya bt. Idrus*

# LAPORAN KEWANGAN

Laporan Kewangan KKS JAWHAR sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti di lampiran berikut:

**Kelab Kebajikan dan Sukan**
**Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (KKS JAWHAR)**
Penyata Penerimaan Dan Pembayaran
Bagi Tempoh Berakhir 31 Disember 2008

| **Penerimaan:** | *Nota* | **RM** | **RM** |
|---|---|---|---|
| Yuran Dari Ahli-Ahli | | | 5,227.00 |
| Sumbangan | *3* | | 102,600.00 |
| Lain-Lain | *4* | | 837.09 |
| **Jumlah Penerimaan** | | | **108,664.09** |
| **Pembayaran:** | | | |
| Caj Bank | | 35.50 | |
| Makan/Minum | *5* | 2,000.00 | |
| Bulan Zakat Kebangsaan 2008 | *3.1* | 79,537.00 | |
| Makan/Minum IZEDP | *3.2* | 7,000.00 | |
| Hari Keluarga JAWHAR | *3.3* | 3,800.00 | |
| Cenderamata | *6* | 1,118.79 | |
| Iftar Ramadhan | *7* | 6,754.80 | |
| Pelbagai | *8* | 20,410.00 | **120,656.09** |
| **Lebihan/(Kurangan)** | | | **(11,992.00)** |

**Nota:**

1. Asas perakaunan yang digunakan adalah asas tunai di mana terimaan dan bayaran direkod apabila melibatkan tunai.
2. Kurangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 adalah sebanyak RM11,992.00.
3. Jumlah sumbangan yang diterima adalah sebanyak RM102,600.00 dan maklumat terperinci adalah seperti berikut:

## 3.1 PENYATA TERIMAAN DAN PERBELANJAAN BULAN ZAKAT KEBANGSAAN 2008 SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2008

| **TERIMAAN SUMBANGAN** | **RM** | **RM** |
|---|---|---|
| a) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | | 4,500.00 |
| b) Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak | | 1,500.00 |
| c) Majlis Agama Islam Kelantan | | 1,500.00 |
| d) Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah | | 1,500.00 |
| e) Pusat Pungutan Zakat - MAIWP | | 15,000.00 |
| f) Pusat Zakat Sabah | | 1,500.00 |
| g) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan | | 50,000.00 |
| h) Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis | | 1,500.00 |
| i) Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu | | 1,500.00 |
| j) Lembaga Zakat Selangor | | 1,500.00 |
| k) Majlis Agama Islam Melaka | | 1,500.00 |
| l) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan | | 1,500.00 |
| **JUMLAH TERIMAAN** | | **83,000.00** |
| | | |
| **PERBELANJAAN** | | |
| En. Ruslan (Saguhati Panel Forum Perdana) | 2,300.00 | |
| En. Ruslan (Sewa Pasu Bunga Hiasan DBKL & Kotak Hadiah) | 725.00 | |
| m.i.s.a.s Advertising Sdn. Bhd | 1,250.00 | |
| En. Ruslan (Hadiah Pidato L & P, Panek Hakim dan Pasukan Dikir Barat) | 8,100.00 | |
| En. Ruslan (Pembentang Kertas Kerja x 2) | 1,000.00 | |
| Cipta Art (Membekal & Memasang Set Forum Perdana) | 3,500.00 | |
| Sri Indah Jaya Sdn Bhd (Pengangkutan Peserta Pidato) | 1,000.00 | |
| RMH Trans Marketing (Membekal dan Memasang Banner, Backdrop dll) | 4,680.00 | |
| En. Ruslan (Pembelian Plaque Hadiah Pidato & Kotak Velvet) | 474.00 | |
| Bidara Mega Sdn Bhd (Pakej Sewa Peralatan Siaraya dan Janakuasa) | 27,000.00 | |
| Jelas Juta Sdn Bhd (Membekal dan Memasang dan Mengendali MCP) | 15,000.00 | |
| Indah Jaya Creative (Membekal Beg Bimbit, Telekung, Kain & Sejadah) | 8,900.00 | |
| Sentuhan Gemilang Enterprise (Membekal Keychain untuk BZK) | 1,150.00 | |
| Hadiah Kuiz Online Bulan Zakat Kebangsaan 2008 | 1,450.00 | |
| L & Z First Trading (Makan/Minum untuk Seminar & Pidato BZK) | 3,008.00 | **79,537.00** |
| | | |
| **JUMLAH LEBIHAN** | | **3,463.00** |

**3.2 PENYATA TERIMAAN DAN PERBELANJAAN INTERNATIONAL ZAKAT EXECUTIVE DEVELOPMENT PROGRAMME (IZEDP) SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2008**

| | | |
|---|---|---|
| TERIMAAN SUMBANGAN | RM | RM |
| a) Pusat Pungutan Zakat-MAIWP | | 3,500.00 |
| b) Lembaga Zakat Selangor | | 3,500.00 |
| **JUMLAH TERIMAAN** | | **7,000.00** |
| **PERBELANJAAN** | | |
| Restoran Seri Melayu | 7,000.00 | **7,000.00** |
| **JUMLAH LEBIHAN** | | **0.00** |

**3.3 PENYATA TERIMAAN DAN PERBELANJAAN HARI KELUARGA JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR) SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2008**

| | | |
|---|---|---|
| **TERIMAAN SUMBANGAN** | **RM** | **RM** |
| a) Sumbangan Hari Keluarga | | 1,600.00 |
| **JUMLAH TERIMAAN** | | **1,600.00** |
| **PERBELANJAAN** | | |
| Baju T-Shirt | 1,600.00 | |
| Makan/Minum | 1,700.00 | |
| Sewa Tapak | 500.00 | **3,800.00** |
| **JUMLAH KURANGAN** | | **2,200.00** |

3.4 **Sumbangan Penerbitan**

| | |
|---|---|
| a) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan | 6,000.00 |

3.5 **Sumbangan bagi Tugas Khas dan Hari Raya JAWHAR**

| | |
|---|---|
| a) Yayasan Waqaf Malaysia | 5,000.00 |

4. Pendapatan dan terimaan lain adalah seperti berikut:

| | RM |
|---|---|
| a) Baki Perbelanjaan Hari Keluarga | 200.00 |
| b) Baki Perbelanjaan Tugas Khas | 570.00 |
| c) Hibah BIMB | 67.09 |
| **JUMLAH** | **837.09** |

5. Belanja makan/minum untuk Hari Terbuka JPM

| | |
|---|---|
| a) Puteri Salwa Catering [Makan/Minum Hari Terbuka JPM] | 2,000.00 |
| **JUMLAH** | **2,000.00** |

6. Cenderamata/sumbangan adalah seperti berikut;

| | RM |
|---|---|
| a) Rohainun (Mohd Sabri, Maziah, Abd Khalid [B]) | 274.24 |
| b) Sabarudin (Razali, Che Mah, Norleha, Norhidayah, Nor bt Badar [B]) | 250.00 |
| c Sabarudin (Gunawan, Syaffina, Rahayu[A]) & (Mashitah, Hasanudin, Badiuzzaman [B]) | 300.00 |
| d) Sabarudin (Ruslan[B], Murid, Asmini & Khairudin(K), Nor Jahan & Suzanna (A)) | 294.55 |
| **JUMLAH** | **1,118.79** |

*Nota:*

| | |
|---|---|
| *A* | *Mendapat Cahayamata* |
| *B* | *Bertukar* |
| *K* | *Kahwin* |



7. Pemberian Wang Iftar Ramadhan:-

| | **RM** |
|---|---|
| a) Yayasan Pembangunan Nur Hikmah | 2,251.60 |
| b) Asrama Darul Falah Perkim | 2,251.60 |
| c) Pengurusan Anak-Anak Yatim | 2,251.60 |
| **JUMLAH** | **6,754.80** |

8. Belanja pelbagai adalah seperti berikut:-

| | **RM** |
|---|---|
| i) Jaket Korporat | 4,970.00 |
| ii) Batik Korporat | 9,210.00 |
| iii) Penginapan Tugas Khas | 2,090.00 |
| iv) Perbelanjaan Sambutan Hari Raya JAWHAR | 3,300.00 |
| v) Bayaran Perlawanan Bowling Tertutup JAWHAR | 840.00 |
| **JUMLAH** | **20,410.00** |

| **ASET** | ***Nota*** | **RM** |
|---|---|---|
| Aset Tetap | | 0.00 |
| Aset Semasa: | | |
| Wang Dalam Tangan | | 91.39 |
| Wang Dalam Bank | | 17,401.21 |
| **JUMLAH** | | **17,492.60** |
| TANGGUNGAN | | 0.00 |
| **KUMPULAN WANG TERKUMPUL** | | |
| Baki pada 01 Jan 2009 | | 29,484.60 |
| Lebihan/(Kurangan) | *2* | (11,992.00) |
| **JUMLAH** | | **17,492.60** |

PENUTUP

KKS JAWHAR telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2008 yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan siratulrahim setiap ahlinya agar sentiasa berkekalan tanpa mengira jawatan yang disandang. Semoga aktiviti yang dianjurkan memberi banyak manfaat yang berguna dan dapat diteruskan di masa-masa akan datang.



Disediakan Oleh:
Hasan Hafizi Hanapi
Setiausaha
